

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II **Bil. 9** **Hari Selasa** **9hb.**
April, 1996

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mesyuarat Dewan Rakyat - Penambahan Hari
(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1):**

Keganasan Pihak polis Terhadap Penunjuk Perasaan Bakun
- Y. B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(Ruangan)

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- Y.B. Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin (Yan)
(Ruangan)



Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat(Ruangan)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasar Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 9hb. April, 1996****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

-

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**MESYUARAT DEWAN RAKYAT - PENAMBAHAN HARI**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang bersidang sekarang ditambah selama dua hari lagi iaitu pada hari Selasa, 21hb. Mei hingga hari Rabu, 22hb. Mei 1996. Tujuannya ialah untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahaskan pembentangan usul Rancangan Malaysia Yang Ketujuh.

Oleh yang demikian, tempoh Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Dewan Rakyat sekarang ini ialah dari 25hb. Mac hingga 22hb. Mei 1996.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-

PERTANYAAN**LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN PESISIR
ANTARABANGSA (IOFC) - PRESTASI**

1. Tuan Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) prestasi dan potensi Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa (IOFC); dan
- (b) apakah strategi kementerian untuk menarik modal dari Hongkong selepas ianya diambil alih oleh Republik Rakyat China pada tahun 1997. Setakat manakah status Labuan sebagai IOFC dapat memanfaatkan ekonomi negeri Sabah.

22.4.96

37. Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas] minta Menteri Kewangan menyatakan sejak Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Syarikat Amanah 1990, Akta Perbankan Luar Pesisir 1990, Akta Ansuran Pesisir 1990 dan Akta Kegiatan Pencukaian Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 diluluskan pada bulan Jun 1990, adakah kerajan berpuashati dengan perkembangan yang berlaku di Labuan setakat ini dan rancangan kerajaan pada masa depan untuk menjadikan Labuan sebuah Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang berdaya maju.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat dari Bukit Mas, Tuan Michael Lisa Kaya yang dijadualkan pada 22hb. April ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak Labuan diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada 1hb. Oktober 1990 kemajuan yang menggalakkan telah dicapai. Sehingga 3hb. April 1996

sejumlah 689 syarikat-syarikat luar pesisir telah ditubuhkan, termasuk di antaranya 49 buah bank luar pesisir. Bank-bank ini terdiri daripada bank-bank antarabangsa dari Jepun, Hongkong, Singapura, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Belanda, Perancis, Switzerland dan Belgium.

Potensi untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah IOFC yang ulung adalah cerah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti perkembangan ekonomi yang pesat di rantau Asia Pasifik, pembukaan ekonomi di Asia dan Eropah Timur dan kesungguhan kerajaan dan sektor swasta ke arah usaha untuk membangunkan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang perlu.

Beberapa infrastruktur utama seperti sistem telekomunikasi yang canggih, hospital pakar, taman kewangan dan sekolah antarabangsa telah pun disediakan. Di samping itu, terdapat minat yang meluas daripada bank-bank dari luar negara dan bakal pelabur untuk beroperasi di Labuan apabila dilihat daripada pertanyaan-pertanyaan yang berterusan yang diterima mengenai Labuan IOFC termasuk lawatan yang dibuat oleh bakal pelabur-pelabur ke Labuan.

Bagi menjamin kejayaan Labuan IOFC, kerajaan baru-baru ini telah pun menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ataupun LOFSA. Di antara lain peranan LOFSA

adalah untuk mewujudkan perkhidmatan pelesenan setempat, dengan izin, one stop centre, dengan mengambil alih tugas-tugas yang dijalankan oleh pendaftar syarikat dan Bank Negara. Langkah ini akan meningkatkan kecekapan pentadbiran di Labuan. Di samping itu, LOFSA juga akan bertanggungjawab untuk mengkaji pengembangan aktiviti luar pesisir di Labuan, termasuklah aktiviti amanah, unit amanah, perbankan Islam dan pembentukan pasaran modal.

- (b) Labuan IOFC mempunyai kelebihan semula jadi bagi menarik modal daripada Hongkong, mahupun negara-negara lain. Labuan mempunyai kedudukan geografinya yang strategik dan kedudukan zon masa yang sesuai untuk berurusan dengan pusat-pusat kewangan utama di serata dunia. Tambahan pula, keadaan politik yang stabil dan kemudahan infrastruktur dan telekomunikasi yang baik serta insentif cukai yang menarik adalah faktor-faktor tambahan yang dapat menarik dana ataupun modal daripada mana-mana tempat di dunia.

Sungguhpun demikian, kerajaan juga telah mengambil langkah awal bagi menarik pelabur dan syarikat-syarikat dari Hongkong dengan mengadakan seminar khusus di Hongkong pada 1991 dan 1995. Kedua-dua seminar itu telah diketuai sendiri oleh Menteri Kewangan dan telah menerima sambutan yang menggalakkan. Strategi seminar di Hongkong adalah untuk meyakinkan pelabur di Hongkong yang Labuan telah siap sedia untuk menerima aktiviti-aktiviti pelaburan luar pesisir yang akan diberikan layanan cukai

istimewa iaitu 3% ataupun RM20,000, ikut pilihan pelabur. Angka ini adalah jauh lebih baik daripada kadar cukai pendapatan di Hongkong sebanyak 15%. Hasilnya kini telah terdapat 104 buah syarikat daripada Hongkong yang telah berdaftar di Labuan IOFC.

Dari segi manfaat kepada negeri Sabah, penubuhan Labuan sebagai IOFC secara tidak langsung dapat menyumbang ke arah pembangunan Sabah. Sebagai contoh, kemasukan dan penubuhan syarikat dan bank luar pesisir di Labuan akan meningkatkan keperluan pekerja mahir dan pekerja sokongan yang sudah tentu dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk Sabah. Pembangunan Labuan juga akan dapat mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti sampingan di kawasan Menumbok, Sabah yang paling berhampiran dengan Labuan dan mempunyai laluan feri ke Labuan. Peningkatan perkhidmatan pengangkutan di antara Labuan dan Menumbok dapat pula merangsang aktiviti-aktiviti lain seperti industri perniagaan di Menumbok dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk Menumbok.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah syarikat pemegang amanah yang telah ditubuhkan di Labuan dan apakah fungsi syarikat amanah ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau tidak salah saya ada 13 syarikat amanah yang telah ditubuh di Labuan dan semuanya adalah syarikat anak negeri iaitu syarikat yang dipegang oleh orang-orang tempatan iaitu orang-orang Malaysia.

Aktiviti-aktiviti syarikat amanah yang ditubuhkan di Labuan termasuklah pertukaran dan pendaftaran saham, memberi perkhidmatan pengurusan dan perakauan ataupun menyediakan pengarah-pengarah, setiausaha ataupun pejabat berdaftar. Syarikat amanah juga boleh bertindak sebagai logging agent dan memperbadankan atau mendaftarkan syarikat-syarikat dan juga bertindak sebagai agen dalam menguruskan harta dan menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan dan dana.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kini Labuan telah mempunyai prasarana fizikal yang mencukupi, perundangan yang menarik serta sebuah lembaga yang baru telah ditubuhkan iaitu LOFSA. Semasa membuat road show beberapa tahun yang lalu, bila ditanya mengenai kedudukan ruang pejabat merupakan salah satu handicap bagi Labuan.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah kerajaan seterusnya bagi memasarkan Labuan di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa (IOFC) ini. Dengan wujudnya LOFSA ini untuk memastikan supaya semua ruang pejabat yang disediakan di ujana kewangan ini dapat digunakan sepenuhnya. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan seterusnya bagi memastikan semua ruang pejabat ini digunakan sepenuhnya?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Labuan, ingin saya nyatakan sekarang, dengan banyaknya syarikat-syarikat Hong Kong yang telah tertarik hasil daripada

dua 'road show' yang telah dilakukan itu. Saya diberitahu bahawa Fasa I projek pembinaan taman kewangan di Labuan insya-Allah akan siap pada bulan Ogos ini, iaitu Fasa I sebagai satu tanda untuk menyatakan bahawa tarikan telah ada dan mencapai ataupun mendapat response yang baik.

Fasa I projek ini yang mengandungi blok menara dan podium telah pun siap pada tahun 1995 dan telah menerima tempahan sebanyak 91%, sementara blok podium pula telah menerima tempahan 60% daripada keupayaannya. Jadi, setakat ini angka-angka ini menunjukkan satu pola response yang baik, yang mana kita pasti bahawa segala kemudahan infrastruktur yang diberikan di dalam bentuk taman kewangan akan dapat dipenuhi apabila ianya dijalankan atau diimplimentasikan nanti.

KELAS MENENGAH SAINS - BILANGAN PELAJAR MENGIKUT NEGERI/KAUM/TINGKATAN

2. Cik Sukiman Domo [Batang Sadong] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kelas menengah sains dan bilangan pelajar aliran sains mengikut negeri, kaum dan tingkatan (4, 5 & 6); dan
- (b) rancangan kementerian untuk meningkatkan bilangan pelajar bumiputera mengikut aliran sains.

10.4.96

14. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah benar pelajar-pelajar Melayu masih mundur dalam bidang sains; oleh itu apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua soalan yang menyentuh tentang prestasi pelajar Melayu dan bumiputera di bidang sains. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan-soalan tersebut ialah:

- (i) Yang Berhormat dari Batang Sadong pada hari ini; dan
- (ii) Yang Berhormat dari Kota Bharu pada 10hb. April.

Saya mohon untuk menjawab kedua-dua soalan itu serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat adalah tidak benar bahawa pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera masih lemah dalam bidang sains. Kemerosotan pencapaian sains bukanlah secara mendadak, tetapi ianya merupakan perubahan biasa yang berlaku dalam setiap keputusan peperiksaan. Kementerian Pendidikan sentiasa mengadakan aktiviti berupa penggalakan serta bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada pelajar-pelajar. Mereka juga didedahkan peluang serta aktiviti yang dapat meningkatkan ketahanan serta menarik minat mereka untuk menceburi bidang sains. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah penerangan oleh guru-guru bimbingan dan kaunseling mengenai peluang-peluang kerjaya bagi para pelajar yang menceburi bidang sains, mengadakan ekspo-ekspo pendidikan sains dan sebagainya.

Bilangan kelas pelajar aliran sains mengikut tingkatan pada 1.1.1996 adalah seperti berikut:

Tingkatan	Sains Jumlah Kelas	Bilangan pelajar
4	1,906	65,840 orang
5	1,571	51,828 “
6	233	5,411 “

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu apakah sebab-sebab subjek sains tidak boleh diajar di tiap-tiap sekolah menengah di seluruh negara dan soalan yang spesifik, bilakah aliran sains akan diberikan kepada SMK di Engkilili.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui ada kekurangan di sana-sini dan pokoknya kita perlu memberikan pendedahan yang secukup-cukupnya kepada para pelajar supaya timbul dan tertanam minat mereka terhadap mata pelajaran sains ini dan ini kita cuba buat melalui pelbagai kegiatan yang saya sebutkan tadi. Secara khusus tentang SMK di Engkilili ini, saya akan siasat dan boleh maklumkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah kementerian dan guru-guru untuk memberikan kaunseling dan sebagainya kepada murid-murid bagi menambah minat bagi mempelajari mata pelajaran sains ini, apakah langkah yang akan dibuat oleh kementerian? Adakah bilangan guru-guru pakar dalam mata pelajaran sains sekarang ini mencukupi, dan adakah cadangan kementerian untuk menambah guru pakar, sekiranya tidak

cukup, bagaimana pula dengan galakan kepada ibu bapa supaya murid dan anak-anak mereka ini diberikan galakan dalam mata pelajaran sains?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kecukupan tenaga pengajar, langkah-langkah sentiasa diambil untuk mempertingkatkan bilangan tersebut dari semasa ke semasa melalui program-program yang kita buat di sepanjang masa. Dalam usaha kita untuk mempertingkatkan dan mencetuskan minat di kalangan murid-murid juga, memang kita menggalakkan peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh ibu bapa melalui badan-badan yang ditubuhkan di sekolah-sekolah seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru, jawatankuasa permuafakatan.

:

**GAJI BARU - PENYELARASAN KEPADA KAKITANGAN AWAM
YANG TIDAK MENERIMA SKIM S.S.B**

3. Tuan Haji Mohamed bin Abdullah [Pasir Puteh] minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah penyelarasan gaji tidak diberi kepada kakitangan awam yang tidak menerima skim gaji baru S.S.B. pada hal mereka juga turut sama menyumbangkan tenaga berkhidmat untuk kemajuan negara.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, semasa skim gaji baru SSB dilaksanakan pada 1hb Januari, 1992 semua anggota sektor awam diberi tawaran option. Mereka diberi tempoh 3 bulan mulai 1hb Januari, 1992 hingga 31hb Mac, 1992 untuk menimbang sama ada hendak menerima ataupun menolak tawaran tersebut.

Dalam mana-mana pelarasan saraan hanya mereka yang berada dalam skim yang terlibat dengan pelarasan saraan berkenaan sahaja yang mendapat

faedah. Pelarasan saraan anggota sektor awam Sistem Saraan Baru 1995 adalah khusus untuk mereka yang berada di dalam Skim SSB. Oleh yang demikian, hanya mereka yang berada dalam skim tersebut sahaja yang mendapat faedahnya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar kenyataan bahawa skim SSB akan dikaji semula dan terdapat dua kenyataan yang bercanggah oleh pihak kerajaan. Sebelum daripada itu mengumumkan satu kenyataan, dan baru-baru ini terdapat satu kenyataan baru yang nampaknya jumlah yang perlu dibayar kepada pekerja adalah lebih daripada itu. Bolehkah saya mendapat tahu mengapa perkara ini boleh berlaku? Adakah ini menunjukkan pihak kerajaan tidak membuat kajian teliti sebelum kenyataan itu dibuat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang menjalankan tugas memerintah negara kita di peringkat Pusat ini adalah manusia biasa, kadangkala kadang ada juga tersilap. Jadi, dalam perkara ini, apa yang berlaku ialah tidak ada dua pendirian ataupun dua penjelasan berkenaan dengan masalah ini, tetapi yang berlaku ialah sementara kita memegang kepada prinsip, iaitu seseorang pekerja tidak harus mendapat pencen yang sama dengan gaji yang terakhir yang diterima olehnya. Apabila dikaji berkenaan satu daripada syarat pencen yang diberi pada mula, kita tidak pegang kepada prinsip ini. Dengan itu, bagi mereka yang mendapat gaji yang tinggi, oleh kerana mereka tidak akan membayar cukai atas pencen mereka, pendapatan mereka selepas bersara adalah lebih kurang sama

dengan pendapatan mereka semasa bekerja. Ini melanggar prinsip pencen. Sebab itu, kajian terpaksa dibuat semula dan dirundingi dengan pihak berkenaan.

Sementara kita tidak ingin mengurangkan barang sedikit pun peruntukan untuk pelarasan gaji ini, kita dapati bahawa untuk menentukan peruntukan ini dibelanjakan sepenuhnya, maka gaji biasa yang ditingkatkan, yang mana ini juga mempunyai kesan ke atas pencen yang akan diterima, tetapi tidaklah hingga mereka mendapat pencen yang sama dengan gaji semasa mereka bekerja. Sebab itu kita ada tambahan kepada gaji setelah disemak semula dan dirundingi dengan pihak CUEPECS, sementara formula untuk bayaran pencen dibetulkan supaya tidak ada pencen yang melanggar prinsip pembayaran pencen.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Soalan asal meminta supaya pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan kenapa kakitangan awam yang tidak menerima skim gaji baru SSB tidak dipertimbangkan, sepertimana yang dimaksudkan? Saya hendak minta penjelasan, kenapakah pihak kakitangan awam yang berkenaan tidak menerima skim SSB ini? Adakah didapati kelemahan dari segi penjelasan pihak kerajaan sehingga pihak kakitangan awam yang berkenaan tidak menghayati apa yang dibawa pendekatan baru oleh pihak kerajaan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang sejelas-jelasnya telah diberi. Tetapi pada pendapat mereka dengan tidak menerima skim yang baru ini mereka akan mendapat keuntungan yang lebih, iaitu bayaran gaji

bagi mereka kononnya lebih baik daripada apabila menerima SSB dengan syarat-syarat berkhidmat di bawah SSB. Perkara seperti ini sering berlaku. Ramai juga pekerja dan kakitangan kerajaan apabila diadakan sesuatu usaha meminda bayaran gaji yang tentulah bersyarat, mereka berpendapat bahawa adalah lebih baik mereka kekal dengan sistem bayaran lama. Tetapi apabila cara bayaran baru ini dikaji semula kemudian selepas dilaksanakan, dan tambahan diberi, maka mereka berpendapat bahawa gaji yang mereka ingin kekalkan dengannya dahulu tidak sebaik seperti gaji yang baru yang telah diselaraskan pula. Dan pada ketika itu, mereka meminta supaya mereka juga diterima. Tetapi mereka tidak menerima pada awalnya, tetapi mengikut pilihan mereka sendiri, dengan itu maka mereka tidaklah layak diberi pelarasan gaji sama seperti mereka yang lain yang menjadi majoriti yang menerima Sistem Saraan Baru.

POLIS DIRAJA MALAYSIA - GELARAN JAWATAN DALAM BAHASA INGGERIS

4. **Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa pihak Polis Diraja Malaysia telah memulakan perlantikan jawatan-jawatan dalam bahasa Inggeris.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perlantikan dan gelaran jawatan-jawatan dalam pasukan Polis Diraja Malaysia masih menggunakan istilah Bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris yang diMelayukan adalah amalan biasa. Demikian juga banyak perkataan dari bukan Bahasa Melayu sudah diterima pakai dan dianggap sebagai perkataan Melayu. Perkataan-perkataan dari bahasa Arab, Parsi, Portugis, Cina dan lain-lain sudahpun diserap ke dalam Bahasa Melayu dan sekarang menjadi sebahagian daripada Bahasa Melayu. Gelaran jawatan polis juga akan menjadi sebahagian daripada Bahasa Malaysia.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tulang belakang Barisan Nasional dan kerajaan di Malaysia - UMNO yang ditubuhkan lebih daripada setengah abad menggunakan bahasa Inggeris. U-M-N-0 adalah 'United Malays National Organisation,' bukan Melayu. Selepas merdeka, dikekalkan sampai sekarang. Adakah polis mengikut teladan itu apabila mengekalkan istilah-istilah yang ada dipakai sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kami masih menunggu DAP menukar nama mereka. *[Tepuk] [Ketawa]*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, soalan nama sama ada kita pakai nama 'inspektor' ataupun 'merinyu', Bahasa Melayu atau bahasa apa pun saya tak tahu. Jadi soalannya, kenapa pula DAP ataupun pembangkang membangkang kita gunakan nama yang pernah kita gunakan selama ini, tetapi kalau ada benda yang penting ditukar, mereka marah. Kalau benda yang tak penting ditukar, mereka pula marah. Jadi, soalan saya, apakah rasional di sebalik opposition yang dibuat oleh pihak pembangkang, terutama sekali daripada Jelutong mengenai soalan nama?

Seorang Ahli: Tak payah jawab!

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab. *[Ketawa]* Ini berasal daripada salah tafsir. Ada setengah orang mereka mengenalkan diri mereka sebagai opposition. Jadi, bila jadi opposition, semuanya oppose. *[Ketawa]*

USAHASAMA ANTARA USAHAWAN BUMIPUTERA-CINA-INDIA - BILANGAN PROJEK

5. **Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilangan projek usaha sama di antara usahawan bumiputera, Cina dan India setakat ini. Apakah usaha kementerian mempertingkatkan usaha sama sebegini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai perkara ini telah pun dijawab pada 28hb. Mac yang lalu.

Mengenai usaha sama di antara bumiputera dan usahawan India akan dilakukan dalam sedikit masa lagi. Ini adalah kerana kementerian ini masih memerhatikan usaha sama yang sedang dijalankan pada masa ini di antara bumiputera dengan usahawan Cina.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah usaha sama antara kaum India dan kaum Tionghua sahaja atau kaum Cina. Jadi, adakah cadangan kementerian untuk mengadakan usaha sama di antara kaum bumiputera yang terdapat di Sabah dan juga di Sarawak, selain daripada kaum India dan kaum Cina.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, memang kita ada cadangan untuk berbuat demikian.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan tadi adalah jelas menyatakan bahawa penyertaan usahawan India dalam projek seperti ini adalah tidak memuaskan atau kurang memuaskan. Apakah langkah-langkah yang diambil khususnya untuk usahawan India untuk menggalakkan mereka dalam usaha-usaha sama seperti ini dan

memandangkan keadaan kini di mana kaum India mempunyai kurang daripada 1% daripada pemegang ekonomi di negara ini.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akan mengadakan dialog dengan persatuan India dari semasa ke semasa dan kita telah membuat dua kali perjumpaan dengan persatuan India untuk berbincang tentang perkara ini. Insya-Allah, kita akan mengadakan dan kita akan pastikan yang kaum India juga tidak akan ketiggalan dalam mengadakan projek usaha sama ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup Yang Berhormat.

**JALAN RAYA BATU BALAI KE CHUCHOH PUTERI
- HARGA KONTRAK**

6. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai projek pembinaan jalan raya dari Batu Balai ke Chuchoh Puteri dan dari Chuchoh Puteri ke Laloh di Kelantan. Sila nyatakan harga kontrak asal dan harga tambahan, jika ada, nama pemborong dan sub-kontraktor. Adakah pihak kementerian sudah berpuas hati di atas jalan tersebut. Kalau tidak, apa tindakannya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan merupakan projek menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar iaitu dari:-

- (i) Kampung Batu Balai ke Simpang Tiga Sungai Pahi;
- (ii) Simpang Tiga Pahi ke Chuchoh Puteri; dan
- (iii) Chuchoh Puteri ke Kg. Laloh, Kuala Krai, Kelantan.

Kontrak bagi projek ini telah ditawarkan kepada Anjaria Properties Sdn. Bhd. iaitu kontraktor bumiputera bertaraf Kelas 'A'. Harga kontrak asal ialah

RM7,694,880 dan tempoh kontrak ialah 64 minggu iaitu dari 6hb. April, 1994 hingga 27hb. Jun, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, projek ini telah diberi lanjutan masa selama lima bulan dan telah disiapkan pada 21hb. November, 1995. Projek ini juga melibatkan perubahan harga kerana kerja tambahan sebanyak RM628,562. Jumlah ini adalah untuk tujuan berikut:-

- (i) memperbaiki benteng runtuh serta kerja-kerja berkaitan;
- (ii) kerja-kerja membekal dan memasang Gabion serta Rubble Pitching.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut di atas adalah di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kelantan. Pihak JKR berpuashati dengan pembinaan jalan tersebut.

DAFTAR PERUMAHAN BERPUSAT - OBJEKTIF DAN TUGAS

7. **Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai penubuhan sebuah Daftar Perumahan Berpusat (centralised housing registry) di bawah kementerian:-

- (a) apakah objektif dan tugas-tugas daftar tersebut dan adakah kementerian akan membantu kerajaan-kerajaan negeri yang belum mempunyai daftar perumahan untuk menubuhkan, melaksanakan serta menyambung secara “online” kepada daftar berpusat di kementerian dan apakah corak bantuan tersebut; dan
- (b) selain penubuhan daftar perumahan berpusat, apakah strategi dan rancangan lain yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan bekalan rumah kos rendah mencukupi dan diagihkan kepada pemohon yang layak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Objektif Sistem Pendaftaran Terbuka ialah bagi menentukan golongan yang layak sahaja mendapat kemudahan rumah kos rendah.

Fungsi Sistem Pendaftaran Terbuka ialah untuk mendaftar, memproses dan memilih bakal pembeli rumah kos rendah kerajaan dan swasta yang layak.

Kementerian telah menyediakan garis-garis panduan pemilihan penyewa rumah kos rendah di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka untuk dilaksanakan di peringkat negeri. Buat permulaan hubungan di antara kementerian dan kerajaan negeri di bawah sistem ini adalah bukan secara on-line tetapi, dengan izin, 'off-line'.

- (b) Kerajaan telah berusaha untuk menambah bekalan rumah kos rendah dan memperkemaskan lagi sistem penyampaiannya bagi memastikan bekalan rumah kos rendah cukup diagihkan kepada pemohon yang layak.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada kementerian bercadang memberi keutamaan kepada orang ramai atau pemohon yang terlibat dalam projek pembangunan atau projek pembinaan

setinggalan atau 'squaterist settlement programme' apabila kerajaan atau kerajaan negeri melancarkan projek-projek perumahan kos rendah kerana dengan cara ini masalah setinggalan, khususnya di pusat bandar akan dapat di atasi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat tadi, sememangnya telah menjadi amalan kepada DBKL dan juga Kerajaan Negeri Selangor setakat yang kita mendapat maklumat.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini kita dapati ramai mereka yang tidak layak untuk membeli rumah murah telah menggunakan nama orang lain yang layak untuk membelinya. Apakah dengan adanya sistem yang diperkenalkan nanti, kerajaan boleh mengesan ataupun boleh membanteraskan perkara seperti ini tidak akan berulang lagi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, tidak ramai mereka yang menggunakan secara yang tidak betul ataupun penyelewengan untuk mendapatkan rumah murah. Bagaimanapun, kementerian akan berusaha untuk memastikan bahawa dengan cara kita mengadakan daftar permohonan rumah murah secara berpusat ini, ianya akan mengelakkan daripada keadaan yang berlaku akan terus berlaku.

PAMERAN UDARA SINGAPURA LEBIH BERJAYA - PENDIRIAN KERAJAAN

8. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pertahanan menyatakan pendirian kerajaan di atas keterangan yang dibuat oleh Singapura bahawa pameran udara yang dianjurkan oleh Singapura adalah lebih berjaya berbanding dengan LIMA Langkawi baru-baru ini. Sila beri perbandingan di segi saiz,

jumlah pelawat dan hasil di LIMA Langkawi dengan Air Show Singapura baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saiz pameran dan bilangan pempamer adalah tidak wajar digunakan sebagai ukuran bagi menentukan kejayaan sesuatu pameran. Yang penting ialah, faedah-faedah sampingan yang boleh diperolehi dari pameran tersebut, seperti memperkenalkan Pulau Langkawi sebagai sebuah pusat pameran dan persidangan antarabangsa, pusat pelancongan dan sebagainya.

Dari segi ini, Pameran LIMA 1995 adalah sangat berjaya kerana Pulau Langkawi telah menjadi terkenal sebagai pusat pelancongan dan secara tidak langsung, Pameran LIMA juga telah membangunkan Pulau Langkawi khasnya dan Malaysia amnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbandingan antara LIMA 1995 dan East Aerospace 1996 adalah seperti berikut:-

- (i) bilangan pempamer - LIMA - 607, Asian Aerospace - 1,200;
- (ii) bilangan negara yang menyertainya - LIMA - 35, Asian Aerospace - 36;
- (iii) luas ruangan pameran mengikut perkiraan meter persegi - LIMA - 10,000 meter persegi indoor, dengan izin dan 67,500 meter persegi outdoor. Asian Aerospace - 22,000 indoor dan 50,000 outdoor.

- (iv) bagi bilangan pesawat-pesawat yang dipamerkan, bagi LIMA sebanyak 84 pesawat-pesawat dan bagi Asian Aerospace - 57.
- (v) bilangan pengunjung untuk LIMA sebanyak 75,000 yang mana 15,000 adalah trip visitors, dengan izin dan 60,000 orang awam. Dan di Pameran Asian Aerospace sebanyak 78,000 dan yang menjadi trip visitors adalah sebanyak 28,000 dan orang awam 50,000.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan LIMA Langkawi akan diadakan setiap dua tahun sekali dan dengan dua pameran yang telah diadakan, adakah Kementerian Pertahanan akan menganjurkan satu pameran LIMA Langkawi yang besar-besaran pada masa yang akan datang dan boleh mendapat hasil dan segala-gala pandangan yang lebih besar dan giat.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan dan kerajaan tetap akan terus mengadakan LIMA pada setiap dua tahun dan insya-Allah, kian lama akan kian besar, walaupun kini LIMA hanya di kali yang ketiga telah mendapat taraf di antara empat yang terbesar di dalam dunia daripada segi jumlah negara dan jumlah pameran yang turut serta dalam expedition yang berkenaan.

Satu lagi aspek, untuk kita memastikan yang ia akan lebih meriah, lebih baik dan lebih besar, kerajaan juga membincangkan untuk menswastakan sepenuhnya Pameran LIMA kelak kepada pihak yang dipertanggungjawabkan.

Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah berjayanya Acara LIMA 1995 untuk mengembangkan industri hi-tech penerbangan dan aerospace.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, di LIMA 1995 yang berakhir pada tahun sudah terdapat sebanyak 20 buah

memorandum of understanding, dengan izin, dan juga memorandum of agreement di antara syarikat-syarikat antarabangsa dengan syarikat-syarikat tempatan yang mana ada pelbagai dan beberapa aspek untuk industri aerospace dan sebagainya telah pun dipersetujui oleh mereka.

Dalam perjanjian tersebut terdapat juga penjualan yang bernilai sebanyak RM750 juta telah diumumkan oleh LIMA semenjak diadakan pada tahun sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Asmat Nungka.

[Soalan No. 9 - Y.B. Tuan Asmat Nungka [Beluran] tidak hadir]

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN - PEMBENTANGAN

10. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilakah akta Sukan Negara akan dibentangkan di Parlimen dan apakah tujuan dan matlamat penguatkuasaan akta tersebut; dan
- (b) sejauh manakah akta ini dijangka dapat menangani masalah serta kerenah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan sukan tanah air.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembangunan Sukan masih lagi dalam peringkat pengubalan dan Kementerian Belia dan Sukan belum lagi menetapkan tarikhnya untuk dibentangkan di Parlimen. Tujuan akta ini di antara lainnya ialah untuk menjelaskan peranan setiap pihak yang terlibat dalam sukan supaya tidak timbul kekeliruan mekanisme bagi mengatasi masalah yang kerap timbul dalam persatuan-persatuan sehingga menjejaskan kemajuan sukan.

Akta ini akan membekalkan kuasa kepada Menteri Belia dan Sukan kerana pada waktu ini menteri berkenaan tidak mempunyai kuasa undang-undang dalam hal-hal mengenai sukan. Selain daripada mekanisme yang sedia ada atau

akan diwujudkan dalam persatuan itu sendiri, kaedah-kaedah yang sesuai akan dibekalkan dalam akta supaya masalah serta kerena yang dihadapi oleh persatuan-persatuan sukan dapat diatasi.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan persatuan-persatuan sukan tanah air, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini diadakan perjanjian di antara kementerian dan juga pemimpin persatuan-persatuan sukan tanah air mengenai sumbangan dan sebagainya. Apakah rasional perjanjian tersebut?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan menganggap bahawa adalah penting persatuan-persatuan sukan itu dikawal dengan sesuai dan sumbangan-sumbangan mereka adalah penting kerana ini berkaitan dengan kemajuan sukan dalam negara kita ini. Jadi, alasan-alasan ataupun tindakan-tindakan yang telah diambil ini akan menunjukkan bahawa kaedah ataupun keadaan sukan dalam negara kita ini akan diperbaiki.

PENYAKIT BERJANGKIT - LANGKAH MENCEGAH

11. Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pihak Kementerian Kesihatan akan ambil tindakan yang lebih berkesan dalam langkah-langkah pencegahan penyakit-penyakit berjangkit dan bukan berjangkit supaya dapat mengurangkan keperluan yang bertambah terhadap pakar-pakar perubatan, doktor-doktor, pembantu-pembantu perubatan dan jururawat-jururawat yang kian menghadapi kekurangan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar peri

mustahaknya pencegahan penyakit dan mengambil berbagai tindakan yang lebih berkesan selaras dengan wawasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia melalui strategi seperti berikut:

- (i) peningkatan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti termasuk program-program khusus untuk kumpulan remaja, warga tua, kanak-kanak berkeperluan khas, kesihatan mental, program imunisasi, kesihatan pekerja dan alam sekitar, saringan kanser, pencegahan kecederaan serta kebersihan dan kawalan mutu makanan;
- (ii) pendidikan kesihatan yang lebih intensif dan efektif menggunakan pelbagai kaedah komunikasi seperti media massa dan interpersonal yang melibatkan masyarakat, badan-badan sukarela dan bukan kerajaan. Penyakit-penyakit seperti penyakit jantung, diabetes, HIV, AIDS dan kanser diberi tumpuan khas melalui kempen cara hidup sihat yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat supaya mengambil tindakan mencegah penyakit tersebut;
- (iii) penguatkuasaan undang-undang dan peraturan sebagai pelengkap berbagai tindakan pencegahan lainnya. Ini termasuklah tindakan penutupan premis makanan kotor atau yang merbahaya, mendenda pemilik premis di mana terdapat pembiakan nyamuk aedes, mendenda perokok-perokok yang

merokok di tempat-tempat yang dilarang merokok, merampas bahan makanan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan di bawah Akta Makanan, 1983 dan pengawasan rapi ke atas kejadian penyakit -penyakit berjangkit.

Kementerian Kesihatan juga telah memberi perhatian mengenai pendidikan dan latihan bagi menyokong ketiga-tiga strategi di atas termasuklah kajian kesihatan dan mobiliti kebangsaan, kajian perintis diabetes, kanser, kardiovaskular, pelbagai penyelidikan sistem kesihatan serta latihan berterusan bagi anggota Kementerian Kesihatan. Dengan tindakan-tindakan di atas adalah diharapkan kadar peningkatan keperluan pakar-pakar perubatan, doktor-doktor, pembantu-pembantu perubatan dan jururawat-jururawat dapat diseimbangkan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi sedikit penjelasan tentang keadaan premis makanan yang kurang sempurna yang sentiasa menyebabkan penyakit berjangkit oleh kerana kekotoran. Adakah pihak Kementerian Kesihatan berpuas hati dengan tindakan penguatkuasaan yang selama ini dijalankan memandangkan sering terdapat berita dalam akhbar tentang food poisoning dan lain-lain yang berkaitan dengan penyakit-penyakit berkenaan “food born”?

Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengemaskinikan lagi langkah-langkah dan tanggungjawab Kementerian Kesihatan, satu usaha sedang dilakukan iaitu untuk

memperkemaskinikan Akta Makanan, 1983 dengan memperkenalkan tambahan dan pengemaskinian kepada peraturan-peraturan dalam Akta Makanan, iaitu pertamanya bertujuan untuk mendaftar semua tuan punya gerai-gerai atau tempat-tempat makanan di luar daripada bidang kuasa kerajaan tempatan (local authority), memastikan supaya mereka ini melalui latihan-latihan bagi mengendalikan soal-soal makanan dan patuh kepada Akta Makanan yang sedia ada, di samping itu selepas peraturan ini nanti dapat dilaksanakan, berusaha mengesan kedudukan tempat-tempat makanan ini dan para pengendali-pengendali makanan supaya patuh kepada aspek-aspek kebersihan dan patuh juga kepada akta-akta kawalan lain untuk memastikan supaya tempat itu tidak membiakkan nyamuk aedes, kerana tindakan-tindakan yang sedia ada ini memang dijalankan.

Soal yang berkaitan dengan premis yang dikatakan membiakkan nyamuk aedes, sekarang ini tindakan diambil dalam keadaan yang bersistem kerana maklumat-maklumat dalam soal penyakit berjangkit itu memang sudah dipatuhi dan maklumat-maklumat yang cepat sampai kepada pihak jawatankuasa bertindak itu telah mengambil tindakan yang segera seperti contoh penyakit diarrhoea, kalau tidak silap saya di mana dengan serta merta Kementerian Kesihatan mempunyai kuasa untuk menutup gerai/premis kalau didapati bukan hanya salah satu pengusaha atau penjaja tempat makanan itu pekerjaanya didekati penyati kolera tetapi tempat ini akan ditutup sehingga dapat dikesan atau bukti bahawa

pesakit ataupun petugas itu tidak lagi dilanda penyakit dan kawasan itu boleh diwartakan sebagai tempat yang bersih daripada kuman yang tersebut.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kehadiran begitu ramai pekerja-pekerja asing, khususnya pekerja asing tanpa izin, sudah tentu akan wujud satu fenomena kemasukan penyakit-penyakit berjangkit yang sudah dikawal mungkin di kalangan rakyat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah terdapat satu penilaian sama ada terdapat satu peningkatan terhadap penyebaran penyakit-penyakit berjangkit dalam 3, 4, 5 tahun yang lepas dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan bahawa kehadiran pekerja-pekerja asing tanpa izin ini tidak menyebabkan penyakit-penyakit yang telah kita cuba lupuskan akan mula bertapak kembali?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya soal berkenaan dengan pekerja-pekerja asing ini, usaha kementerian sedang dilaksanakan iaitu untuk mempertingkatkan lagi usaha untuk membuat saringan ke atas tahap kesihatan mereka ini yang dibawa masuk sebagai pekerja dengan memperkenalkan satu sistem yang lebih kemas kini iaitu bukan hanya di peringkat di mana mereka itu disaringan tahap kesihatannya yang dikenal pasti dan dinilai semula oleh pihak petugas-petugas kesihatan dari negara kita, tetapi usaha akan diperkenalkan juga untuk menurunkan satu sistem pengesanan ataupun pemeriksaan berkala ke atas para pendatang-pendatang asing ini untuk mengkaji dari masa ke semasa tahap kesihatan mereka.

Perkara kedua, memang tidak dapat kita nafikan bahawa ada di antara kembalinya penyakit-penyakit tropika seperti TB dan sebagainya adalah juga

besar kaitannya dengan trend penyakit yang didapati di kalangan pendatang-pendatang asing ini tetapi usaha sekarang sedang dijalankan di mana usaha pengawalan terus dilaksanakan dan satu kajian telahpun dimulakan oleh pihak Universiti Malaya dengan kerjasama beberapa fakulti perubatan di universiti-universiti lain seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Unimas, Sarawak untuk mengkaji secara detail berkenaan dengan trend penyakit-penyakit tropika yang berlaku khususnya di kalangan pekerja-pekerja asing.

Kita masih lagi sedang menunggu laporan meskipun di kalangan pekerja-pekerja asing kita bolehlah kawal kerana mereka itu datang secara legal ataupun secara yang sah tetapi bagi yang tidak sah atau yang haram, terpaksa lah kerjasama dari orang ramai kita perlu dapati dan penelitian dan juga keprihatinan harus diberikan kepada mereka di kalangan pekerja asing yang tidak melalui saluran yang betul untuk juga tidak menakutkan mereka supaya kalau mereka didekati oleh penyakit yang merbahaya adalah lebih merugikan kepada usaha kerajaan untuk dapat mengawal dan mengesan penyakit-penyakit yang berbahaya yang ada kalanya termasuk di kalangan kategori penyakit yang tidak pernah kita dapati di negara kita. Terima kasih.

KADAR PEMBERIAN PINJAMAN ASAS (BLR)

12. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Kewangan menyatakan siapa atau pihak berkuasa mana yang berhak menentukan kadar berian Pinjaman Asas. Adakah benar bahawa bagi tahun 1995, kadar berian Pinjaman Asas yang lebih tinggi telah membolehkan kebanyakan bank-bank memperoleh

keuntungan yang berlebihan dan ia serba sedikit telah menyumbang kepada tekanan inflasi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, menurut seksyen 37(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 1968 yang disemak pada tahun 1974, pihak Bank Negara Malaysia boleh mengesyorkan kepada institusi perbankan kadar faedah yang boleh dikenakan oleh institusi perbankan untuk bertujuan memastikan institusi perbankan lebih responsive kepada perubahan dalam kecairan pasaran wang. Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan rangka kerja kadar pemberian pinjaman asas (Base Lending Rate) ataupun BLR dan BLR yang dihitung oleh institusi perbankan adalah berdasarkan kadar faedah ke atas deposit tiga bulan antara bank dan satu caj kos pentadbiran yang tetap.

Selaras dengan dasar kewangan negara yang ketat, kadar faedah antara bank dan kadar faedah deposit yang ditawarkan oleh institusi perbankan semakin meningkat sepanjang tahun 1995. Kadar Pemberian Pinjaman Asas ataupun BLR yang disebut oleh institusi perbankan juga meningkat. BLR yang lebih tinggi tidak semestinya menghasilkan keuntungan yang berlebihan kerana kos dana institusi perbankan juga turut meningkat, malah di antara bulan Disember 1994 hingga Disember 1995 tebaran antara purata kadar pemberian pinjaman dan purata kos deposit sistem perbankan telah mencatat kejatuhan sebanyak 0.4 mata peratusan iaitu daripada 5.1 mata peratusan kepada 4.7 mata peratusan

yang menunjukkan bahawa sistem perbankan kita kini adalah lebih efisien daripada dulu.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah equation BLR yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ikut formulanya cukup complex, saya hendak sebut di sini pun complex tetapi asas formula itu adalah diambil daripada kos funding dicampurkan dengan administrative cost dan imputed profit margin dan formulanya kalau Yang Berhormat dari Tanjong Karang hendak tengok saya boleh bagi, panjang Tuan Yang di-Pertua, dan ianya diekspreskan di dalam bahasa matematik, jadi saya hendak sebut di sini pun tidak boleh sebut.

Dr. Tan Kee Kwong: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri adakah kerajaan atau Bank Negara Malaysia bertujuan untuk mengurangkan sedikit BLR supaya memberi peluang pilihan kepada pinjaman daripada bank? Dan ini akan mempergiatkan lagi industri bank di negara kita.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk mengurangkan BLR kerana BLR dikira dari apa yang saya kata tadi iaitu funding costs iaitu kos yang termasuk purata tiga bulan deposit di antara bank-bank iaitu kalau diambil daripada sehari ke sehari daripada untuk satu bulan, diambil untuk tiga bulan deposit bagi tiap-tiap bulan. Jadi, jikalau bank-bank itu menurunkan Base

Lending Rate mereka ataupun kos mereka, misalannya kos pentadbiran dan lain-lain kos lagi, maka boleh diturun. Untuk meminta Bank Negara Malaysia menurunkan, ini tidak mungkin kerana ianya terletak kepada pasaran iaitu pasaran antara bank (inter-bank).

BALAI POLIS SEMPORNA, SABAH - SERANGAN LANUN

13. **Datuk Nurnikman bin Abdullah[Beaufort]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah kejadian serangan Balai Polis Semporna yang diikuti dengan rompakan oleh sekumpulan lanun berlaku, dan apakah langkah-langkah keselamatan yang positif telah diambil untuk menyakinkan ketenteraman awam terjamin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kejadian serangan lanun ke atas Balai Polis Semporna telah berlaku pada 10hb. Februari 1996 jam 1.30 tengah hari di mana balai tersebut adalah balai lama yang hanya digunakan sebagai pejabat pentadbiran bagi Unit Marin dan Pasukan Polis Hutan.

Dalam kejadian tersebut serangan bom ikan dan tembakan dilepaskan dari luar kawasan pagar. Tiada kerosakan ke atas bangunan dan tiada kemalangan jiwa atau kecederaan. Di antara langkah-langkah keselamatan yang telah diambil untuk menjamin ketenteraman awam di kawasan tersebut ialah:-

- (i) memperketatkan kawalan keluar masuk ke balai yang terlibat dan di semua balai polis;
- (ii) memperkemaskan gerakan unit-unit perisikan bagi merancang strategi-strategi pencegahan jenayah yang lebih berkesan;

- (iii) mempergiatkan rondaan di kawasan-kawasan strategik di kawasan darat dan laut.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana antara sebab serangan lanun ialah kita begitu dekat dengan sempadan Filipina, kalau sempadan Semenanjung dengan Thailand, kita mempunyai tembok ataupun pagar. Apakah strategi kerajaan ataupun langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa kawalan di sempadan itu dapat dikawal? Apakah rancangan kerajaan, sama ada menaruh pagar laut ataupun sebagainya? *[Ketawa]*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bubuh pagar laut, ya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah tidak praktikal untuk memasang pagar laut. Saya rasa tidak ada satu negara di dunia ini boleh buat demikian. Walau bagaimanapun, pihak penguatkuasa ataupun pihak kerajaan Malaysia telah pun mengadakan beberapa langkah seperti kita menempatkan pasukan Polis Hutan, sekarang sudah jadi pasukan Polis Laut, dari hutan sudah hantar ke laut. Ada tiga batalion telah ditempatkan di perairan Pantai Timur di sepanjang Sabah di tempat-tempat strategik.

Kita tidak hendak mereka tertunggu-tunggu di situ. Mereka ditempatkan di tempat-tempat strategik dan baru-baru ini, kerana kejadian ini, mungkin lanun sudah tahu kita berada di mana. Maka kita telah menyusun semula tempat-tempat strategik dan juga kita dapatkan kerjasama daripada tentera laut. Tambahan dari itu, perbincangan antara Malaysia dengan Filipina, itu pun dijalankan kerana

tanpa kerjasama daripada rakan kita dari Filipina iaitu kerajaan, maka susah untuk membanteras kegiatan perompak ataupun jenayah ini.

Tuan Radin Malleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau saya ingat dan Timbalan Menteri juga mungkin ingat pada tahun lalu saya ada meminta penjelasan tentang kumpulan lanun-lanun yang ada di perairan Sabah. Soalan saya, adakah pihak kementerian ataupun polis telah mengenali kumpulan lanun-lanun ini ataupun adakah di antara kumpulan lanun ini yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri pada tahun lalu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1988, pihak polis marin dan pihak polis Sabah telah pun melancarkan “Ops Lanyak” terhadap lanun sehingga hari ini. Sepanjang operasi itu sejak tahun 1988 sehingga hari ini telah pun mengenalpasti terdapat 76 kumpulan lanun dan yang masih giat adalah 10 kumpulan.

Pihak polis juga tahu di tempat-tempat mana lanun-lanun yang selalunya terlibat. Tetapi satu masalah ialah mereka pandai melindungi diri di tempat-tempat rumah haram. Jadi, salah satu cara ialah kita minta pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak yang lain dan juga rakyat setempat supaya janganlah benarkan keadaan ini terjadi di mana rumah-rumah haram itu sudah menjadi sarang mereka. Ini salah satu masalah yang kita hadapi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak Operasi Lanyak itu dijalankan, seramai 25 orang lanun telah ditembak mati dan seramai 19 orang telah ditangkap. Maknanya, memang ada hasil, bukan tidak. Selalunya kita

nampak sesuatu kejadian, kita tidak tahu apakah kejayaan polis itu. Maka, saya rasa gambaran itu lebih tepat.

WEBSITE DAN NEWSGROUP DI ATAS INTERNET - SEKATAN

14. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyak website dan newsgroup di atas Internet yang telah disekat oleh Jaring sehingga hari ini dan apakah sebab untuk tindakan-tindakan ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan website yang disekat sehingga masa ini ialah 112. Website tersebut disekat kerana ia diketahui mengandungi bahan-bahan lucah.

Hanya beberapa newsgroup sahaja tidak diedarkan di Malaysia melalui Jaring atas alasan yang serupa. Beberapa newsgroup juga tidak diedarkan kerana ia mengandungi data yang terlalu banyak dan didapati menyebabkan kesesakan pada talian Jaring.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita ada angka? Dalam soalan saya ialah berapakah newsgroup adalah dilarang dan adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu perundingan atau menubuhkan satu Jawatankuasa di mana melibatkan orang ramai, khasnya mereka yang ada sistem Jaring supaya mengadakan satu consensus bagaimana mekanisme boleh diadakan, cara-cara supaya Internet adalah sihat dan tidak ada perkara-perkara yang menjejaskan dan memudaratkan kebajikan rakyat Malaysia?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini sedang dibuat oleh pihak MIMOS menggunakan compuservice, cuba hendak mempelajari sistem yang dibuat di Germany sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 15 hingga 49 akan dimasukkan di dalam naskhah bercetak kelak]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Keganasan Pihak Polis Terhadap Penunjuk Perasaan Bakun

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusul berikut:

“Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang, merangkap Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Tuan Lim Kit Siang, untuk mengusulkan Dewan dan membincangkan sesuatu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai keganasan yang ditunjukkan oleh pihak polis terhadap penunjuk-penunjuk perasaan Bakun, *[Disampuk]* kaum wanita, kanak-kanak dan para wartawan di Padang Merbok, Taman Tasek, Kuala Lumpur pada Ahad, 7hb. April 1996 atas sebab-sebab berikut:-

- (i) semasa 150 rakyat Malaysia yang prihatin dari pelbagai NGO serta parti politik, termasuk satu delegasi kaum wanita dari kawasan terjejas di Belaga, kawasan Rejang, Sarawak, mengadakan tunjuk perasaan secara aman menentang projek empangan hidroelektrik Bakun yang bernilai RM15 bilion di Padang Merbok, Taman Tasek, Kuala Lumpur pada pagi Ahad, seroang pegawai FRU menembak gas pemedih mata terhadap kaum wanita,

kanak-kanak dan wartawan tanpa memberi amaran, sebab atau sebarang provokasi;

- (ii) apa yang paling menyedihkan adalah bahawa pegawai FRU yang menembak gas pemedih mata berkenaan telah berkelakuan tanpa mengambil kira bahawa sasaran tembakan beliau adalah kaum wanita, kanak-kanak dan wartawan, mempertunjukkan sikap ‘trigger happy’ dan ‘gung-ho’ yang tidak harus dipertunjukkan oleh pegawai polis di dalam suatu tunjuk perasaan yang aman dan yang tidak membahayakan ketenteraman atau keselamatan;
- (iii) beberapa orang wanita, kanak-kanak dan wartawan telah dcederakan oleh gas pemedih mata, yang menyebabkan kesakitan yang amat sangat, mengakibatkan sensasi traumatik bahawa mereka akan menjadi buta. Mangsa serangan gas pemedih mata termasuk Presiden Kesatuan Penyelidikan Pendidikan Pengguna (IRAC), Josie Zaini, juga seorang ahli Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan serta penerima Anugerah Kebangsaan Pengguna 1993 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri;

- (iv) Josie menjerit meminta pertolongan apabila beliau terkena gas pemedih mata yang menyebabkan beliau terasa amat sakit dan air mata melimpah di mukanya. Malah, lama selepas serangan gas pemedih mata tersebut, Josie masih mengalami sakit kepala;
- (v) keganasan pihak polis sebegini memang tidak harus berlaku pada masa dan keadaan yang tersebut di atas. Ini merupakan keganasan terbaru yang ditunjukkan oleh pihak polis terhadap NGO dan Parlimen harus mencatatkan keprihatinannya terhadap ambang toleransi para pegawai polis terhadap mereka yang tidak sependapat yang ingin menyuarakan secara aman keprihatinan mereka mengenai kejatuhan kualiti alam sekitar serta pelanggaran hak asasi manusia yang semakin serius;
- (vi) trend ini langsung bertentangan dengan konsep yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mahu memupuk satu masyarakat madani di mana rakyat boleh menyertai secara aktifnya dalam proses membuat keputusan negara;
- (vii) pegawai polis FRU yang tidak menghiraukan undang-undang dan menunjukkan sikap langsung tidak

menghormati hak-hak sivil serta asasi para penunjuk perasaan Bakun serta para wartawan harus diberi perintah larangan dari bertugas dengan serta merta sebagai satu amaran kepada lain-lain pegawai dan supaya pihak polis dapat mengasingkan diri dari sikap serta tindakan pegawai FRU yang tidak dapat diterima ini;

- (viii) projek empangan hidroelektrik Bakun yang penuh dengan kontroversi ini nampaknya telah melangkah ke fasa yang baru, di mana mereka yang tidak sependapat serta menentangnyanya akan dimusnah dan dihancurkan oleh kuasa-kuasa kerajaan; dan
- (x) masa telah tiba untuk Parlimen meminta supaya kerajaan mengambil satu keputusan dasar dan menghentikan ciri-ciri yang menindas dan draconian pihak polis Malaysia, memastikan bahawa pihak polis memahami makna masyarakat madani serta menghormati hak-hak sivil rakyat Malaysia, menghukum pegawai polis yang melanggar undang-undang sebagaimana yang berlaku pada masa sekarang dan memulakan proses liberalisasi budaya politik dan sivil di Malaysia untuk membolehkan

mereka yang tidak sependapat mempunyai lebih ruang untuk meluahkan pandangan mereka.”

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat ahli dari Kawasan Tanjong pada 8 April 1996, jam 12.01 minit tengah hari. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua, adalah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ialah berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini ialah perkara yang tertentu dan ini adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Setahu saya demonstrasi itu diadakan dengan tidak ada permit polis.

Perkara ini telah berlaku dan saya difahamkan polis bertindak dengan berpatutan untuk meleraikan demonstrasi itu. Sementara itu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan perbuatan polis itu adalah keterlaluan. Yang demikian, terpulanglah kepada mana-mana pihak yang tidak puas hati mengambil apa-apa tindakan yang mereka fikir sesuai bagi mereka. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. *[Tepuk]*

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****3.43 ptg.**

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan Usul yang dibuat oleh Yang Berhormat wakil dari Yan seperti yang tertera sebagai Aturan No. 1 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini."

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang dicadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan hingga selesai perbahasan dan diputuskan usul yang diperbuat oleh Yang Berhormat wakil dari Yan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan Usul yang dibuat oleh Yang Berhormat wakil dari Yan seperti yang tertera sebagai Aturan No. 1 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini."

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG INSURAN 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan insuran, perniagaan pembrokeran insuran dan perniagaan peradjusteran dan bagi maksud lain yang berhubungan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 1996**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG AKTA KUALITI ALAM SEKILILING (PINDAAN) 1996**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta berhubung dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan." [9hb. April 1996]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansur]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menyambung jawapan saya pada petang semalam. Sebagaimana yang telah saya tegaskan bahawa soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, kemajuan Kempen Cintailah Sungai Kita juga telah dapat meningkatkan kesedaran rakyat supaya dapat mengurangkan pembuangan sampah dalam sungai dan juga di samping memperbanyakkan hiasan seni taman diadakan di sepanjang sungai dan juga lain-lain kegiatan sungai.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasa kedua, Kempen Cintailah Sungai Kita yang bermula pada tahun 1996, kempen ini akan diperhebatkan lagi dengan mengekalkan aktiviti-aktiviti sedia ada dan aspek pelaksanaan undang-undang

yang berkaitan dengan sungai akan diberikan perhatian yang utama. Bidang kuasa perundangan sungai membabitkan beberapa jabatan kerajaan seperti pejabat tanah, majlis-majlis tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan dan lain-lain. Oleh yang demikian, di bawah fasa kedua ini, setiap daerah akan diminta untuk menubuhkan Jawatankuasa Sumber Air dan Alam Sekitar di peringkat daerah. Di antara tanggungjawab jawatankuasa ini ialah untuk mengenal pasti sungai yang telah tercemar di daerah masing-masing dan menyediakan pelan tindakan sungai bagi memulihkannya. Untuk tujuan ini, beberapa seminar yang bertemakan pengurusan dan pemulihan sungai untuk pegawai-pegawai pelaksana mengikut wilayah akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu Sungai Kelang yang perlu diperluaskan, sukacita saya menjelaskan bahawa Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kelang sedang dilaksanakan dan cadangan untuk penswastaaan tebing Sungai Kelang sebagai KL Liner City, dengan izin, telah pun mengambil kira aspek-aspek banjir di mana ianya dilindungi banjir yang berkala: satu dalam 100 tahun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini memang tidak kena mengena dengan Yang Berhormat kerana orang lama yang buat salah dan Yang Berhormat terpaksa jawab di dalam Dewan yang mulia ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerana kelemahan-kelemahan yang tertentu termasuk di masa perancangan dan pelaksanaan projek-projek sekitar Lembah Kelang terutamanya di Taman Seri Muda, Shah Alam, kerana ada kelemahan,

pihak majlis telah meluluskan projek-projek sekitarnya dan tidak ada kaedah, tidak ada kolam dan sebagainya untuk menyekat pengaliran air dan sebagainya terutamanya apabila ada hujan lebat sehingga banjir kilat sering berlaku? Banjir kilat ini bukan banjir yang sederhana bahkan juga banjir yang dahsyat yang melibatkan ramai orang dan bolehkah Yang Berhormat menyegerakan kerja rancangan tebatan banjir ini?

Adakah Yang Berhormat tahu bahawa di dalam Rancangan Malaysia Keenam misalnya ada peruntukan RM700 juta untuk tebatan banjir di Sungai Kelang, tetapi malangnya projek tebatan di luar daripada Wilayah Persekutuan tidak dilaksanakan dan apakah sebabnya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Sebagaimana yang telah Yang Berhormat tegaskan bahawa kesalahan orang lalu tidak semestinya dipertanggungjawabkan kepada orang baru. Ini saya rasa kesalahan orang lalu, orang baru tanggungjawab bersama.

Sebagai Kerajaan Barisan Nasional kita adalah bertanggungjawab, kita tidak kira lama ataupun baru, kerana kita bertanggungjawab bagi pihak Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, dengan sebab itu apa-apa yang ditimbulkan tentang banjir kilat di Taman Sri Muda, perkara itu memang dalam perhatian kementerian saya menerusi JPS. Walau bagaimanapun, kerja-kerja untuk tebatan ini mesti diberi perhatian serius, kerana tidak mungkin dapat disegerakan kalau kajian yang lebih detail tidak dibuat, kerana di Malaysia ini untuk pengetahuan

Ahli Yang Berhormat berlainan dengan negara-negara lain. Kalau satu ditambak, tidak mengambil kira bagaimana ketinggian inci hujan, maka ini akan menimbulkan kesan sampingan yang lebih buruk lagi. Oleh sebab itu kajian sedang dibuat dan berilah masa yang secukupnya, insya-Allah tindakan yang sewajarnya, saya tekankan 'se wajarnya' akan diambil.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Adakah Yang Berhormat.....

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, masih ada, saya mematuhi arahan, sama ada diberi peluang atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terpulang kepada Yang Berhormat sama ada hendak beri jalan kepada dia atau tidak.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini datang dari Terengganu, jadi saya hendak tolong dia untuk memahami keadaan di Taman Sri Muda. Oleh itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam bulan ini kerana hujan lebat, para penduduk di Taman Sri Muda akan mengalami banyak kejadian banjir kilat dan pihak yang berkuasa tidak dapat menyelesaikan masalah ini sekarang dan berapa minggu lagi atau berapa bulan lagi mereka akan menderita? Jadi, tindakan sewajarnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak cukup untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan, kita sebagai kementerian memang

memerhati dan kita juga mengadakan lawatan pegawai-pegawai kita, kita menerima laporan, kita juga ada gambar-gambar foto. Jadi, kita mengikuti, walaupun saya di Terengganu. Oleh itu, Yang Berhormat jangan ingat kita di Terengganu ini tidak pandai hendak membaca dan melihat laporan-laporan, dengan sebab itu tidak timbul sama ada kita dari Terengganu, dari Kelantan yang berpindah duduk di Wilayah Persekutuan - kita tidak kisah. Tetapi apa yang saya hendak fahamkan kepada Yang Berhormat, kes di Taman Sri Muda ini ialah paras air sungai itu hampir sama dengan paras tanah yang ada. Ini bukan satu perkara yang senang Yang Berhormat, kalau hendak tambun semua sekali, nanti rumah itu tinggal separuh sahaja, kawasan perumahan itu tinggal separuh. Kalau hendak bentengkan sungai itu pula nanti air yang beribu-ribu juta ekar ini melepak ke sungai - tenggelam di sini. Jadi, walaupun Yang Berhormat pakar kulit, tetapi berlainan dengan pakar banjir. Saya rasa cukuplah, rakan-rakan saya masih ramai lagi hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan, Kedah juga telah mencadangkan supaya kerajaan memberikan subsidi racun serangga kepada petani ekoran dari kenaikan harga sewa bendang dan harga racun serangga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk memberi subsidi bekalan racun serangga dan lain-lain racun perosak tanaman kepada petani-petani seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Seperti yang telah termaklum bahawa pada masa ini kerajaan membelanjakan hampir RM500 juta setahun dalam bentuk pemberian subsidi

harga padi dan subsidi baja padi dan racun serangga kepada pesawah-pesawah. Jika diambil kira program pembangunan infrastruktur, pembekalan air dan lain-lain bantuan yang diberi kepada sektor padi, jumlah peruntukan tahunan yang disediakan oleh kerajaan lebih tinggi lagi.

Strategi utama kerajaan ialah untuk menggalakkan petani-petani mengamalkan pengurusan sawah yang lebih cekap, termasuk kawalan serangga, musuh, perosak tanaman secara pendekatan pengurusan perosak bersepadu, dengan penggunaan racun secara berhati-hati. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan mengurangkan penggunaan racun perosak berlebihan yang boleh memudaratkan kesihatan dan mencemar alam sekitar.

Pengurusan perosak bersepadu akan memberi tumpuan kepada aspek ekologi dan biologi di samping melibatkan pengawasan dan pengawalan yang akan dapat meningkatkan hasil pertanian secara berterusan.

Pada amnya kerajaan ingin membanteras sikap bergantung subsidi (subsidy mentality) di kalangan petani-petani di seluruh negara di samping menggalakkan amalan pertanian yang moden, cekap dan komersil supaya sektor pertanian negara menjadi lebih berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama dan juga Yang Berhormat dari Kangar; Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menimbulkan mengenai isu ayam, di mana harga ayam begitu rendah dan kos untuk memelihara ayam telah naik dan ini menyebabkan beberapa pengusaha dan penternak ayam menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bekeaan terhadap masalah yang sedang dihadapi oleh para penternak dan pengeluar ayam daging berhubung dengan harga pasaran semasa yang amat rendah, yang disebabkan oleh bekalan melebihi permintaan.

Kementerian Pertanian sentiasa memberi perhatian yang serius dan peka terhadap masalah yang dihadapi oleh penternak dan pengeluar-pengeluar ayam....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lumar bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Ya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang berminat dengan soalan ayam, oleh kerana pernah terlibat sebagai penternak ayam. Jadi, mengenai ayam berharga murah ini, saya ingin bertanya, adakah benar pihak pengguna ayam, umpamanya pengguna-pengguna yang terbesar seperti KFC, Mc Donald dan fast food outlet di seluruh Malaysia telah mengimport ayam ke Malaysia untuk digunakan dan dijual kepada masyarakat umum.

Soalan yang kedua, adakah benar juga kalau pengimportan ayam yang diterima oleh pihak fast food outlet ini, tetapi kualiti ayam yang diimport oleh mereka adalah jauh lebih rendah, bahkan tulangnya pun sudah bertukar warnanya, sudah menjadi hitam. Tetapi orang-orang kita makan juga, anak-anak kita makan juga, jadi ini macam mana, sama ada perkara ini benar ataupun tidak?

Kalau benar, apakah tindakan pihak kementerian agar ayam-ayam yang diimport secara sejuk ini jangan dibuat lagi dan diban totally supaya kita mengeluarkan ayam kita sendiri kepada pihak-pihak pengguna seperti KFC dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan beberapa kali bahawa pada masa ini kita tidak membenarkan lagi import ayam. Apa yang saya tegaskan import ayam yang terakhir dibenarkan ialah pada bulan Oktober 1995. Jadi, selepas Oktober 1995 boleh dikatakan tidak ada langsung. Oleh itu mana-mana fast food company yang ada itu memang menggunakan sepenuhnya ayam dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah dan akan terus menasihati penternak serta pengeluar anak ayam supaya tidak mengambil langkah yang keterlaluan dalam mengambil langkah penyelesaian masalah isu harga ayam. Dalam masa yang sama pihak kementerian telah berbincang dan sedang mengusahakan tindakan-tindakan yang wajar untuk menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa panjang. Di antaranya adalah meminta pengeluar-pengeluar mengaturkan semula jadual pengeluaran mereka yang lebih seimbang dengan keperluan bagi menentukan harga di pasaran di tahap yang munasabah.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan bahawa permintaan ayam hanya 5 juta ekor sahaja seminggu. Tetapi sehingga ini, penternak-penternak telah mengeluarkan sebanyak 6.5 juta ekor seminggu yang menyebabkan lebihan hampir 1 juta ekor seminggu yang menyebabkan harga jatuh ke paras yang agak

mendukacitakan. Dalam masa yang sama, kementerian juga telah berbincang dan telah mengambil beberapa langkah sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Di antaranya supaya harga pasar dapat distabilkan dan munasabah untuk para penternak serta munasabah kepada para pembeli atau pengguna dari semasa ke semasa. Dalam masa yang sama, bekalan sentiasa mencukupi di paras sebagaimana yang telah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Bukit Bintang juga telah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Tuanan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah bekalan ayam berlebihan. Satu ketika dahulu kita telah mengalami masalah kekurangan bekalan ayam. Tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas galakan kementerian beliau dan inisiatif yang telah diambil, masalah itu dapat kita atasi. Jadi, penjelasan yang saya ingin tahu ialah dahulu kita mengimport ayam untuk mengatasi masalah bekalan ayam. Jadi, adakah tidak wajar bila bekalan kita sendiri sudah lebih daripada keperluan pengguna di dalam negara kita, pengusaha ayam di negara kita pula mengeksport ayam supaya mereka akan dapat memperluaskan pasaran. Jadi, saya rasa seharusnya masalah itu tidak timbul. Tetapi nampaknya timbul. Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saranan Ahli Yang Berhormat itu, saya rasa tak dapat dijalankan, kerana kos pengeluaran ayam negara kita ini lebih tinggi daripada kos pengeluaran ayam di negara-negara jiran kita yang lain. Jadi, sebab itu bila putus ayam, kita ambil ayam luar dengan harga yang murah. Tetapi kalau ayam kita lebih, kita hendak eksport, tak ada negara yang boleh menerima, sebab kos kita lebih tinggi daripada negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah mengesyorkan supaya ditubuhkan sebuah lembaga untuk mengkaji keperluan permintaan semasa supaya anak-anak ayam tidak menjadi mangsa kezaliman manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang tersebut dan di atas keprihatinan beliau, terutamanya dari Kangar, kerana isu ancaman untuk memusnahkan anak-anak ayam yang berlebihan.

Sebenarnya perkara ini tidak berlaku, dan penternak-penternak telah dinasihatkan supaya tidak mengambil tindakan yang keterlaluan dan tidak berperikemanusiaan.

Pada masa ini, tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan ialah dengan cara mengesan secara terperinci pengeluaran ayam dan menasihati pengeluar supaya merancang pengeluaran mereka dengan lebih teliti dan berhati-hati supaya tidak menghadapi masalah pengeluaran ayam yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gaya juga pula telah mencadangkan agar kerajaan memberi pertimbangan membenarkan syarikat selain daripada Bernas mengimport beras dari negara jiran supaya rakyat boleh membeli beras dengan harga yang adil dan mendapat bekalan yang mencukupi. Dalam hal ini, saya suka menjelaskan selain daripada aktiviti perniagaan beras secara komersil, Bernas juga melaksanakan tugas-tugas seperti berikut bagi pihak kerajaan.

Pertama, melaksanakan Harga Minimum Terjamin atau (HMT) kepada pesawah. Dalam melaksanakan tugas ini, Bernas bertanggungjawab sebagai pembeli terakhir atau 'buyer last reserve' di mana diwajibkan membeli padi dari pesawah, sekiranya kilang-kilang swasta tidak membeli padi mereka disebabkan kualiti yang kurang baik atau kapasiti kilangnya yang terhad atau atas lain-lain sebab. Selain dari itu, Bernas juga terpaksa membeli padi di kawasan-kawasan yang tiada terdapat pembeli-pembeli padi swasta bagi memastikan pesawah mendapat Harga Minimum Terjamin yang telah ditetapkan.

Kedua, Bernas juga menguruskan pembayaran di bawah subsidi harga padi kepada pesawah.

Ketiga, melaksanakan skim-skim membantu penyertaan bumiputera dalam industri padi dan beras.

Keempat, menguruskan beras stockpile negara di aras yang telah ditetapkan bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa terjamin. Pemberian hak pengimportan beras yang tunggal kepada Bernas adalah sebagai balasan untuk melaksanakan tugas-tugas yang strategik bagi pihak kerajaan seperti di atas.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:....Selain daripada mengimport.....Saya ingat, penghabisan ya, Yang Berhormat, fasal saya hendak habiskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang penswastaaan LPN kepada Bernas. Syarikat manakah yang telah mendapat LPN asalnya, dan mengapakah satu tender terbuka tidak dijalankan sepertimana isu ini telah dibawa pada sesi Parlimen yang lepas, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa penswastaaan masih belum dijalankan. Saya hendak tahu apakah kedudukannya sekarang, kerana ia tidak cukup, penswastaaan sedemikian adalah tidak memihak kepada golongan peladang, petani dan juga mereka yang terlibat dalam industri beras.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sepatutnya Yang Berhormat macam inilah, bagus. Kalau Yang Berhormat tak jelas, tanya. Tetapi pertanyaan ini janganlah macam sesi yang lalu, Yang Berhormat telah membawa usul untuk mengambil tindakan disiplin kepada saya, kerana kononnya saya membohong menyatakan bahawa Bernas - saya menyatakan bahawa Bernas belum lagi diswastakan. Tetapi Yang Berhormat membawa usul mengambil tindakan

disiplin kepada Timbalan Menteri Pertanian supaya mengambil tindakan atas pembohongan kepada Dewan yang mulia ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kita baru menswastanya pada 8hb. Januari, 1996. Pada saya menegaskan itu, belum lagi dibuat penswastaannya. Jadi, kenyataan saya benar. Tetapi oleh kerana soalan Yang Berhormat ini terlalu detail, saya perlu beri notis tentang percentage, berapa peladang, berapa lain-lain komponen yang terdapat dalam Bernas.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pendedahan tadi bahawa Bernas diswastakan pada 8hb. Januari tahun ini. Adakah konsortium, iaitu Kaya Budaya, konsortium yang sama telah diberikan tender ini atau syarikat ini iaitu dengan harga RM199,994,000 sedangkan net actual asset, dengan izin. Net actual asset ialah RM264 juta. Kalau begitu, dengan harga yang begitu murah, itu bermakna bahawa kepentingan rakyat dan kerajaan telah dikorbankan kerana ia telah dijual dengan harga yang agak rendah, iaitu RM64 juta rendah daripada net actual asset, dengan izin.

Yang kedua, adakah penswastaan ini diadakan dengan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat, iaitu pengusaha-pengusaha beras atau wholesalers, pemborong-pemborong beras, di mana mereka menyatakan dengan

amat kesal sekali, khususnya terhadap MCA yang tidak menyuarkan masalah mereka kepada pihak Kementerian Pertanian. Saya tahu MCA tak boleh pakai, tetapi Kementerian Pertanian sekurang-kurangnya boleh pakai sedikit.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli dari Kota Melaka. Sebagaimana yang telah saya katakan, janganlah mengambil peluang, kerana ini perlukan kepada detail, adalah lebih baik, saya nasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya membuat soalan bertulis atau soalan lisan, saya akan dapat menjawabnya dengan baik. Kerana dalam masa yang singkat ini, saya rasa lebih baik saya meneruskan jawapan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Sila jawab secara bertulis.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Ya, saya minta notis.

Pemberian hak pengimportan beras yang tunggal kepada Bernas adalah sebagai balasan untuk melaksanakan tugas-tugas strategi bagi pihak kerajaan seperti yang saya sebutkan di atas. Selain dari mengimport beras, Bernas juga membeli padi untuk menjaga kepentingan pesawah. Pengimportan beras oleh Bernas, tidak semata-mata bertujuan komersil tetapi bermatlamat untuk mengimbangkan pengeluaran beras tempatan supaya tidak menjejaskan harga padi kepada pesawah dan permintaan di atas beras tempatan.

Bagi memastikan bekalan beras sentiasa cukup, Bernas telah menyediakan gudang-gudang stockpile di seluruh negara untuk menyimpan beras import dan beras-beras tempatan. Beras tersebut disalurkan kepada pemborong

dan peruncit di samping Bernas sendiri menjual terus kepada pengguna melalui kedai-kedai B-Marts Bernas.

Mengenai kedudukan pengurusan beras bagi Sabah dan Sarawak. Sebahagian beras dibekalkan dengan beras import jenis Vietnam tetapi disebabkan oleh pembekal Vietnam mengawal pengeksportan beras mereka dan menaikkan harga beras secara mendadak, akibat berlakunya banjir di negara tersebut, Vietnam telah memberhentikan bekalan beras kepada Bernas dan menyebabkan bekalan beras tersebut terputus. Sebagai langkah memastikan bekalan beras sentiasa cukup di Sabah dan Sarawak, Bernas telah mengambil tindakan untuk mengimport beras dari Thailand, jenis beras wangi serta memindah beras Gred Super dari Semenanjung bagi mempelbagaikan gred beras untuk memenuhi permintaan pengguna.

Harga beras yang dijual oleh Bernas di Sabah adalah sama dengan harga jualan di kawasan zon 'C' yakni Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Bagi beras import, harganya adalah berpatutan dan setanding dengan kualitinya selaras dengan kedudukan harga beras di peringkat antarabangsa yang tinggi pada masa ini. Kerajaan akan sentiasa

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri kita

yang bagus ini. Stockpile beras kerajaan ini melalui Bernas, adakah diambil kira juga seandainya berlaku keadaan darurat supaya negara ini tidak akan menghadapi masalah kekurangan beras dan selalunya stockpile yang kita simpan ini, boleh tahan hingga berapa lama?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, memanglah oleh kerana beras adalah sejenis makanan keselamatan yang penting, maka bagi pihak Bernas dan juga kementerian saya sentiasa mengambil kira apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Insya-Allah, keadaan negara kita selamat dan kita mampu untuk menghadapi stockpile yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa mengawasi kedudukan bekalan dan harga beras, bukan sahaja di Sabah bahkan di seluruh negara untuk menjaga kepentingan pengguna serta memastikan mereka mendapat harga berpatutan, setanding dengan kualiti beras yang dibelinya. Jika perlu, Bernas akan diminta untuk mengambil tindakan yang tertentu bagi menjaga kepentingan pengguna, pesawah dan peniaga untuk menggalakkan pertumbuhan industri padi dan beras.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ada yang bangun, Tuaran. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Yang Berhormat, ini yang penghabisan!

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, ini tentang beras lagi, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai bekalan beras di Sabah. Memang kita alu-alukan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan bekalan beras di Sabah itu bukan sahaja mencukupi tetapi juga harga yang berpatutan. Namun, harga beras di Sabah sekarang terlalu tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain dan saya percaya bahawa sebab-sebabnya ialah kerana permintaan yang lebih, memandangkan kehadiran banyak pendatang asing tanpa izin di Sabah.

Jadi, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian mengambil kira keperluan ataupun menampung keperluan para pendatang asing juga bila memberi kelulusan kuota untuk pengimportan beras ke negeri Sabah ini?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang telah Ahli Yang Berhormat tegaskan, pendatang asing yang legal memang diberi kuota atau diberi perhitungan dalam penyatuan beras ini, tetapi kepada yang illegal memang tidak, kerana kita pun tidak tahu yang mana yang illegal.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya Ahli Yang Berhormat dari Sibu di samping beliau mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak akan membangunkan sektor pertanian, namun beliau juga merayu kepada Kerajaan

Persekutuan mengambil peluang untuk membangun dan menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri pengeluar makanan untuk Malaysia memandangkan beribu hektar tanah pertanian yang subur di Sarawak masih tidak dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, walaupun terdapat sumber tanah yang agak luas di Sarawak, akan tetapi kesesuaian tanah untuk pembangunan sektor pertanian adalah terhad disebabkan oleh faktor fizikal, sosial dan ekonomi keadaan setempat. Adalah dianggarkan hanya 1.81 juta hektar tanah yang sesuai untuk pertanian sahaja yang terdapat di Sarawak, manakala 1.72 juta hektar lagi adalah tanah marginal untuk aktiviti-aktiviti pertanian.

Ini bermakna hanya 28.8% sahaja daripada jumlah keluasan tanah yang terdapat di Sarawak, sesuai untuk pembangunan pertanian. Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak telah merangka satu dasar pembangunan pertanian sejajar dengan skop rangka kerja dasar pembangunan negeri Sarawak.

Salah satu perkara yang ditekankan dalam dasar tersebut ialah penekanan terhadap peningkatan pengeluaran makanan. Objektifnya ialah untuk meningkatkan sumbangan pekebun kecil terhadap pengeluaran makanan, eksport dan KDNK. Salah satu daripada pendekatan strateginya ialah untuk menggalakkan serta membangunkan projek-projek pertanian komersil yang diurus secara usahasama oleh Pertubuhan Peladang dengan usahawan peladang melalui pakej teknologi yang sesuai untuk tanaman dan ternakan serta perikanan.

Rancangan pelaburan usahasama terhadap tanah adat (native customary rights) juga sedang giat diusahakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak ke arah menggerakkan pembangunan estet perladangan yang dapat mendatangkan manfaat serta mempercepatkan pembangunan pertanian komersil di kawasan luar bandar Sarawak.

Pendekatan ini akan menggalakkan lagi pembangunan sektor pertanian di Sarawak untuk menjadikan ia salah satu daripada negeri pengeluaran makanan untuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dungun pula, telah menggesa jabatan dan agensi kerajaan turut menggunakan Geographical Information System (GIS) dalam pengurusan maklumat sebagaimana yang telah digunakan secara meluas oleh syarikat-syarikat gergasi Malaysia juga yang berlaku di negara maju termasuk Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) telah mula digunakan di Jabatan Perikanan Malaysia pada tahun 1989 untuk menentukan kawasan-kawasan yang sesuai bagi pembangunan projek-projek akuakultur. Melalui penggunaan teknologi tersebut, kawasan-kawasan yang berpotensi untuk akuakultur dapat dikenal pasti secara terperinci di setiap negeri. Tumpuan kepada peringkat awal adalah untuk mengenal pasti kawasan-kawasan di tepi pantai yang mempunyai sumber air payau yang sesuai bagi projek akuakultur air payau seperti ternakan udang laut dalam kolam dan ikan laut dalam sangkar. Teknologi GIS telah pun digunakan dalam kajian ini bagi menentukan kawasan-kawasan berpotensi untuk membangunkan akuakultur di negeri Terengganu, Johor, Kedah, Perak, Selangor dan Sarawak.

Hasil kajian di negeri Terengganu, Johor, Kedah dan Sarawak telah pun dikemukakan kepada kerajaan negeri berkenaan sebagai maklumat asas dalam menyediakan perancangan pembangunan projek akuakultur di negeri masing-masing. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Perikanan akan meneruskan kajian GIS bagi negeri Sabah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Jabatan Perikanan telah pun menyediakan satu pelan perancangan teknikal secara makro bagi sebuah kawasan pembangunan akuakultur di kawasan kira-kira 2,000 hektar di negeri Sarawak, berdasarkan hasil kajian GIS bagi tahun 1991. Pendekatan yang sama akan digunakan untuk menyediakan perancangan bagi memajukan kawasan pembangunan akuakultur di negeri-negeri yang lain.

Penggunaan teknologi GIS kini sedang dipertingkatkan di Jabatan Perikanan Malaysia melalui penubuhan sebuah unit khusus untuk mengendalikannya di Institut Penyelidikan Perikanan Malaysia, Batu Maung, Pulau Pinang.

Maklumat penggunaan tanah dan kesesuaian kawasan air tawar, air payau dan laut di setiap negeri sedang dikumpulkan. Maklumat ini amat penting dalam usaha Jabatan Perikanan menyediakan pelan operasi pembangunan akuakultur di negara ini sehingga tahun 2010.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian. Segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah, akan diberi perhatian yang sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian dan Pembangunan Sektor Makanan negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

4.21 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
[Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu yang menyentuh isu-isu di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan masalah inflasi dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan, Bandau, Julau dan Seputeh. Dalam hal ini kerajaan memang prihatin bahawa masalah inflasi dijangka menjadi semakin tertekan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat yang amnya melebihi 8% setahun selama 8 tahun berturut-turut dan dijangka terus meningkat pada kadar 8.3% pada tahun 1996 ini. Kerajaan sedar bahawa inflasi yang tidak terkawal boleh memberi kesan negatif ke atas taraf hidup rakyat dan juga kepada pembangunan negara dan dengan itu perlu ditangani.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, masalah inflasi atau kenaikan harga barangan dan perkhidmatan adalah amnya disebabkan oleh 4 faktor utama iaitu kenaikan kos pengeluaran termasuk kos bahan mentah yang diimport, dengan izin, cost push inflation, peningkatan permintaan akibat bilangan penduduk yang bertambah dan pendapatan yang amnya meningkat iaitu demand pull inflation, kekangan atau kekurangan

pengeluaran akibat cuaca buruk, keupayaan yang terhad dan sebagainya iaitu 'supply bottlenecks', dan faktor-faktor psikologi. Di Malaysia kini, keempat-empat faktor ini didapati menyumbang kepada masalah inflasi negara.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk membendung inflasi, termasuklah melalui dasar-dasar makro kewangan dan fiskal dan juga melalui tindakan undang-undang tertentu dan pentadbiran. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menstabilkan harga termasuklah mengawal bekalan 20 barangan perlu pada sepanjang tahun dan 25 barangan tambahan semasa musim perayaan dan menetapkan harga beberapa barangan perlu. Di samping itu, kementerian mengiktiraf kedai runcit, pasar mini, pasar raya dan restoran yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan sebagai 'kedai harga patut' sehingga pada masa kini sebanyak 888 penganugerahan telah diberi kepada kedai-kedai dalam kategori yang telah saya sebutkan sebentar tadi di seluruh negara.

Di samping itu, kementerian berusaha meningkatkan program-program pendidikan penggunaan kepada pengguna dan perniagaan beretika kepada peniaga, menggalakkan pengguna mengemukakan aduan ke kementerian di atas apa jua bentuk penyelewengan oleh pengeluar atau peniaga supaya tindakan sewajarnya boleh diambil. Pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bagi membanteras segala bentuk penyelewengan yang termasuk menyorok barangan, atau dengan izin, hoarding, dan menipu dalam menimbang sukat dan sebagainya

juga dipertingkatkan. Sepanjang tahun 1996, kementerian merancang menjalankan pemeriksaan di bawah program Ops Sedar ke atas 500,000 premis-premis perniagaan di seluruh negara, berbanding dengan 480,000 dalam tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kempen Anti Inflasi dan Inflasi Sifar khususnya, ini termasuklah pengiktirafan banyak lagi kedai-kedai harga patut dan mengadakan Hari Inflasi Sifar pada hari Sabtu pertama pada setiap bulan. Dalam perkara ini, ingin ditegaskan di sini bahasa fokus kempen adalah terhadap barangan dan perkhidmatan asas yang biasanya digunakan oleh keluarga berpendapatan RM1,500 sebulan dan ke bawah. Kerajaan telah pun meluluskan senarai barangan dan perkhidmatan asas berkenaan bagi perkiraan indeks harga pengguna kedua dan juga langkah-langkah untuk menstabilkan harga barangan dan perkhidmatan tersebut. Senarai itu akan ditokok tambah apabila difikirkan perlu oleh kerajaan.

Kesan kempen Inflasi Sifar hanya dapat dilihat dalam jangka masa panjang. Kempen ini tidaklah bermakna semua barangan dan perkhidmatan tidak meningkat sama sekali. Ini mustahil dilaksanakan di negara Malaysia yang amnya mengamalkan sistem ekonomi bebas dan terbuka di mana harga dipengaruhi oleh kuasa penawaran dan permintaan barangan dan perkhidmatan di pasaran. Kenaikan harga kadangkala tidak boleh dielakkan, terutama sekiranya kos di luar kawalan meningkat seperti yang berlaku ke atas harga susu apabila harga bahan mentahnya iaitu, dengan izin, skimmed milk powder ataupun milk

fat meningkat di pasaran dunia. Walau pun demikian, langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan, Bank Negara dan kementerian ini dan juga dengan kerjasama serta sokongan yang diberikan oleh para peniaga dan pengguna, telah menghasilkan kesan positif kepada kadar inflasi negara yang telah dapat dikurangkan kepada 3.4% dalam tahun 1995, berbanding dengan 3.7% pada tahun 1994 dan 4.7% pada tahun 1992. Melalui kempen ini juga, sokongan dan kerjasama diperolehi daripada pengeluar dan peniaga bagi menentukan bekalan mencukupi pada harga yang berpatutan semasa berlakunya perayaan serentak Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa pada bulan Februari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau bahawa kadar inflasi kurang daripada 4% tidak tepat kerana tidak mengambil kira kos perkhidmatan dan barangan keperluan lain. Adalah dijelaskan bahawa indeks harga pengguna iaitu IHP mengambil kira 430 barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak perbelanjaan keseluruhan isi rumah di Malaysia. Corak perbelanjaan ini diperolehi daripada penyiasatan perbelanjaan isi rumah yang dijalankan bagi 12 bulan dalam tahun asas. Harga bagi 430 barangan dan perkhidmatan ini pula diperolehi daripada lebih kurang 8,000 saluran runcit di 54 pusat pungutan di Semenanjung Malaysia, 1,100 saluran di 12 pusat pungutan di Sabah dan 900 saluran di 7 pusat pungutan di Sarawak.

Pengiraan indeks harga pengguna ini dilaporkan berasaskan wajaran mengikut 9 kumpulan barangan dan perkhidmatan yang termasuk selain daripada makanan dan pakaian, sewa kasar, bahan api dan kuasa, perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan serta pengangkutan dan perhubungan. Metodologi perkiraan yang digunakan oleh Jabatan Statistik ini adalah berasaskan formula yang digunakan di seluruh dunia. Namun begitu, sepertimana dinyatakan, kerajaan telah bersetuju mengadakan IHP berasingan bagi mengukur pergerakan barangan dan perkhidmatan asas yang digunakan oleh keluarga berpendapatan RM1,500 sebulan dan ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh yang menyatakan maklumat harga adalah mengelirukan, adalah dimaklumkan bahawa maklumat harga yang disebarkan melalui pusat maklumat harga kementerian adalah maklumat sebenar yang dikutip oleh pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian ataupun yang diterima dari agensi-agensi seperti FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan BERNAS, iaitu berasaskan harga sebenar di sesebuah premis perniagaan atau harga purata di pasar-pasar besar utama di 14 ibu negeri di negara ini dan juga di beberapa bandar utama lain di kawasan Lembah Kelang. Kementerian mengawasi pergerakan harga barangan yang dikutip ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya harga sesuatu barangan meningkat secara mendadak. Ini termasuklah mengadakan perbincangan dengan pihak pengeluar dan peniaga bagi menangani masalah kekurangan bekalan dan kenaikan kos.

Seterusnya, berhubung dengan kenaikan harga buku teks dan buku kerja pula, adalah dimaklumkan bahawa industri buku sangatlah kompetitif kerana pembekalnya ramai dan harga yang dikenakan amnya berpatutan berasaskan kualiti dan tebalnya buku berkenaan. Sebenarnya harga kertas pun pada amnya telah meningkat. Walau bagaimanapun, buku teks dan buku latihan sekolah adalah juga termasuk dalam senarai barangan di bawah IHP Kedua dan adalah di antara barangan yang diawasi harganya.

Begitu juga harga beberapa jenis makanan dan minuman di luar rumah, akan turut diawasi rapi di bawah IHP Kedua. Walau bagaimanapun, adalah tidak praktikal makanan yang dimasak dan dijual di gerai dan restoran dijadikan sebagai barang kawalan kerana barangannya tidak 'homogeneous' seperti dari segi saiz, sukatan, campuran dan kualiti.

Isu seterusnya ialah mengenai ayam yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan dan Bukit Bintang. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sebentar tadi, namun begitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ingin memberikan sedikit jawapan dari perspektif kementerian yang bertanggungjawab mengenai barangan ini sebagai barangan kawalan. Kementerian bersetuju sepenuhnya dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang supaya harga ayam distabilkan pada tahap yang berpatutan supaya penternak dan peniaga mendapat sedikit keuntungan dan pengguna tidak dibebankan. Kementerian telah mengisytiharkan ayam sebagai barang kawalan atas beberapa sebab, antaranya

ialah amalan yang tidak sihat seperti membunuh anak ayam apabila bekalan berlebihan, dan sebagainya. Harga ayam dikawal pada peringkat borong dan runcit kerana harga-harga ini selalu tidak mencerminkan harga di peringkat *ex-farm*.

Berhubung dengan cadangan penubuhan Lembaga Ternakan Ayam oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, kementerian berpendapat badan tersebut tidak perlu, memandangkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian mempunyai tanggungjawab dan peranan yang luas bagi pembangunan industri ayam ini.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat sedar bahawa negara kita memang ada kemampuan untuk mengeluarkan daging ayam dan kami ada pengalaman, ada infrastruktur yang asas untuk mengeluarkan daging ayam yang secukupnya untuk negara kita. Namun begitu, mengapa sebelum Hari Raya Cina dan Hari Raya Puasa yang lalu kementerian telah mengambil satu keputusan untuk membenarkan daging beku, anak ayam sehari umur dan juga telur fertile untuk diimport dari negara jiran kita untuk digunakan di dalam negara kita? Adakah ini satu seruan atau satu ugutan dari pihak-pihak yang berkenaan, khususnya orang-orang politik bahawa harga ayam akan melambung tinggi

sebanyak RM10 satu kilo dan atas ugutan inilah kementerian mengambil satu keputusan untuk membenarkan daging beku, anak ayam sehari umur dan juga telur fertile masuk ke negara kita dan ini mengakibatkan pengeluaran yang berlebihan pada hari ini.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan kementerian tidak mengetahui mengenai ugutan-ugutan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, daripada politician katanya, DAP pun ahli politik juga jadi oleh itu saya tidak tahu siapa yang dimaksudkan.

Apa yang dipentingkan dan juga diambil perhatian serius oleh kerajaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ialah pertamanya bekalan ayam daging bagi kita menghadapi dua perayaan yang besar yang saya sebutkan sebentar tadi adalah mencukupi dengan harga yang berpatutan kerana mengikut trend yang kita kesan dalam bulan Oktober, November tahun sudah didapati bahawa harga ayam telah mula meningkat naik dan kalau trend ini tidak kita awasi dan atasi kemungkinan besar bahawa sampainya Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa, harga sekilo ayam boleh naik sepertimana Ahli Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi. Jadi, tanggungjawab kami di kementerian dan juga di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Kabinet mengenai barang-barang perlu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan bahawa dibenarkan import anak ayam dan juga telur yang dimaksudkan itu untuk menjadi baka ayam supaya apa yang dinyatakan di awal tadi, bekalan cukup dan juga dengan harga berpatutan

harga dapat dikawal dapat kita laksanakan. Alhamdulillah, saya telah menyebut sebentar tadi mengucapkan terima kasih kerana pihak-pihak yang berkenaan, selain daripada industri ayam telah memberikan kerjasama kepada kerajaan dalam menghadapi perayaan-perayaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya ini kuasa yang ada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu untuk melesenkan penternak ayam telah diserahkan ataupun kita telah delegate kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk melesenkan semua penternak ayam dengan tujuan supaya apabila lesen yang berkenaan dikeluarkan, jabatan yang berkenaan boleh mengenakan peraturan tertentu bagi tujuan mengawal had pengeluaran penternak supaya tidak wujud masalah bekalan ayam berlebihan seperti yang berlaku pada penghujung tahun lalu dan awal tahun ini. Perkara ini juga telah ditegaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian sebentar tadi.

Di samping itu sebuah Jawatankuasa Penetapan Harga Ayam telahpun ditubuhkan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menentukan harga borong dan runcit ayam berada pada tahap yang dapat memberikan pulangan yang munasabah kepada industri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu lain yang ditujukan kepada kementerian ini adalah di bawah bidang kuasa kementerian lain. Ini termasuklah isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun iaitu perkara cukai perkhidmatan yang jatuh di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Begitu juga isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang menyentuh perkara kenaikan tarif TNB dan caj Telekom, Celcom serta Tol Plus

akan pasti diambil perhatian oleh kementerian-kementerian yang berkaitan.

Sekali lagi....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri mengundur diri, saya ingin bertanya kepada beliau berkenaan ucapan saya iaitu berkenaan dengan kereta nasional iaitu Proton dan juga Kancil. Ada kesulitan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli kereta baru ini. Mereka perlu menunggu sehingga 4 atau sampai 8 bulan untuk mendapat kereta baru. Ini soalan yang pertama.

Yang kedua, apabila mereka hendak menempah atau membeli sebuah kereta baru, mereka perlu membeli dengan secara bayaran ansuran iaitu installment dan bukan boleh dibayar sekali gus dengan wang tunai.

Yang ketiga, apabila membeli sebuah kereta baru, jikalau ada kereta lama untuk di'trade in', mereka boleh dapat kereta lebih awal lagi. Lagi satu, mereka hanya boleh membeli dan mengambil polisi insurans dari CCM dan bukan dari syarikat insurans yang lain. Di antara perkara-perkara ini, saya memerlukan satu penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan ini nampak banyak. Oleh itu, saya fikir eloklah

beliau kemukakan soalan pada sesi akan datang supaya dapat dijawab oleh kementerian ataupun kementerian-kementerian lain yang berkenaan.

Namun begitu, saya ingin menjelaskan secara umumnya bahawa kalau ada pihak-pihak tertentu yang mendapati masalah bagi perkara-perkara yang telah disebutkan sebentar tadi, terutama sekali mengenai bayaran secara ansuran dan juga dari segi insurans yang spesifik, maka pengguna di tanah air ini dan bakal pembeli kereta yang berkenaan boleh melaporkan kepada kementerian.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Ada lagi?

Tuan Lim Hock Seng: Ada. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya, apa yang saya bangkitkan tadi semua ada di dalam ucapan saya dan saya tidak tahu bagaimana pegawai-pegawai kementerian Yang Berhormat tidak mencatat untuk mendapat satu jawapan yang memuaskan. Ini semua ada di dalam *Hansard* dan semua ini bukan sahaja saya berdiri di sini bertanya pada masa sekarang sahaja.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Saya telah jawab tadi bahawa perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah dalam bidang kuasa kementerian-kementerian yang lain, bukan khusus di bawah kementerian saya. Pegawai-pegawai ada catit, tetapi saya tidak bersetuju hendak jawab kerana

ini adalah perkara yang berada di bawah bidang kuasa kementerian, terutama sekali dari segi menyatakan bagi mendapatkan kereta Proton, Kancil dan sebagainya terpaksa menunggu lama. Ini adalah satu pengeluaran yang dibuat oleh syarikat yang berkenaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Walau bagaimanapun, oleh kerana permintaan kereta-kereta yang berkenaan amatlah baik, maka sebab itulah terpaksa menunggu lama. Kalau misalnya permintaan tidak baik, maka oleh itu kereta boleh diperolehi dengan segera. Jadi bermakna, terpaksa kena tunggu giliran untuk mendapatkan kereta yang berkenaan.

Yang lagi satu, kereta 'trade in' dapat lebih awal jika dibandingkan kalau hendak beli kereta tanpa trade-in, ini adalah satu urusan operasi syarikat yang berkenaan. Jadi, kita serahkan kepada syarikat itu untuk menjalankan perniagaan berdasarkan kepada strategi perniagaan yang difikirkan sesuai. Walau apa pun, saya minta supaya Yang Berhormat boleh menunjukan soalan-soalan ini kepada kementerian yang khusus berkaitan dengan industri kereta di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan ke atas isu-isu yang dibangkitkan yang

menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bi Haji Mahiruddin]:

Kementerian Pendidikan.

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya ingin mengucapkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada 19 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan DiRaja dan mengemukakan pandangan dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Saya mohon izin untuk memberikan penerangan dan juga penjelasan atas perkara-perkara yang difikirkan patut diberikan penerangan dan penjelasan.

Yang Berhormat dari Pokok Sena, Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menimbulkan isu mengenai kebajikan guru. Kementerian Pendidikan memang sedar berhubung perkara ini dan kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji secara menyeluruh berkaitan perkhidmatan guru. Di antara kajian yang telah dilaksanakan ialah mengenai keresahan guru-guru tentang masalah kenaikan pangkat dan juga pengurusan serta perkhidmatan perguruan.

Mengenai masalah perumahan guru, Kementerian Pendidikan telah merancang untuk membina mengikut keperluan sebanyak 99,370 unit rumah guru dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi di kawasan kritikal, sebanyak 4,529 unit rumah guru akan dibina dengan kadar segera dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa akan mengadakan sesi-sesi taklimat dan kursus mengenai pelaksanaan SSB, terutamanya dalam bidang pengurusan prestasi kepada pegawai penilai dengan tujuan supaya kefahaman mengenai tatacara membuat penilaian prestasi dibuat dengan tepat mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Sistem Baru Penilaian Prestasi SSB.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat kerajaan meningkatkan tenaga manusia profesional untuk memenuhi keperluan dan tenaga manusia menjelang tahun 2000. Bagi memenuhi keperluan tersebut, kerajaan bukan sahaja bercadang menambahkan kapasiti IPT sedia ada, tetapi juga mewujudkan kursus-kursus yang relevan dengan perkembangan semasa seperti kursus Kejuruteraan Angkasa Lepas sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur.

Kursus Kejuruteraan Angkasa Lepas telah ditawarkan di UTM dalam bidang Composite Structure di peringkat Diploma dan Ijazah. UPM pula bercadang mengadakan program Sarjana Muda Kejuruteraan Aerospace pada sesi 1996/1997. Selain itu, USM bercadang menawarkan kursus-kursus Kejuruteraan Aerospace mulai sesi 1996/1997 seperti Aerospace Propulsion, Space Missions, Satellite Applications dan Orbital Mechanics.

Mengenai Tabung Pendidikan Nasional sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru, Kementerian Pendidikan memang bercadang mewujudkan tabung tersebut dan pelaksanaannya masih dalam kajian. Walau bagaimanapun, skim pembiayaan yang sedia ada masih diteruskan bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

Cadangan mendirikan IPT di Sibu, Sarawak oleh Yang Berhormat dari Sibu telah ditimbulkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Untuk makluman, pada masa ini Sarawak telah mempunyai sebuah universiti iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), sebuah politeknik dan di samping 3 buah maktab perguruan. Jumlah tersebut telah memadai dan berupaya menampung keperluan pendidikan di Sarawak.

Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan masalah keruntuhan moral di kalangan pelajar. Kementerian Pendidikan menyedari masalah tersebut dan akan berusaha mengatasinya. Antara langkah-langkah yang diambil ialah mewujudkan Briged Komuniti di semua jabatan pendidikan negeri, pejabat-pejabat pendidikan daerah, ibu bapa, komuniti dan pihak polis. Penubuhan Briged Komuniti ini lebih tertumpu kepada usaha menangani masalah disiplin di kalangan para pelajar. Pihak Kementerian Pendidikan juga sedang menjalankan proses perlantikan untuk 2,303 orang guru kaunseling yang bertauliah yang akan ditempatkan di semua sekolah. Setiap sekolah yang mempunyai lebih daripada 750 orang pelajar akan menerima dua guru kaunseling manakala sekolah yang

kurang daripada 750 pelajar hanya menerima satu sahaja guru kaunseling. Sementara itu, Unit Bimbingan dan Kaunseling di semua sekolah sentiasa mengadakan ceramah-ceramah motivasi dan kerjaya dari semasa ke semasa. Kementerian akan sentiasa memastikan program-program tersebut dilaksanakan demi pembentukan generasi pelajar yang berkualiti dan berakhlak tinggi.

Mengenai soal prestasi pelajar yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sandakan, suka saya jelaskan bahawa Kementerian Pendidikan telah menjalankan pelbagai usaha untuk meningkatkan lagi prestasi pelajar dalam semua peperiksaan bukan sahaja di Sabah, malah di seluruh negara. Antara usaha tersebut ialah menempatkan 70% daripada jumlah guru terlatih di kawasan-kawasan luar bandar, meningkatkan usaha pengajaran dan pembelajaran di sekolah melalui usaha gigih guru-guru dengan mengadakan kelas-kelas tambahan dan bimbingan kepada pelajar yang bermasalah tetapi berpotensi untuk berdaya maju dari segi pembelajaran terutamanya di luar waktu sekolah. Di samping itu, pelajar-pelajar termiskin dari luar bandar telah diberi beberapa program bantuan pendidikan termasuklah menempatkan mereka di asrama-asrama sekolah, memberi bantuan buku teks, makanan tambahan, penganugerahan biasiswa bagi pelajar-pelajar cemerlang dan sebagainya. Kementerian Pendidikan bersetuju benar...

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Tuan bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: ...dengan saranan Yang Berhormat supaya semua PIBG di sekolah memainkan peranan yang lebih aktif supaya mutu pendidikan di sekolah berkenaan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penyediaan sekolah. Di Sabah memang tidak dapat dinafikan banyak keperluan sekolah terutama di luar bandar termasuklah di kawasan saya di Tuaran tetapi ada satu tempat yang khusus yang saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu di Sungai Megendai di dalam kawasan Bandau di mana Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah menyuarakan ini dan memberitahu bahawa terdapat di antara 500 dan 1,000 kanak-kanak di luar bandar yang tidak dapat pergi sekolah oleh kerana tidak ada sekolah di situ dan sekolah yang terdekat memerlukan perjalanan ataupun memakan masa satu setengah hari berjalan kaki iaitu di Sekolah Kebangsaan Sempita dan di situ juga tidak ada asrama dan difahamkan bahawa tidak ada perancangan Kementerian Pendidikan untuk menyediakan sekolah ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Jadi, penjelasan yang saya inginkan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah masalah sebenarnya untuk menyediakan sekolah ini sehingga dikatakan tidak dapat dibina sekolah di situ memandangkan lebih banyak lagi tempat yang memerlukan sekolah kerana keadaan yang lebih dahsyat daripada ini. Jadi, kalau keadaan seperti ini sudah ada lagi yang lebih dahsyat, maka saya fikir kementerian terpaksa membuat penyelidikan sebaik-baiknya

supaya kanak-kanak di luar bandar tidak akan terus ketinggalan di dalam pelajaran.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah sekolah ini di merata tempat ada, kita sudah selidik lama dan kita amat sedar di semua kawasan yang memerlukan pendidikan itu dan kita cuba cari jalan untuk menyelesaikan perkara-perkara yang perlu diselesaikan mengikut keutamaan-keutamaan yang ada di peringkat kementerian. Saya maklum tentang keadaan kawasan ataupun kekurangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan kita akan cuba cari jalan untuk selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa peka dan prihatin dengan perkembangan prestasi akademik para pelajar. Projek Gerak Gempur Matematik SPM 1995 yang dilancarkan pada bulan April telah berjaya meningkatkan prestasi pelajar dan oleh itu Kementerian Pendidikan akan melancarkan pula Projek Gerak Gempur Sains dan Matematik bagi tahun 1996 ini.

Usaha-usaha lain yang dijalankan ialah meningkatkan infrastruktur sekolah dengan pembinaan bangunan baru, penyediaan sekurang-kurangnya satu komputer untuk semua sekolah menengah dan rendah, mengadakan pelbagai kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan guru-guru serta menambahkan kelengkapan pembelajaran di sekolah seperti pembekalan komputer, overhead projector dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Johor Bahru, Kementerian Pendidikan menubuhkan sekolah berasrama penuh untuk memenuhi keperluan pendidikan bagi kumpulan pelajar yang berpotensi terutamanya dari luar bandar. Pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menubuhkan sekolah berasrama penuh di setiap daerah kerana ini bukanlah matlamatnya dan lagi pun ia menjadi di luar kemampuan kementerian ini.

Mengenai isu.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak berpeluang bercakap, jadi saya ingin bertanya soalan tentang dua tiga perkara. Yang pertama, tadi Yang Berhormat tentang persoalan, saya balik ke belakang, minta maafilah.

Soalan moral di sekolah, pada masa sekarang saya ingat murid-murid yang beragama Islam, saya tekankan yang beragama Islam kerana yang bukan Islam diajarkan moral, yang beragama Islam diajarkan agama. Jadi, agama ini kadang-kadang diajarkan secara ritual tidak secara mengerti apa ajaran di sebalik yang ritual diajar kepada murid-murid. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat khusus tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran tadi, banyak sekolah yang diluluskan oleh pihak kerajaan, setahu saya di Sarawak ada 22 buah sekolah yang telah diluluskan

mendapat pinjaman daripada Asean Development Bank, tetapi cara pelaksanaan ialah menerusi tender dan diselenggarakan oleh pihak JKR. Tetapi agensi kerajaan sebagai pelaksana tidak boleh membuat kerja-kerja mereka oleh kerana prioriti yang berlainan. Jadi, pada masa sekarang, saya tahu secara khusus 20 buah sekolah ini masih belum dibuat - out of 22 selama tiga tahun berlarutan. Jadi, sekarang sudah hampir Rancangan Malaysia Ketujuh, perancangan untuk melaksanakan pembangunan 20 buah sekolah yang telah diluluskan sumber kewangan ini belum lagi dibuat. Jadi, apakah rancangan kerajaan ataupun kementerian agar perkara-perkara ini ditarik balik daripada JKR Sarawak dan dibina secara terus oleh pihak kementerian secara negotiate tender agar perkara ini boleh dilaksanakan dengan cepat agar keuntungan ataupun benefit, dengan izin, dapat diterima oleh pihak negara dan negara kita jangan meminjam, lain kali kalau hendak pinjam orang kata tidak boleh beri lagi. ADB pun tidak beri.

Yang ketiga Yang Berhormat, saya minta maaf banyak soalan. Soalan sekolah berasrama penuh (integrated school) ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Johor Bahru kerana Kerajaan Negeri Sarawak, satu agenda pendidikan utama mereka ialah untuk mengadakan integrated school di rural area. Oleh kerana sekolah-sekolah yang hanya 50, 30, 70 ataupun 100 orang murid itu tidak boleh diberi kemudahan-kemudahan yang banyak umpamanya kemudahan sport, rekreasi, komputer dan sebagainya.

Jadi, murid-murid yang keluar dari sekolah ini tidak mendapat nikmat seperti yang diterima oleh murid-murid di bandar, oleh kerana tidak ada electricity,

generator kalau hendak beli mahal, semua susah. Jadi, rancangan Kerajaan Negeri Sarawak ialah untuk mengadakan integrated school, sekolah diperbesarkan dan disatukan di satu tempat. Oleh itu macam mana penerimaan Kerajaan Pusat ataupun kementerian atas cadangan-cadangan ini agar anak-anak murid ataupun budak-budak daripada luar bandar menerima nikmat atau kemudahan pendidikan, kalau tidak sama pun sekurang-kurangnya dapat mengikut sedikit di belakang dengan budak-budak ataupun murid-murid di bandar.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama sekali, ini adalah soal pengajaran agama Islam sebagai satu cara untuk melentur dan membimbing anak-anak kita supaya menjadi manusia yang berguna dan berfaedah kepada negara kita ini. Kita kena sedar usaha ini bukan semata-mata diuruskan oleh Kementerian Pendidikan, ianya memerlukan kepada peranan, sumbangan semua lapisan masyarakat.

Kementerian Pendidikan memelopori usaha-usaha ini dengan harapan ianya akan disusul pula pelbagai kegiatan melalui masyarakat umum supaya hasrat kita untuk melihat anak bangsa kita menjadi warganegara yang berguna dan berfaedah. Begitu jugalah di kalangan murid-murid bukan Islam melalui pendidikan moral, kita berharap matlamat yang sama dapat kita capai supaya semua warganegara kita ini akhirnya menjadi insan yang faham akan peranan dan tanggungjawab mereka kepada bangsa, agama dan negara.

Yang kedua, mengenai masalah pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian Pendidikan khususnya untuk hendak menokok tambah dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas di sekolah-sekolah.

Saya sedar dan insaf akan kekurangan-kekurangan yang ada, terutama sekali di kawasan luar bandar, cuma dari segi pelaksanaan, memang kita ada berdepan dengan pelbagai persoalan yang perlu diatasi, yang kadangkala di atas sebab-sebab teknikal memakan masa yang lama. Yang ini kita akui dan kita sentiasa mencari jalan bagaimana caranya agar apa sahaja, halangan-halangan pentadbiran yang ada itu dapat kita cuba kurangkan ataupun kita ketepikan langsung supaya dapat dilaksanakan setiap program ataupun projek itu dengan seberapa cepat yang mungkin. Memang ada rundingan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong, bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Mengenai kekurangan kemudahan-kemudahan untuk sekolah-sekolah di luar bandar, adakah benar bahawa terdapat sekolah-sekolah di luar bandar yang dibekalkan dengan komputer, faks dan lain-lain, tetapi tidak ada bekalan elektrik? Berapa buah sekolahkah yang terdapat kes seperti ini dan kenapa boleh berlaku perkara yang semacam ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita bekalkan barang-barang ini, salah satu syarat ia mesti cukup bekalan

elektrik. Kalau tidak ada bekalan elektrik biasanya kita tidak hantar, kita tidak beri. Yang Berhormat beritahulah sekolah mana? Kita boleh check dan saya boleh siasat kalau ada, boleh tak?

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat hendak tahu sekolah mana, Yang Berhormat dahulu dari *Utusan Melayu* boleh check dengan *Utusan Malaysia*, ada disebut dalam surat khabar itu, tentulah ada kawan-kawan dalam surat khabar itu, check dahulu, kalau tidak boleh, saya boleh check bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat tanya baik, saya jawab baik [*Ketawa*] tak usahlah hendak politicize, hendak main politik kita keluarlah.....

Tuan Lim Kit Siang: Checklah.....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Not inside here.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, Utusan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: You ask me nicely, I reply to you nicely. If you want to quarrel, you want to fight - outside we can go and quarrel and fight. [*Ketawa*] Tetapi asasnya saya suka hendak terangkan, Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita siasat dan kalau bekalan elektrik itu tidak cukup, kita tidak beri. Jadi, kalau ada berlaku saya akan pastikan perkara ini diperbetulkan. Okay.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, kita tidak mahu bergaduh, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri pun setuju tentulah kumpulan *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* adalah satu surat khabar yang kredibiliti, jadi tentulah ada benarnya apabila membuat laporan. Adakah satu siasatan akan dibuat mengenai masalah ini, di mana sekolah-sekolah ada dibekalkan dengan komputer-komputer, faks dan lain-lain, tetapi tidak ada bekalan elektrik?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara tadi, saya belum habis lagi.....

Tuan Jawah Anak Gerang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat, saya hendak jelaskan, sekejap Yang Berhormat! Yang ini tadi tidak selesai.

Mengenai soal sekolah-sekolah berasrama penuh ataupun kemudahan-kemudahan asrama di kawasan-kawasan luar bandar. Saya suka jelaskan bahawa kita memang sedar kemudahan-kemudahan asrama yang ada sekarang ini tidak cukup dan kita cuba menampung keperluan itu mengikut kemampuan dan keupayaan yang ada pada kerajaan. Jadi, sudah pastilah kita tidak dapat hendak membuat di seluruh kawasan seperti di tiap-tiap daerah, kerana biasanya

kemudahan itu disediakan untuk menampung keperluan satu-satu kawasan sekitar di satu-satu tempat.

Saya suka hendak menegaskan bahawa apa jua yang boleh kita tokok tambah kemudahan itu dari semasa ke semasa banyak bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan. Insyallah, saya akan cuba teliti perkara-perkara seperti ini dan kita akan cuba tokok tambah di mana yang dapat kita buat dari semasa ke semasa mengikut peruntukan ataupun perbekalan kewangan yang ada di kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak cakap ini.....

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit berkenaan dengan bilangan sekolah-sekolah di seluruh negara khususnya sekolah-sekolah rendah, berapakah bilangannya di seluruh negara? Adakah kerana terlampau banyak sekolah kemudahan-kemudahan asas seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak juga dapat diberi dengan sepenuhnya atau secukupnya, siapa sahaja yang menerajui kerajaan. Saya juga ingin tahu sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk memusnahkan sekolah-sekolah yang kecil supaya didirikan satu sekolah yang besar supaya kemudahan-kemudahan seperti yang dikatakan dapat diberikan dengan secukupnya, kerana masalah sekarang adalah sekolah-sekolah kecil terlampau banyak dan kebanyakan sekolah-sekolah tersebut tidak cukup murid untuk mengisi sekolah. Ini saya rasa adalah disebabkan 'pil perancang keluarga', kebanyakan ibu-ibu sekarang hanya mempunyai 2 atau 3 orang anak, jadi adakah kerajaan sekarang dapat memberi nasihat kepada pihak berkuasa supaya kalau hendak hidupkan sekolah-sekolah yang kecil ini, menggalakkan kaum ibu melahirkan anak lebih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, angka yang tepat tidak ada pada saya ketika ini, tetapi bilangan sekolah-sekolah rendah yang ada di seluruh Malaysia kita adalah dalam lingkungan seribu lebih sedikit sahaja, seribu berapa puluh buah, saya tidak ingat, tetapi seribu lebih.

Yang keduanya mengenai sekolah-sekolah kecil yang kita istilahkan sebagai 'sekolah-sekolah kurang murid'. Memang terdapat sekarang ini satu jumlah sekolah-sekolah yang muridnya sentiasa berkurangan dan itulah sebabnya kita ada satu program untuk menyatukan murid-murid ini. Sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi, program itu memang ada dalam perancangan kita dan kita mula laksanakan, tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah kita tidak boleh menutup sekolah ini dengan sewenang-wenangnya, kerana kita perlu berunding dengan pihak-pihak berkenaan terutama sekali Persatuan PIBG, kerana kita maklum ibu bapa seboleh-bolehnya akan cuba mempertahankan sekolah-sekolah itu daripada ditutup.

Saya beri jaminan kita memang tidak bercadang hendak tutup ikut suka hati. Kita akan dapatkan pandangan daripada semua lapisan masyarakat di satu-satu tempat, baru kita melaksanakan program itu supaya tidak timbul apa-apa masalah selepas dilaksanakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya tentang kemudahan asas yang diberikan kepada sekolah-sekolah. Saya harap Yang Berhormat boleh mengambil perhatian tentang masalah sekolah-sekolah di kawasan saya, iaitu

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Notre Dame, di mana rakan Yang Berhormat, dalam satu lawatan ke sekolah tersebut telah memberikan janji untuk memberikan peruntukan, saya rasa RM200,000 hingga RM300,000 untuk membina kelas-kelas sekolah, di mana bangunannya adalah dalam keadaan usang. Oleh kerana ia adalah dalam keadaan bahaya, dan diisytiharkan sebagai bahaya oleh JKR, semua murid sekolah terpaksa belajar di luar kelas, atau keadaan terbuka. Yang saya kesal di sini ialah mengapa sehingga hari ini, peruntukan ini masih belum dikeluarkan, sungguhpun lebih hampir setengah tahun. Bolehkah Yang Berhormat, dalam perkara ini mengambil perhatian supaya memanjangkan dan mempercepatkan peruntukan yang diperlukan oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Notre Dame di Melaka. Kalau tidak, saya takut nanti murid-murid tersebut terus belajar di keadaan terbuka dan prestasi mereka akan terjejas.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih atas makluman Yang Berhormat itu, saya akan ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Lim Kit Siang: Sedikit sahaja. Ini oleh kerana satu perkara sangat mustahak yang berbangkit daripada apa yang exchange singkat tadi, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa ada sekolah-sekolah yang tidak ada bekalan elektrik yang menggagalkan rancangan computerisation yang mahu dilancarkan oleh kerajaan, yang mahu semua sekolah ada kursus komputer, adakah Yang Berhormat ada angka-angka terkini mengenai berapa

buah sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah yang tidak ada dibekalkan elektrik, di mana program komputer tidak boleh dilaksanakan. Sememangnya soalan semacam ini perlu notis, tetapi kalau kita begitu serius dan prihatin mengenai program computerisation di sekolah, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka-angka semacam ini. Saya percaya, yakin dan confident beliau on the job, dan tak perlu meminta notis.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jangan cepat hendak katakan program komputer kita ini gagal. Saya tak setuju kalau Yang Berhormat dari Tanjong kata program komputer ini gagal, belum gagal lagi. Kita akan laksana.

Tuan Lim Kit Siang: Rancangan komputer akan gagal kalau tidak ada electricity.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kita maklumlah angka itu ada di kementerian, percentagenya pun tak tinggi yang sebenarnya. Kita akan cuba seboleh-bolehnya memberikan kemudahan-kemudahan itu supaya dapat dipertingkatkan lagi keberkesanan program computerisation di sekolah-sekolah ini.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri tak rela beri angka ini, bolehkah saya dapat angka itu lepas mesyuarat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Boleh, no problem.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mengenai isu kelas peralihan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Seremban, perlu dijelaskan bahawa semua pelajar SRJK(C) dan SRJK(T) yang berkecualan....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, tak beri jalan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Sangat penting, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: I give you, I give you.....yang berkecualan telah ditempatkan ke Tingkatan Satu, kecuali sebahagian kecil sahaja, iaitu 2,894 pelajar ataupun 4.72% kekal di Tingkatan Peralihan atas permintaan ibu bapa.

Berhubung dengan teknologi maklumat di sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Johor Bahru, Kementerian Pendidikan telah merancang dan melaksanakan program komputer dalam pendidikan sebagai satu usaha serius menjadikan teknologi maklumat sebagai prasarana penting dalam sistem pendidikan negara menjelang abad ke-21. Program ini mula diperkenalkan ke sekolah-sekolah melalui beberapa projek percubaan sejak tahun 1989 lagi. Sehubungan dengan itu, program latihan telah dijalankan bagi menjayakan projek-projek tersebut.

Mulai tahun 1995, seramai 120 orang guru setiap tahun melibatkan 110 buah sekolah telah menyertai kursus-kursus komputer, kepakaran komputer. Menjelang tahun 2000 seramai 720 orang guru terlatih dalam komputer akan dihasilkan dari program tersebut di peringkat Pusat, dan seterusnya melaksanakan latihan dalaman untuk semua guru-guru di sekolah. Usaha yang sama juga telah dirangka dan dilaksanakan bagi menyediakan guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan berkemahiran komputer.

Buat masa ini, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji beberapa cadangan daripada pihak swasta untuk mengambil bahagian dalam bidang teknologi maklumat bagi mengatasi beberapa masalah dan kekangan yang dihadapi. Perkembangan pendidikan negara buat masa ini sentiasa memberi penekanan

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:.....ke arah mewujudkan generasi yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tuan bangun lagi. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Peluang pendidikan dalam bidang pengajian peringkat persekolahan dalam bidang teknikal dan vokasional.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, dia tak beri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:....terbuka bagi semua yang berkelayakan dan berminat. Kementerian Pendidikan telah mewujudkan sekolah-sekolah teknikal dan vokasional yang khusus menawarkan berbagai-bagai bidang kemahiran bagi membolehkan generasi muda memperkembangkan minat dan potensi mereka. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan ada juga menjalankan kursus-kursus Sijil Kemahiran Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, dia tak beri....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:....yang dianjurkan oleh pihak Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan, Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan perkembangan teknologi masa kini dan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Satu langkah dalam usaha menghasilkan pendidikan selaras dengan kehendak tersebut, Kementerian Pendidikan telah menawarkan mata pelajaran teknikal bukan sahaja di sekolah menengah teknik dan vokasional, tetapi juga beberapa sekolah-sekolah akademik. Di samping itu, sekolah-sekolah menengah vokasional akan dinaik taraf kepada sekolah menengah teknik secara berperingkat-peringkat.

Mengenai Kelas Tingkatan Enam yang ditimbulkan oleh....

Tuan Yunof Edward Marinking: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Silalah, kasihan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memperkembangkan pembelajaran di sekolah-sekolah rendah. Tetapi yang kita sedih ialah sepanjang Rancangan Malaysia Keenam yang hampir sudah berakhir, di Sabah sebanyak 65 buah sekolah telah dirancang untuk dibina dan sudah tentu ada peruntukan lebih kurang RM250 juta yang sepatutnya telah dibelanjakan. Namun, hanya 12 buah sekolah sahaja yang telah siap. Memandangkan keadaan yang sedemikian, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah yang telah menyebabkan baki sekolah itu tidak siap, sedangkan sudah dirancang dan ada kewangan diperuntukkan oleh pihak kerajaan. Saya ingin penjelasan yang kedua ialah adakah pihak kementerian akan meneruskan pembinaan sekolah-sekolah yang terbengkalai itu ataupun tidak dimulakan semasa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti supaya kanak-kanak yang telah dikenal pasti untuk menggunakan sekolah itu tidak akan deprive, dengan izin, dengan kemudahan sekolah. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan sedikit tadi, cuma hendak menyimpul, saya kata begini sahajalah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada banyak projek dalam

Rancangan Malaysia Keenam yang dibawa ke depan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelas Tingkatan Enam yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, buat masa ini ia akan dikekalkan. Kelas Tingkatan Enam masih diperlukan memandangkan jumlah pengambilan pelajar ke universiti yang semakin meningkat. Program

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua, [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang bangun.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan teknikal. Sebenarnya, perkara tentang kelas peralihan Tingkatan Enam telah ditimbulkan oleh saya dari Sri Aman. Sebenarnya, jiran saya dari Seremban selalu berdiri tetapi tidak pernah dijemput bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, baik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okaylah, Sri Aman. Minta maaf, salah catatlah itu. Program matrikulasi belum boleh menggantikan Tingkatan Enam kerana program tersebut diwujudkan dengan objektif dan struktur yang tersendiri, berlainan daripada pendidikan Tingkatan Enam.

Kementerian Pendidikan, buat masa ini tidak bercadang mengkaji semula KBSM secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan kecil untuk memantapkan lagi KBSM yang sedia ada, sedang dan akan dilaksanakan.

Kementerian Pendidikan sedang meneliti semua sekolah satu sesi dan mengambil kira kekuatan dan kelemahannya untuk membantu pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu memartabatkan Bahasa Melayu yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, suka saya tegaskan bahawa Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995 memberi kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengarah, memberi ulasan, menasihati, bantuan, bimbingan, latihan dan pengawasan tentang Bahasa Melayu kepada mana-mana pihak dalam sektor awam dan swasta.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memartabatkan Bahasa Melayu seperti mengadakan taklimat, ceramah, seminar dan penyiaran risalah. Namun begitu, usaha penguatkuasaan bukanlah menjadi tanggungjawab Dewan Bahasa sepenuhnya. Impian tidak akan tercapai jika hanya Dewan Bahasa memainkan peranan, sebaliknya usaha memartabatkan Bahasa Melayu hendaklah dikongsi dan dilaksanakan secara bersungguh-sungguh oleh semua kementerian, badan-badan berkanun, pihak swasta dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Jerantut bangun.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, tadi disebutkan berkenaan dengan kuasa-kuasa yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, saya sepertimana dalam ucapan saya di dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda telah menitikberatkan berkenaan dengan penggunaan istilah-istilah termasuklah jawapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi berkenaan istilah yang digunakan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, setakat manakah Dewan Bahasa dan Pustaka dapat memastikan bahawa istilah-istilah yang digubal oleh kementerian mahupun jabatan kerajaan yang tidak diberikan pengiktirafan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai satu perkataan yang seharusnya boleh digunakan sebagai sebuah perkataan Melayu, sepertimana yang saya contohkan seperti berikut, seperti Peguam Negara menggunakan perkataan 'kensel fee' dan sekarang ini kita terlihat adanya 'Asistan Komisioner', 'Deputi Superintendan' dan sebagainya. Itu sahaja!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya fikir sebagai suatu cara untuk menghadapi dan cuba mengatasi persoalan ini, suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada 11hb. April ini iaitu lusa, Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan melancarkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penguasaan dan Pengembangan Bahasa Kebangsaan. Jadi, tujuan utama penubuhan jawatankuasa itu, yang dapat dibentuk selepas dipinda Akta

Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini ialah untuk mengawasi pendekatan pelaksanaan dan cara-cara hendak mempertingkatkan lagi penggunaan bahasa itu secara tepat pada masa-masa yang akan datang.

Saya percaya, oleh kerana jawatankuasa ini diwakili oleh pegawai-pegawai tertinggi daripada kerajaan-kerajaan negeri dan juga jabatan-jabatan yang tertentu, maka soal-soal seperti itu, kita harap dapat sama-sama kita bincangkan dan kita rundingkan dan putuskan dengan baik pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan Islam dan moral serta kelas Fardu Ain di sekolah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, Kuala Krai, Sepang dan Seremban juga, Kementerian Pendidikan bersetuju dengan pandangan-pandangan bahawa kerosakan akhlak dan penyalahgunaan dadah dapat diatasi melalui Pendidikan Islam dan akhlak dan Pendidikan Kekeluargaan.

Antara usaha-usaha yang dijalankan ke arah ini ialah dengan memberikan kursus dan motivasi kepada guru-guru Pendidikan Islam yang sedang berkhidmat khususnya dalam perkaedahan pengajaran yang terkini serta menyediakan module untuk memberi latihan tambahan kepada pelatih-pelatih di maktab perguruan bagi membolehkan mereka memimpin pelajar-pelajar dengan lebih berkesan khususnya dalam menghayati akhlak Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kelas KAFA adalah dalam bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri, oleh itu segala yang berkaitan dengan

kelas berkenaan seperti kurikulum dan kelayakan guru-gurunya adalah di luar tanggungjawab kementerian ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan tidak keberatan untuk memberi kerjasama ke arah menyediakan kelas-kelas berkenaan jika diperlukan.

Mengenai kejayaan cemerlang yang dikatakan dicapai oleh sekolah-sekolah agama di Kelantan, Kementerian Pendidikan mengucapkan syabas dan tahniah kepada sekolah-sekolah berkenaan. Sebenarnya, sekolah-sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan juga turut mencapai kejayaan cemerlang, malah di peringkat STPM, pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan adalah lebih cemerlang berbanding dengan pelajar-pelajar sekolah agama Kelantan. *[Tepuk]*

Kementerian ini juga ingin menjelaskan bahawa peruntukan per kapita kepada sekolah agama di Kelantan telah pun diberi sejak tahun 1991. Pemberian ini semakin bertambah dari semasa ke semasa. Oleh itu, tuduhan yang mengatakan Kementerian Pendidikan tidak memberi bantuan per kapital kepada sekolah-sekolah agama adalah tidak benar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu arif tentang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa memang benar, kerajaan menambah peruntukan per kapita kepada sekolah-sekolah rakyat termasuklah di Kedah, di Kelantan. Tetapi, adakah Yang Berhormat juga membuat siasatan sama ada pendidik-pendidik di sekolah ini menjalankan aktiviti-aktiviti yang kadang-kadang bercanggah dengan dasar kerajaan dan ada juga yang menanamkan semangat anti kepada kerajaan?

Jadi, adakah kerajaan akan mengkaji balik dan bila saya tanya dahulu, dok kaji dan kaji juga, tetapi, dok beri, beri juga. Dan yang mana satu yang betul ini, hak yang beri - beri, hak yang kaji - kaji. Jadi, keputusannya tak ada, jadi, saya ingin juga hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, macam la ini banyak sekolah-sekolah ini yang terbakar. Di Baling baru-baru ini terbakar, di kawasan saya dahulu pun terbakar - mati sampai berapa puluh orang. Bila kerajaan memberi bantuan, buat elok dah, tetapi saya ingat lagi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak melawat kawasan sekolah itu pun, mereka tidak beri masuk! Tang duit depa kabus, ha tu, bila menteri hendak melawat, hendak pi tengok, kot hendak pi bantu apa lagikah, depa tak beri masuk. Jadi, yang mana ini, kita ini kena kajilah balik perkara ini.

Jadi, saya haraplah, kalau boleh kementerian membuat satu kajian memastikan bahawa sekolah-sekolah ini diberi guru-guru yang terlatih dan memberi pendidikan yang sewajarnya. Jangan kita aniayakan budak-budak ini yang tidak mengerti apa lagi, dok torture depa, jadi, hentam orang politik, hentam

kerajaan. Jadi, inilah saya harap kementerian agak serius sedikit dalam perkara yang sebegini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita memang serius dalam soal pendidikan dan kita pun maklum tentang kegiatan-kegiatan yang berlaku di dalam setengah-setengah sekolah agama yang dikendalikan oleh orang-orang yang ada berkepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, cuma dari segi keutamaannya, seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, memang tepatlah, kita tak mahu hendak menganiaya anak-anak ini, walaupun kita tahu apa yang berlaku di sekolah itu, tetapi, atas nama keadilan dan perlunya ilmu itu kepada anak bangsa kita, ada kalanya, walaupun kita tahu yang mengendalikan sekolah itu tidak sehaluan dengan kita, ada juga kita beri, hendak menunjukkan kepada mereka bahawa dalam soal pendidikan ini, kita tak suka hendak mencampuradukkan kepentingan-kepentingan yang lain.

Tetapi, nampak gaya, kalau dia tidak mahu juga berubah, kita akan lebih teliti lagilah pada masa-masa yang akan datang untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang seperti itu. Tetapi, suka saya menegaskan, saya bersetuju benar bahawa kita tidak boleh korbankan masa depan anak-anak bangsa kita yang tidak berdosa ini. Itu penting, dari segi cara dan pendekatan kita membuat kerja.

Jadi, kita juga sedar bahawa keadaan yang menyelubungi sekolah-sekolah agama di negara kita pada hari ini dan memang sejak dari dahulu sampai hari ini, kita cuba membantu mereka dan kita cuba memberikan pandangan,

terutama sekali dari segi tenaga perguruannya yang difikirkan perlu diberikan latihan dan bimbingan supaya dapat menyampaikan ilmu dan pengetahuan dengan cara yang lebih teratur, lebih kemas dan lebih berkesan di masa-masa yang akan datang dan ini memang dibuat di sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Seremban, Kementerian Pendidikan telah membuat kajian yang teliti dan mendapati bahawa mata pelajaran pendidikan moral masih diperlukan oleh warga muda di Malaysia, lebih-lebih lagi jika berdasarkan kes-kes keruntuhan akhlak yang semakin bertambah akhir-akhir ini. Di samping itu bagi memperkukuhkan lagi mata pelajaran ini Kementerian Pendidikan sedang menggubal kurikulum mata pelajaran lain seperti mata pelajaran Bahasa Malaysia, mata pelajaran Alam dan Manusia supaya menambahkan nilai-nilai murni akan diajar merentasi kurikulum. Kementerian Pendidikan sentiasa peka dan memastikan nilai-nilai murni dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan, 1995.

Mengenai harga buku teks yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Gaya, Kementerian Pendidikan tidak menubuhkan sebarang tabung khas untuk anak-anak guru, walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan menyediakan biasiswa untuk semua pihak termasuk anak-anak guru. Mengenai buku teks yang telah diperakukan oleh kementerian ini, harganya memang terkawal. Bagi kategori buku teks yang ditakrifkan sebagai buku bacaan tambahan ia dijual dalam pasaran terbuka dan harganya perlu ditentukan bagi mengimbangi kos penerbitan dan perkara ini di luar kawalan Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sandakan, Sibu dan Gaya, khususnya mengenai kekurangan guru-guru di SRJK (C), Kementerian Pendidikan akan menyerapkan guru-guru sandaran tidak terlatih (GSTT) di sekolah tersebut yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang diperlukan ke program Kursus Dalam Cuti Khas yang telah dimulakan dalam bulan Februari, 1996 ini. Di samping itu Kementerian Pendidikan akan menambah bilangan guru pelatih yang diambil untuk Kursus Pengajian Cina bagi program Diploma Perguruan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya sedar akan adanya beberapa perkara lagi yang tidak sempat saya jawab di sini, perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Penerangan.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:
Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya

ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan Penggal Kedua Parlimen Kesembilan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menyentuh tentang penekanan yang amat berlebihan dalam rancangan-rancangan hiburan yang disiarkan dalam TV yang boleh mengkhayal dan melalaikan, khususnya golongan remaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, rancangan-rancangan TV adalah dibahagikan kepada 3 kategori, iaitu informasi, pendidikan dan hiburan. Di TV RTM, kategori informasi dan pendidikan merangkumi sebanyak 52.3% masa siaran yang disalurkan melalui Berita dan dengan izin, talk programme, seperti Majalah TV, Dokumentari dan berbagai kaedah pendidikan seperti situasi bilik darjah, lakonan dan ceramah.

Kategori hiburan pula merangkumi sebanyak 47.7% masa siaran yang disalurkan melalui pelbagai kaedah seperti muzikal, drama, hiburan ringan, komedi dan kuiz, dalam pada itu jumlah masa siaran hiburan muzikal daripada keseluruhan rancangan RTM adalah sebanyak 4.8%, yang mengikut pecahannya iaitu TV1 sebanyak 1.7% dan TV2 sebanyak 8.0%. Dalam menyalurkan maklumat, stesen-stesen penyiaran harus bijak memilih kaedah penyaluran maklumat yang paling berkesan dan sesuai dengan kehendak dan ekspektasi kumpulan sasaran masa kini. Tujuannya ialah untuk menarik minat penonton

sasaran sesuatu kategori rancangan dan di harapkan melaluinya mesej-mesej yang berbentuk maklumat dan pendidikan akan sampai tepat ke sasaran yang dituju.

Penggunaan format rancangan yang terlalu dikongkong oleh teknik biasa penyampaian informasi dan pendidikan, lazimnya tidak dapat menarik minat para penonton khususnya di kalangan remaja. Justeru itu, satu kaedah baru penerbitan yang dikenali sebagai infotainment dan edutainment digunapakai dalam usaha untuk menerapkan aspek-aspek informasi dan pendidikan dengan cara yang mudah tetapi lebih berkesan.

Mesej di sebalik berita-berita dan media cetak yang memaparkan tatalaku.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada kenyataan yang telah dinyatakan tadi, 3 kategori tadi, kalau saya tidak silap hanya ditumpukan kepada TV1 dan TV2. Bagaimanakah dengan kawalan oleh pihak kementerian kepada TV3 dan juga TV4. Adakah kategori ini pun sama dikenakan kepada kedua-dua siaran swasta ini?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Semuanya, bukan hanya tertakluk kepada stesen kerajaan tetapi stesen-stesen swasta juga diharuskan untuk mengikuti kaedah yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, mesej di sebalik berita-berita dalam media cetak yang memaparkan tatalaku sumbang dan negatif para artis adalah untuk dijadikan iktibar oleh anggota masyarakat, khususnya para artis dan bukan untuk dijadikan teladan. Sememangnya menjadi harapan kepada kementerian ini supaya para artis sentiasa mengamal cara hidup dan tatalaku yang baik berlandaskan kepada nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Bagi mencapai harapan itu kementerian ini sememangnya sentiasa memberi pedoman serta menyediakan garis panduan dan peraturan-peraturan penyiaran bagi memastikan tindak-tanduk para artis secucuk dengan peranan mereka sebagai 'role model', dengan izin, khususnya di kalangan remaja. Di samping itu usaha telah dan akan terus dilaksanakan bagi menganjurkan latihan kepada para artis, khususnya yang mengandungi unsur-unsur perubahan sikap dan bina insan supaya mereka dapat dibekalkan dengan ciri-ciri role model yang berkualiti dan positif.

Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena meminta supaya isu utama yang meminta ganjaran yang lebih ketika memberikan ceramah, tidak wajar dihebohkan kerana boleh menjejaskan matlamat melahirkan generasi arif dalam ilmu agama.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah. Saya tidak selalu bangun. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana Larut suruh saya bangun,

jadi, saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri mengenai persoalan artis sebagai role model. Kadang-kadang budi pekerti dan perangai artis ini mungkin memang susah hendak dibendung atau di kawal selia oleh pihak kementerian, tetapi ada satu perkara yang mungkin kementerian boleh buat, kalau kita pandang kepada semua siri-siri yang ditunjukkan di kaca mata TV, sama ada TV1, TV2 dan TV3, nampaknya orang Malaysia ini kalau bercakap tidak pernah bercakap dengan kata-kata yang lemah lembut, perangai yang baik-baik, tetapi mereka bercakap menengking - shouting and yelling. Kalau gaduh sedikit - menengking, di antara emak dan bapa, di antara anak dan bapa dan ibu, semuanya cakap menengking - shouting, yelling, kalau hendak menegakkan sesuatu itu dia menengkinglah.

Jadi, kalau dipandang dari segi, orang tidak tahu siapa orang Malaysia itu, kita nampak orang Malaysia ini tidak pandai bercakap lemah lembut, tidak pandai bercakap dengan kata-kata yang baik dan manis tetapi dia biasa menggunakan kata-kata yang keras, kata-kata menengking, perangai yang keras dan perangai yang tidak lemah lembut. Jadi, mungkin kementerian boleh membuat satu garis panduan dalam membuat siri ataupun cerita itu, boleh menggunakan perkataan yang baik dan lemah lembut.

Walaupun kita dengan menggunakan perkataan yang sama mungkin tidak begitu jahat, tetapi kalau kita menggunakan cakap itu dengan menengking, lebih jahat daripada yang kita sebut dengan menggunakan perkataan yang lemah

lembut. Jadi, saya berharap pihak kementerian boleh melihat dalam perspektif ini. Terima kasih.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali Yang Berhormat memberi ulasan mengenai tayangan program drama yang memaparkan beberapa adegan yang menengking dalam keluarga ataupun dalam adegan-adegan lain. Soal perangai itu barangkali, mana-mana program drama yang dibuat oleh production house, ia hendak menggambarkan realiti sebenar masyarakat dan soal tengking-menengking ini adalah fenomena masyarakat sejagat. Kita cubalah untuk memberi mana-mana program drama agar dapat menggambarkan tingkah laku yang lebih halus tetapi apakah itu satu gambaran realiti yang sebenar daripada masyarakat kita perlu kita buat? Maksud saya drama yang dipaparkan adalah realiti harian. Kalau kita secara berpura-pura, barangkali tidak menunjukkan keadaan sebenar dan tidak boleh menjadi panduan dan mengajar masyarakat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan drama yang disebutkan tadi sebagai contoh dan keadaan sebenar. Banyak drama-drama yang disiarkan kalau kita lihat drama-drama yang berunsurkan korporat. Ceritanya lebih kurang sama sahaja, gaduh pasal harta,

ada perempuan simpanan dan macam-macam kisah-kisah korporat. Tetapi apakah ini gambaran sebenar keadaan perniagaan atau korporat kita? Sama ada betul atau tidak, saya ingat itu perlu disemak betul-betul kerana yang kita mahu, ini akan menjadi contoh kepada orang kampung. Orang kampung tidak tahu keadaan sebenar, jarang-jarang ada cerita mengenai korporat yang menderma buat masjid, menderma buat sekolah, membuat kebajikan dan sebagainya tetapi di sebalik itu juga, pusing-pusing.

Dulu, pernah saya mengatakan apakah kementerian telah ada panel untuk kita skrin semua cerita-cerita drama oleh pakar-pakar, misalnya cerita korporat ini mesti diskriminasi ataupun ditapis oleh jemaah orang-orang korporat kerana saya tengok setengah perjalanan cerita itu tidak menggambarkan keadaan korporat yang sebenar. Mengenai dengan cerita keagamaan, perlu diskriminasi oleh orang-orang yang pakar dalam hal ehwal agama kerana saya lihat juga kisah-kisah keagamaan itu tidak begitu tepat. Begitu juga dengan kisah-kisah perubatan, saya sebagai doktor perubatan, bila saya melihat kadang-kadang janggal dari segi cara rawatan, cara pemeriksaan pesakit dan cara menyampaikan maklumat kepada pesakit. Tingkah laku pelakon yang membawa watak sebagai doktor dan juga jururawat. Jadi, saya mohon penjelasan apakah sudah ada panel untuk drama-drama yang bercorak spesifik yang ditayangkan bukan cuma kisah-kisah keterlaluan ataupun yang mengisahkan kisah menarik laku dari segi komersial tetapi nilai untuk masyarakat dan juga untuk negara tidak ada? Terima kasih.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempunyai perspektif yang sama dengan Yang Berhormat mengenai perkara ini. Memang saya sendiri tidak puashati kalau dari segi satu-satu profesi tentulah mesti mengandungi satu unsur yang bersesuaian. Namun, saya ingin menyatakan bahawa sejak program drama diswastakan, kita sudah mempunyai panel. Panel ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kementerian dan kadang-kala kita rujuk ataupun minta nasihat daripada pakar-pakar tertentu, misalnya Kementerian Kesihatan ataupun di segi agama Jabatan Agama Islam atau Pusat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks agama ingin saya nyatakan bahawa semua rancangan agama di TV RTM termasuk Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang disiarkan melalui TV1 adalah dikendalikan oleh Unit Agama dan Dakwah, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri iaitu semenjak bulan Jun 1994. RTM hanya membantu dari segi siaran melalui TV1 sahaja. Segala urusan penerbitan rancangan agama itu bermula daripada pemilihan tajuk, tokoh penceramah dan urusan pembayaran adalah dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai menyentuh tentang radio.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sekali Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat pergi pasal radio, ini pasal tingkah laku artis-artis. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian yang telah mengambil tindakan tegas ke atas artis-artis kita, mengegam mereka apabila mereka berkelakuan tidak senonoh, khalwatlah, hisap dadah dan sebagainya. Cuma satu Yang Berhormat, saya minta kalau boleh saya nampak apabila dalam rancangan-rancangan hiburan, saya bukan tengok selalu, kadang-kadang ada masa kita tengok rancangan hiburan. Bila juruacara temuduga mereka ini, kadang-kadang temuduga dalam bahasa Malaysia dia jawab dalam bahasa Inggeris, kadang-kadang dia jawab bahawa Inggeris itu dia pun tidak faham, jadi kita pun dengar tidak faham. Jadi, Yang Berhormat kita kena skrin jugalah perkara macam ini supaya ia jangan jadi kerosakan, mencemarkan bahasa. Jadi, saya haraplah kalau boleh kementerian Yang Berhormat dapat mengatasi masalah ini, kerana kita tengok sekarang ini kadang-kadang dia gedik, orang Kedah kata dia gedik ini dia loncat-loncat pelik sangat bila interview ini. Jadi, anak-anak kita pun kadang-kadang dia tengok dia terloncat macam itu juga, jadi jenuh kita larang dia kata "dalam TV tidak apa, kenapa che' tidak boleh buat? Jadi, susah. Jadi, inilah saya harap kalau boleh bukanlah setakat TV RTM sahaja termasuklah TV3, TV4 ke, TV berapa pun. Jadi, saya harap begitulah Yang Berhormat ya, tolonglah sedikit ya, yang mana loklak-loklah itu kita tidak usahlah bubuh dalam TV, nampak pelik sangat. Loklak itu Tuan Yang di-Pertua, kurang sopanlah. Loklak itu bahasa utara, Kedah. Terima kasih.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat.

Memang telah banyak aduan berkaitan dengan perkara ini, soal kelakuan yang tidak sopan yang dibuat oleh terutama artis dalam temuramah. Kita tentulah memberi perhatian, sorotan yang serius dan akan mengambil tindakan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai menyentuh tentang radio yang mengeluarkan iklan kerja kosong di kilang-kilang semasa pelajar-pelajar menunggu keputusan peperiksaan menyebabkan mereka tertarik dengan iklan yang menawarkan berbagai kemudahan di kilang tersebut.

Tujuan sesuatu iklan yang disiarkan melalui radio ataupun media yang lain antaranya adalah untuk menghebahkan maklumat kepada orang ramai mengenai tawaran barang dan perkhidmatan termasuk kerja kosong kepada kumpulan sasaran berpandukan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam kod etika pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan.

Pengusaha kilang mempunyai berbagai strategi dan pilihan untuk menghebahkan peluang pekerjaan kepada orang ramai dalam keadaan pasaran tenaga kerja yang kompetitif, iaitu sama ada melalui siaran radio ataupun media yang lain. Langkah pengusaha kilang mengiklankan melalui radio dalam usaha untuk mendapat tenaga kerja itu haruslah dilihat dari sudut yang positif iaitu untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini. Terpujanglah kepada pendengar, sama ada kumpulan murid sekolah yang sedang menunggu keputusan peperiksaan ataupun kumpulan-kumpulan lain untuk menyahut peluang tawaran pekerjaan di kilang tersebut.

Walau apa sekali pun, mereka yang menyahut peluang tawaran pekerjaan itu bukan sahaja berpeluang mendapat pekerjaan bagi menyara hidupnya dan keluarganya, malah mereka juga turut menyumbang kepada peningkatan pengeluaran barangan di negara ini.

Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yan bangun atas apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak tanya, tak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dah habis, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldi: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menjawab.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, fasal berita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dah habis, tak sempat. Tak sempat hendak soal. *[Disampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, fasal berita ni, la ni baguslah RTM, dia buat berita bahasa isyarat ini, dia tunjuk macam itu, macam ini semua, okaylah. Tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri sudah habis jawab!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Oh, sudah habis? *[Ketawa]*
Tak apalah. Hendak buat macam mana? Terima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

5.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan ke atas Titah Di-Raja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang ada menyuarakan rasa dukacitanya apabila ada pemandu teksi yang mengenakan tambang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang ke sebuah hotel di Kuala Lumpur sehingga RM250 dan juga menggunakan kekerasan terhadap seorang pelancong dari Jerman bernama M.M. Kohout. Seterusnya, Ahli Yang Berhormat dari Ledang bertanya apakah tiindakan yang akan diambil untuk mengelakkan perkara ini berulang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan bahawa hanya teksi mewah atau limousine yang berpangkalan di lapangan terbang sahaja dibenarkan

beroperasi mengambil penumpang daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan pembayaran adalah dibuat melalui kupon serta ditetapkan mengikut zon tertentu. Teksi biasa adalah tidak dibenarkan sama sekali dan merupakan satu kesalahan mengambil penumpang daripada lapangan terbang. Peraturan ini telah pun lama berjalan dan kita sentiasa memaklumkan perkara ini semasa membuat promosi pelancongan di luar negeri.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada pelancong yang merasai mereka ditipu, sama ada oleh pemandu limousine atau teksi biasa, mereka hendaklah mengemukakan laporan lengkap mengenainya yang mengandungi maklumat seperti tarikh, masa kejadian, tempat dan nombor kenderaan teksi kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya memberi jaminan aduan tersebut akan disiasat secara adil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian telah mengambil beberapa tindakan yang berterusan bagi memastikan pelancong merasa selesa berada di negara kita dan seterusnya ke arah meningkatkan perkembangan industri pelancongan secara berterusan dan tersusun. Antara langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah dijalankan ialah mengadakan kursus-kursus untuk front liners, dengan izin, kepada mereka yang berurusan secara terus dengan pelancong, termasuklah pemandu teksi dan kakitangan kaunter. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Industri Pelancongan diadakan bagi menyelaraskan tindakan secara bersepadu di antara jabatan kerajaan dan juga pihak swasta mengenai isu-isu pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibru yang menyatakan tentang keperluan untuk mengenal pasti secara intensif terhadap potensi pembangunan adventure ecotourism di Sarawak, beliau juga berpendapat bahawa Sarawak.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja Yang Berhormat, terima kasih. Soal teksi ini, saya memang mengucapkan syabas kepada Kementerian Pengangkutan oleh kerana saya sendiri pun membuat beberapa pengaduan dan di peringkat ini saya mendapat jawapan ataupun tindakan yang begitu baik daripada mereka dan memberi tunjuk ajar, bahkan hukuman pun ada diberi kepada pemandu teksi.

Tetapi kebelakangan ini saya nampak, ada satu kempen, dahulu diadakan di tiap-tiap hotel yang mana teksi tidak boleh refuse membawa penumpang daripada hotel ke tempat yang berdekatan. Tetapi bulan ini saya nampak tidak ada lagi kempen itu dibuat dan teksi itu sekarang sudah tidak lagi mengambil penumpang melainkan tempat itu ke lapangan terbang ataupun tempat-tempat yang jauh.

Jadi, saya berharap pihak Kementerian Pelancongan boleh menekankan dan meminta kepada Kementerian Pengangkutan agar kempen ini diteruskan. Soalan saya, soal teksi ini satu sahaja sebenarnya. Cerita-cerita itu tadi

sampingan sahaja. Soalan saya, teksi yang mengambil pelancong ataupun orang yang datang daripada lapangan terbang itu, ia berjalan satu hala sahaja - daripada lapangan terbang dan pergi ke pekan. Daripada pekan itu, daripada bandar, dia balik ke lapangan terbang, kosong. Jadi, dengan sendirinya pendapatan yang didapati oleh pihak pemandu teksi ini tidaklah begitu baik oleh kerana mereka tidak boleh mengambil passenger daripada pekan ataupun daripada bandar ke lapangan terbang.

Bolehkah kementerian membuat satu penyelidikan ataupun pengajian agar teksi yang mengambil passenger daripada lapangan terbang, pergi ke bandar, boleh juga mengambil passenger daripada hotel-hotel ataupun tempat-tempat mewah lain, balik ke lapangan terbang ataupun tempat-tempat yang tertentu agar pendapatan teksi itu lebih baik dan performance teksi lebih baik. Prestasi teksi itu sendiri baik oleh kerana pendapatan yang baik dan mungkin akan menurun dengan sendirinya. Jadi, ada negeri-negeri lain boleh buat macam ini, kenapa pula kita tidak boleh buat? Jadi, Yang Berhormat, saya ingin jawapan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti - mana yang diterangkan tadi bahawa kadar yang ditetapkan kepada teksi-teksi limousine yang beroperasi daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, kalau kita lihat adalah lebih tinggi daripada kadar yang dikenakan oleh teksi-teksi biasa.

Kadar yang lebih ini telah mengambil kira kos balik teksi itu daripada tempat luar ke lapangan terbang semula. Sesudah ditimbang, maka barulah kadar

itu dibenarkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, kami mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat kepada nasib dan ekonomi pemandu-pemandu teksi limousine ini.

Menyentuh tentang kempen tadi, Yang Berhormat, seperti kempen-kempen lain juga, kempen ini dijalankan bagi memberitahu ataupun membuat penerangan kepada orang ramai dan ia tidak boleh dijalankan sepenuh masa kerana apabila ia telah mencapai matlamatnya, maka kempen itu dihentikan. Saya rasa, di tempat Yang Berhormat menginap itu, keberkesanan kempen itu telah nyata. Oleh yang demikian, kempen seumpama itu telah dihentikan.

Saya ulangi lagi bahawa Yang Berhormat dari Sibul yang menyatakan tentang keperluan untuk mengenal pasti secara intensif terhadap potensi pembangunan adventure ecotourism di Sarawak, beliau juga berpendapat bahawa Sarawak mempunyai potensi yang terbesar untuk adventure ecotourism ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelancongan berasaskan keindahan alam semula jadi telah diberikan perhatian utama dan menjadi teras kepada penggalakan pelancongan negara, khasnya melalui Tahun Melawat Malaysia 1990 dan Tahun Melawat Malaysia 1994. Dimaklumkan juga bahawa kerajaan telah menjalankan kajian National Ecotourism Plan, dengan izin, yang bertujuan untuk mengenal pasti dan seterusnya membangunkan tempat-tempat tarikan pelancongan yang bercorak ecotourism.

Produk-produk pelancongan yang ada di Sarawak adalah di antara yang diberikan penekanan dalam kajian tersebut. Di samping itu juga, kerajaan telah memilih Sarawak sebagai satu daripada lapan destinasi utama untuk dipromosikan di luar negara mulai tahun 1995 dahulu.

Sukacita juga dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat melalui kerjasama serantau BIMP-EAGA yang dilaksanakan oleh kerajaan, ianya diharapkan akan dapat membangunkan industri pelancongan negara amnya, Sarawak dan Sabah khususnya dan kementerian berkeyakinan bahawa lebih

banyak bandar yang menjadi tarikan pelancong di Sarawak akan dijadikan salah satu daripada destinasi penerbangan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyarankan agar kawasan Tasik Kenyir dimasukkan sebagai pusat pelancongan yang lebih pesat. Beliau juga mencadangkan agar pihak KETENGAH mengambil alih membangunkan kawasan tersebut jika Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan tidak berupaya membangunkannya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Negeri Terengganu telah diperuntukkan sebanyak lebih RM40 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM37,782,000 telah disalurkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, lebih RM10 juta kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan RM750,000 kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti. Bagi projek pelancongan Tasik Kenyir, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM13,652,000.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai pembangunan Tasik Kenyir, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan telah hanya diminta untuk melaksanakan pembangunan Tasik Kenyir dari 30hb. Jun 1990 hingga 27hb. Jun 1992. Dalam hal pembangunan Tasik Kenyir khususnya dan KETENGAH amnya, sukacita dimaklumkan bahawa KETENGAHlah sebagai salah sebuah agensi kerajaan diberi tanggungjawab untuk membangunkan kawasan-kawasan di bawah bidang kuasanya sama ada untuk pembangunan sosial, infrastruktur, perindustrian

ataupun pelancongan. Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan bersedia untuk memberikan kerjasama untuk membantu KETENGAH bagi membangunkan Tasik Kenyir sebagai salah satu destinasi pelancongan yang menarik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada kementerian sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Semua teguran, pandangan dan cadangan ini akan diambil perhatian dan diberi pertimbangan sewajarnya dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan kementerian ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Sumber Manusia.

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Diraja di Dewan ini penggal kini, terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Yan, Parit Sulong, Arau, Alor Gajah, Parit dan Sepang. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Sumber Manusia menerima baik pandangan, cadangan dan teguran membina yang telah diutarakan. Kementerian ini akan bertindak proaktif meneliti dan

mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut rata-ratanya telah menyuarakan pentingnya kerajaan menyediakan tenaga kerja yang mahir dan terlatih untuk memenuhi keperluan negara semasa dan yang akan datang. Kemahiran, pengetahuan dan kualiti pekerja-pekerja tempatan hendaklah dipertingkatkan secocok dengan hala tuju pembangunan industri berteraskan teknologi tinggi dan teknologi maklumat masa akan datang. Pada masa yang sama, ada yang mengingatkan bahawa pembangunan sumber manusia ini meliputi juga aspek-aspek keagamaan, kerohanian dan akhlak. Seterusnya tenaga kerja tempatan ini digemblengkan untuk mengurangkan penggantungan negara terhadap buruh asing.

Turut diketengahkan ialah pengiktirafan kepada tenaga kerja wanita dan sumbangan mereka di dalam sektor perindustrian negara. Langkah-langkah tertentu diseru diambil untuk mempertingkatkan perlindungan dan kebajikan kepada golongan pekerja wanita terutamanya terhadap diskriminasi dan gangguan seksual. Kedengaran juga ialah seruan supaya keselamatan dan kesihatan pekerja dipertingkatkan bagi mengurangkan insiden kemalangan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas perkara-perkara berhubung dengan tenaga buruh wanita yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan dan Parit, kerajaan sedar akan potensi tenaga buruh wanita meredakan tekanan kekurangan tenaga kerja kerana kajian menunjukkan sejumlah besar tenaga kerja

di luar tenaga buruh adalah terdiri daripada suri-suri rumah iaitu 2.45 juta orang. Oleh itu, berbagai usaha telah dijalankan untuk menggalak dan menarik lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh, misalnya menyeru sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak, menggalakkan majikan-majikan menyediakan asrama dan menubuhkan bahagian kaunseling khusus untuk pekerja-pekerja wanita dan menggalakkan konsep kerja homework, konsep kerja separa masa (part time) dan waktu kerja anjal (flexi-time). Kementerian Sumber Manusia berpendapat segala peluang harus diberikan kepada majikan-majikan di sektor swasta untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak secara sukarela melalui galakan termasuk menawarkan insentif pelepasan cukai.

Justeru itu, seruan Ahli Yang Berhormat dari Parit meminta Kementerian Sumber Manusia meminda Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 untuk mewajibkan majikan-majikan menubuhkan pusat-pusat berkenaan diambil maklum dan akan dipertimbangkan apabila perlu nanti. Sementara itu, kementerian ini telah menyediakan satu buku garis panduan untuk memberi maklumat dan panduan kepada para majikan yang berhasrat untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak. Buku tersebut menjelaskan dengan terperinci peraturan atau prosedur yang perlu dipatuhi sebagaimana yang telah ditetapkan oleh beberapa agensi kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah juga menyuarakan keresahannya mengenai diskriminasi terhadap pekerja-pekerja wanita dalam perkara-perkara berkaitan peluang pekerjaan, kenaikan pangkat, gaji yang tidak sama rata

termasuk kekurangan perundangan untuk menangani masalah gangguan seksual di kalangan golongan pekerja-pekerja ini.

Sukacita saya menjelaskan bahawa Dasar Buruh Negara menganjurkan prinsip kesaksamaan di antara pekerja lelaki dan wanita di dalam semua aspek mengenai perburuhan. Undang-undang perburuhan negara pula seperti Akta Pekerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak menjamin kesaksamaan itu dan pekerja-pekerja yang merasa mereka dieksploitasi boleh melaporkan ke Jabatan Buruh untuk tindakan yang sewajarnya.

Masalah gangguan seksual, walaupun dikendalikan di bawah Akta Kanun Keseksaan yang ditadbirkan oleh Polis Diraja Malaysia, turut mendapat perhatian serius Kementerian Sumber Manusia. Ini kerana masalah tersebut mengganggugugatkan keselamatan dan kebajikan pekerja dan boleh menggagalkan usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai wanita untuk bekerja. Sekiranya mangsa gangguan tampil ke muka, Jabatan Buruh akan menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada telah berlaku pelanggaran peruntukan di bawah Undang-undang Buruh di samping menasihatkan mangsa tersebut melaporkan perkara itu kepada pihak polis. Sekarang ini Jabatan Buruh sedang meninjau masalah berkenaan untuk menyusun tindakan menangani masalah itu secara lebih teratur dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tenaga kerja yang mahir dan terlatih untuk memenuhi keperluan negara semasa dan yang akan datang hendaklah

dipikul bersama antara kerajaan dan sektor swasta. Bagi pihak kerajaan, tanggungjawab ini dipikul bersama oleh beberapa kementerian dan agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Kementerian Sumber Manusia sudah membina dan akan terus membina beberapa pusat latihan perindustrian di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dalam hubungan ini, kementerian ini bercadang untuk membina enam buah institut latihan perindustrian dan tiga buah pusat latihan lanjutan dan kemahiran tinggi (Advanced Skills and Technology Training Centre - ASTEC) di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh termasuk sebuah Japan-Malaysia Technical Institute.

Sektor swasta pula telah disediakan galakan-galakan cukai untuk mendorong meningkatkan penglibatannya dalam program latihan teknikal dan vokasional. Di antara galakan-galakan cukai yang ada ialah:-

- (i) sumbangan wang tunai, mesin dan peralatan kepada institut latihan teknikal dan vokasional kerajaan dan separa kerajaan dibenarkan sebagai potongan cukai pendapatan.
- (ii) syarikat swasta yang menubuhkan institut latihan teknikal dan vokasional baru atau membuat pelaburan tambahan bagi maksud meningkatkan alat kelengkapan atau membesarkan keupayaan layak mendapat galakan elaun cukai pelaburan 100% selama 10 tahun; dan

- (iii) Institut latihan teknikal dan vokasional layak mendapatkan pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas bahan pendidikan, alat kelengkapan, mesin dan jentera yang digunakan.

Selain menyediakan infrastruktur untuk latihan perindustrian, Kementerian Sumber Manusia juga memperkenalkan kursus-kursus yang menjurus kepada keperluan perindustrian berteknologi tinggi masa akan datang. Dalam hubungan ini, kursus-kursus seperti Communications Technology, Computer-Aided Design, Computer-Aided Manufacturing dan Technology Managemant sudah pun diperkenalkan dan dijalankan. Dan untuk menangani era teknologi maklumat seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, kementerian ini sudah pun merancang kursus-kursus dalam bidang IT, misalnya Multimedia Development, Product Development and Industrial Design, Computer Maintenance dan Computer Interfacing and Signal Processing untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menegaskan bahawa pekerja-pekerja kita sekarang akan dibangunkan seiring dengan arus perkembangan perindustrian berteknologi tinggi melalui latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran. Ini kerana Kementerian Sumber Manusia melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia memperuntukkan geran latihan untuk latihan semula dan latihan peningkatan kemahiran kepada pekerja-pekerja sektor swasta. Dalam hubungan ini, semua kursus yang dijalankan oleh majikan bagi tujuan melatih semula,

meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekerja seperti kursus dalam bidang teknikal, kraf, kualiti, produktiviti, pengurusan, kursus motivasi yang diserapkan dengan nilai-nilai murni keagamaan, kecemerlangan bekerja dan sebagainya layak mendapat bantuan kewangan di bawah kumpulan wang berkenaan. Majikan hendaklah merebut peluang memberikan latihan dengan menggunakan kemudahan kumpulan wang tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mulai 1hb. Julai 1993 hingga 15hb Mac 1996 seramai 807,101 orang pekerja tempatan telah dilatih semula atau ditingkatkan kemahiran membabitkan geran latihan berjumlah RM164.03 juta. Dari jumlah itu RM16.32 juta yang melibatkan seramai 83,694 orang pekerja telah diluluskan untuk latihan dalam bidang komputer dan IT. Saya berharap dengan kenyataan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Arau, Sepang dan Alor Gajah akan yakin pekerja-pekerja tempatan kita sedang diberi latihan untuk dijadikan pekerja yang berkualiti, berpengetahuan dan mampu mengambil tempat-tempat yang akan dikosongkan oleh buruh asing apabila perindustrian kita beralih ke perindustrian berteknologi tinggi.

Mengulas kenyataan Yang Berhormat dari Parit mengenai kejadian pekerja tercedera atau maut semasa menjalankan tugas yang masih kedengaran, saya kira ini adalah ekoran daripada kejayaan strategi kementerian ini menggemblengkan kerjasama media massa bercetak dan elektronik untuk memberi liputan meluas kepada isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini telah mendatangkan impak yang positif serta kesedaran kepada rakyat umum

apabila kerap terlintas membaca atau terdengar berita berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, baik berita itu berbentuk makluman, tindakan-tindakan oleh agensi-agensi kerajaan ataupun kemalangan di tempat kerja.

Pada hakikatnya, insiden kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan telah menurun sejak tahun 1992, walaupun bilangan majikan dan pekerja semakin meningkat. Misalnya insiden kemalangan perusahaan di tempat kerja dalam tahun 1995 yang dilaporkan kepada PERKESO mencatatkan sebanyak 99,413 kes berbanding dengan 109,447 dalam tahun 1994, iaitu telah berkurangan sebanyak 10,034. Dalam tempoh itu bilangan majikan yang berdaftar telah meningkat sebanyak 32,774 dan pekerja seramai 474,212. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan PERKESO akan meneruskan usaha-usaha mengurangkan lagi insiden kemalangan perusahaan di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan di atas, saya percaya jawapan saya telah mencakupi semua perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan Ucapan Titah Di-Raja yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab di sini, kementerian ini memberi jaminan ianya telah diambil maklum dan diberi penelitian dan pertimbangan sewajarnya. Dengan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Jawah Anak Gerang: *[Bangun]*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:teguran membina kepada Kementerian Sumber Manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Lubok Antu bangun ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Okay. Sudah habis.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya berminat dengan banyak kes yang tidak diselesaikan iaitu kes-kes PERKESO yang terdapat 90,000 lebih kurang. Jadi, soalan saya di sini, yang paling lama sekali berapa lamakah kerajaan dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut? Sebagai seorang wakil rakyat, ramai pekerja-pekerja pembalakan telah berjumpa saya dan membawa kes-kes PERKESO dan SOCSO, jadi apakah usaha kerajaan sekarang supaya masalah pekerja pembalakan yang tidak dapat dikategorikan seperti contract worker dapat diatasi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi 99,000 kes itu ialah kes yang dilaporkan, bukan kes yang belum selesai. Hampir 90% kes-kes itu telah diselesaikan, tetapi ada kadangkadangkang terdapat kelewatan dalam menyelesaikannya. Ini seringkali adalah disebabkan dokumen-dokumen yang perlu disediakan itu lambat disediakan oleh pihak yang membuat tuntutan dan di antara dokumen-dokumen yang perlu

disediakan adalah laporan dari pihak majikan, laporan dari pihak hospital dan sebagainya.

Mengenai soal di Sabah yang terdapat buruh yang bekerja sebagai sub-kontraktor ini, piece rate basis itu, maka sukacita menyatakan, kita telah pun ada satu keputusan oleh Industrial Court di Kapit yang menyatakan pekerja-pekerja yang kononnya adalah pekerja kontrak, iaitu berdasarkan piece rate itu hendaklah dianggap sebagai pekerja kepada majikan, bermakna majikan itu terpaksa membayar sumbangan kepada PERKESO dan sebagainya.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Batang Lupar, bangun, ada apa Yang Berhormat?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada sedikit soalan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya sangka Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah dijawab ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri lain lagi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *[Mengangkat tangan, memberi signal].*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah ada signal, Yang Berhormat, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri - kedua-dua.

Soalan saya ini sama iaitu mengenai pekerja balak. Dalam kawasan saya industri yang terbesar ialah balak dan anak-anak dari kawasan saya adalah terlibat dengan pembalakan selain dari menangkap ikan. Jadi, pembalakan ini banyak risikonya, kadang-kadang hilang kaki, hilang kepala pun ada. Oleh itu, masalahnya, penapisan secara keputusan yang dibuat ialah semua dikehendaki daripada Kuala Lumpur, semua laporan yang diterima dihantar ke Kuala Lumpur.

Soalan saya tidak bolehkah pihak PERKESO mengadakan keputusan sedemikian di peringkat negeri juga supaya keputusan dapat dibuat dengan seberapa cepat, kalau keputusan detail tidak ada, dia sendiri boleh pergi berjumpa dengan majikan atau berjumpa dengan orang-orang yang terlibat, kerana kadang-kadang masalahnya Yang Berhormat, orang-orang yang terlibat dengan kerja pembalakan ini ialah anak-anak muda yang mungkin baru berumur di antara 17-29 tahun yang masih kuat, tetapi pada ketika yang sama anak-anak mereka masih kecil dan isteri-isteri mereka adalah orang yang illiterate daripada luar bandar, jadi soal hendak menyusul kepada pihak jabatan kerajaan memanglah lambat dan tidak tahu macam mana hendak buat pun, hendak jumpa wakil rakyat pun dia tidak tahu macam mana. Jadi, kelambatan pun berlarutan sentiasa while the same time orang ini consume berkehendakkan makanan dan kehidupan mereka juga. Oleh itu, isteri dan anak mereka tidak terjamin ataupun tidak terjaga oleh kerana bapanya mungkin sudah mati atau pun sudah tersadai di hospital. Dalam masa yang sama pihak PERKESO mengambil masa setahun ataupun lebih untuk mendapatkan keputusan, oleh kerana bukan salah PERKESO

sahaja, soalnya ialah oleh kerana detail yang di hantar ke Kuala Lumpur itu belum mencukupi. Bila belum mencukupi, belum ada keputusan dan pihak negeri belum dapat memberi jawapan kepada pihak yang terlibat. Soalan saya, kalau dapat dicentralisekan keputusan sedemikian, bila perkara itu dimajukan ke Kuala Lumpur perkara itu sudah cukup, tidak ada query lagi pun. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang sedang dibuat sekarang ini. Saya tidak pernah dengar ada kes sehingga setahun, hitung panjang average itu dalam 3 bulan kalau lewat sekali pun, tetapi banyak kes yang emergency itu dalam masa sebulan boleh diselesaikan, cuma di Sarawak ini yang ada kes mengenai pekerja kepada syarikat-syarikat balak kononnya itu bukan pekerja saya, itu adalah sub-kontraktor, piece rate. Jadi keputusan mahkamah atau Industrial Court itu adalah satu keputusan yang cukup penting, iaitu memberi perlindungan kepada orang-orang macam ini. Orang-orang itu sekarang ini under law dianggap sebagai pekerja kepada majikan itu, bermakna they should be covered, dengan izin, oleh PERKESO.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.20 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Heing Ding]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terim kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam

perbahasan Titah Diraja dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Parit Sulong, Senai, Maran, Dungun, Kota Bharu, Libaran, Sibuluan dan Beaufort telah menyentuh mengenai perkembangan teknologi maklumat menyeru kerajaan supaya mempertingkatkan lagi penggunaan teknologi maklumat ini kepada semua lapisan masyarakat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang berusaha memperluaskan penggunaan teknologi maklumat dalam berbagai urusan yang berkaitan selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi perkembangan teknologi maklumat.

Dalam mempertingkatkan perkembangan teknologi maklumat, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa peka untuk menyediaka infrastruktur yang secukupnya bagi menampung perkembangan teknologi supaya segala rancangan dibuat berjalan dengan lebih lancar. Bagi mencapai cita-cita ini, kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan wakil-wakil daripada sektor swasta. Ini adalah bertujuan untuk merancang dan menentukan arah tuju pembangunan teknologi berkenaan bagi membangun dan memperluaskannya kepada semua lapisan masyarakat. Usaha-usaha ini telah menghasilkan beberapa kejayaan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,....

Datuk Law Hieng Ding: Dalam hubungan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Menteri iaitu mengenai keanggotaan atau keahlian NITC. Bolehkah atau tidak dipertimbangkan bahawa keahlian NITC ini juga dibuka kepada new players in the IT industry. Umpamanya, macam KUB teknologi dan sebagainya.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, MIGHP.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tadi, Yang Berhormat Menteri mengatakan Majlis Teknologi Maklumat Negara.

Datuk Law Hieng Ding: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: NITC bukan? National Information Technology Council. Jadi, saya harap boleh atau tidak keanggotaan atau keahlian Majlis Teknologi Maklumat Negara ini dibukakan kepada new players dalam lapangan industri teknologi maklumat?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini adalah terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh kerana kesemua

ahli yang menganggotai Majlis Teknologi Maklumat Negara ini adalah dipilih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, pembangunan Internet di seluruh negara adalah dipertingkatkan. Jumlah pelanggan yang menggunakan perkhidmatan Internet sekarang semakin bertambah, meliputi agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi, pihak swasta dan orang perseorangan. Kadar pertambahan pelanggan Internet sekarang ialah 22% setiap bulan dan kadar pertumbuhan ini merupakan salah satu yang tertinggi di rantau ini.

Setakat ini sejumlah 197 bilangan agensi-agensi kerajaan yang telah menggunakan perkhidmatan Jaring Internet. Perkembangan Internet ini juga telah diperluaskan lagi kepada sektor swasta dan sektor awam. Dalam pada itu, kerajaan memandang serius.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tentulah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Parlimen pun bukan dalam Internet. Bukankah ini satu benda yang boleh diketawakan, khasnya kalau kita mahu serius untuk menggalakkan penyertaan Malaysia dalam teknologi maklumat bahawa Parlimen patut menjadi satu teladan, adakah kementerian yang berkenaan akan menggalakkan memberi semua bantuan supaya Parlimen boleh naik ke Internet?

Datuk Law Hieng Ding: Terim kasih, Yang Berhormat. Ini memang jadi satu dasar kerajaan untuk memperluaskan penggunaan Internet yang sedia ada ini. Saya sendiri pun telah menulis surat kepada semua kementerian dan juga kerajaan negeri untuk memperkenalkan perkhidmatan Internet ini. Surat itu telah disambut baik oleh kerajaan-kerajaan negeri dan kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya haraplah kalau pentadbiran Parlimen ada minat mengadakan Internet ini, memang kementerian saya melalui MIMOS akan bersedia untuk membantu menubuhnya.

Tuan Lim Kit Siang: Apa jawapan daripada Parlimen atau pentadbiran Parlimen?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, di Parlimen saya belum menulis surat. Saya akan menulis sepucuk surat kepada Parlimen. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, kerajaan memandang serius berhubung dengan kesesakan talian Internet. Untuk mengatasi masalah ini, kerajaan sedang meningkatkan keupayaan rangkaian tulang belakang Jaring Internet di Malaysia. Berasaskan keperluan semasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui MIMOS sedang dalam proses menambahkan node-node untuk talian Integrated Services Digital Network (ISDN) dan talian litar sua atau 'lift flying'. Lebih kurang 100 node baru akan dipasang di seluruh negara.

Dalam hubungan ini, kerajaan juga akan memperluaskan Internet....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sekarang ada backlogs yang sangat serius. Ada pemohon-pemohon yang komplek bahawa mereka mahu tunggu satu bulan, dua bulan, lebih daripada dua bulan sebelum permohonan mereka boleh diproses. Dan dalam suratkhbar ada 'Letters' yang kata mereka begitu frustrated sehingga mereka menyertai Singnet, sungguhpun panggilan jauh sangat mahal. Apakah tindakan diambil supaya backlogs ini tidak berlaku bahawa sesiapa yang mahu menjadi pelanggan Jaring boleh semacam dahulu seterusnya dapat access kepada Internet untuk menggalakkan peratus rakyat dalam Internet?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan atau MIMOS memang menyedari masalah ini dan Kabinet pun telah berbincang perkara ini, dan tindakan telah diambil untuk bekerjasama di antara MIMOS dan Telekom untuk mengatasi masalah ini. Masalah ini timbul oleh kerana ada perkara tertentu seperti alat-alat yang dibeli oleh MIMOS belum sampai. Saya harap dengan ketibaan alat-alat ini dan memasangnya kemudian, masalah ini akan diselesaikan dalam empat bulan lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan Telekom yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Di bulan November tahun lalu, pihak MIMOS ada berkata bahawa pada bulan Mac sekurang-kurangnya akan

memasang 1,600 talian. Tetapi, baru-baru ini saya ada check menunjukkan bahawa talian yang telah digunakan ialah dialing lines, hanya tak sampai atau dekat 1,000, kenapa shortfall daripada sasaran ini bahawa dalam bulan Mac akan mengadakan 1,600 dialing lines.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya munasabah sedikitlah dan beri dia masa sedikit supaya mereka berusaha untuk mengatasi atau mencari jalan untuk mengatasi masalah yang timbul sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan munasabah atau tidak munasabah tetapi lebih daripada itu kalau kita mahu menggalakkan lebih ramai rakyat untuk menyertai NETT. Adakah satu keputusan muktamad dibuat bagaimana satu pakej khas akan diberi oleh Telekom kepada semua pengguna-pengguna Internet supaya penambahan kadar telefon yang akan dikenakan bermula 1hb. Jun, tidak digunakan terhadap pengguna-pengguna Internet, oleh kerana kalau mahu berbuat demikian, tentulah ramai rakyat Malaysia tak mampu untuk menggunakan Internet dan akan menimbulkan satu jurang yang terbaru antara information poor dan information rich dan ini sudah tentulah bukan merupakan hasrat kita?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelanggan-pelanggan Internet ini sehingga kini telah bertambah besar dan sehingga sekarang seramai 25,000 orang atau syarikat telah menjadi pelanggan kepada Internet dan juga masalahnya ialah talian ini saya harap perkara ini akan dikaji dengan teliti

oleh pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Baru sahaja kita telah mengadakan beberapa perbincangan di antara kedua-dua kementerian atau agensi dan juga dengan tawarannya Jaring Service Provider ini, MIMOS telah memilih lapan syarikat yang akan menjalankan Jaring Service Provider (JSP), dengan adanya tambahan JSP ini, saya harap masalah yang sedang dihadapi sekarang ini akan dapat diselesaikan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya, Yang Berhormat Menteri, salah faham soalan saya, tadi saya bertanya mengenai telephone charge yang baru, yang akan dikenakan pada 1hb. Jun - timebase dan ada jaminan bahawa untuk Internet user, pengguna-pengguna Internet ada satu pakej yang baharu khas untuk mereka supaya timebase charge yang akan dikenakan untuk semua penggunaan telefon tidak akan digunakan untuk perkiraan Internet dan sama ada pakej ini sudah dibuat dan apakah pakej khas yang akan digunakan?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Ini memang dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan pengguna Internet ini, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang menyediakan satu tarif yang baru untuk penggunaan panggilan telefon dan juga di Internet dan satu pakej yang akan disampaikan kepada Kabinet untuk ditimbang dan berapa tarifnya, saya minta maaf kerana belum diketahui oleh saya sekarang. Terima kasih Yang Berhormat!

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung jawapan saya tadi, kerajaan juga akan memperluaskan Internet supaya kawasan luar bandar juga akan mendapat perkhidmatan berkenaan. Berhubung dengan isu gejala maklumat yang kurang sihat, kerajaan memang sedar gejala ini akan merosakkan akhlak pengguna-pengguna Internet di tanah air. Walaupun kerajaan menghadapi kesukaran untuk membasmikan gejala-gejala maklumat yang kurang sihat ini, usaha-usaha tetap diteruskan bagi menentukan agar maklumat-maklumat berkenaan dapat dibendung setakat yang boleh.

Kerajaan juga sentiasa mengambil sikap yang berhati-hati apabila membenarkan sesuatu maklumat itu disalurkan melalui Internet bagi memastikan bahawa perkara-perkara berhubung dengan keselamatan negara terjamin dan kesan-kesan negatifnya dapat dihindarkan.

Usaha kerajaan berikutnya untuk mempertingkatkan lagi pembangunan teknologi maklumat ialah dengan memperkenalkan projek Multimedia Super Corridor (MSC). Peringkat permulaan MSC ini akan dilaksanakan di kawasan seluas 15 kilometer hingga 40 kilometer yang meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan Putrajaya. Kewujudan MSC ini, akan menjadikan landasan kepada kewujudan MSC keseluruh negara secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat permulaan, MSC dijangka menarik minat pelabur-pelabur bertaraf dunia untuk menggunakan Malaysia sebagai multimedia help.

Proses ini akan membolehkan syarikat-syarikat tempatan bekerjasama dengan pelabur asing untuk menghasilkan produk-produk multimedia di kawasan industri. Dalam membangunkan MSC ini, pihak kerajaan akan memastikan supaya adanya rancangan pemindahan dan penyerapan teknologi yang mantap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Ipoh Timur dan Maran

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong bangun Yang Berhormat.

Datuk Law Hieng Ding: Ya, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat beralih kepada tajuk Internet. Oleh kerana Yang Berhormat kata bahawa hasrat kerajaan ialah untuk mewujudkan satu masyarakat ITD trade dan menggalakkan rakyat Malaysia menyertai Internet, adakah Yang Berhormat Menteri angka-angka berapa Ahli-ahli Parlimen ada dalam NETT dan kalau bilangannya kecil, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan satu program untuk menggalakkan lebih ramai Ahli Parlimen menyertai NETT supaya mereka boleh menjadi role model kepada semua rakyat mengenai betapa pentingnya kita semua menjadi ITD trade untuk masa depan?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan ini adalah baik, ini terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada minat yang menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat memang berminat untuk mengadakan sesi ini, kita boleh menerimanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Ipoh Timur dan Maran yang begitu prihatin terhadap perkembangan teknologi angkasa lepas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembangunan teknologi angkasa lepas sedang diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Bahagian Kajian Sains Angkasa (BAKSA).

Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil dan mempunyai sumber dan jumlah tenaga kepakaran yang terhad, penglibatan Malaysia dalam bidang ini haruslah dibuat secara penuh berhati-hati untuk memperolehi faedah yang berpanjangan.

Di antara langkah-langkah permulaan, kerajaan sedang merancang untuk melancarkan micro satellite pada tahun 1997/1998. Ini akan memberi peluang kepada negara untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi bidang sains angkasa lepas. Projek ini akan memberi peluang kepada negara untuk memperolehi keupayaan dalam teknologi satelit.

Selain daripada itu, langkah-langkah jangka panjang yang sedang diambil ialah:

- (i) Melancarkan program kesedaran bagi menarik minat semua lapisan masyarakat termasuklah pihak swasta dan menerangkan betapa pentingnya teknologi angkasa lepas dalam pembangunan perindustrian negara.

- (ii) Membangun dan meningkatkan sumber tenaga manusia dalam bidang teknologi angkasa lepas.
- (iii) Mewujudkan talian perhubungan yang strategik dengan agensi-agensi luar negeri yang berkenaan di negara-negara maju dan negara-negara yang sedang membangun untuk memudahkan pemindahan teknologi; dan
- (iv) Mengadakan perancangan yang strategik terhadap program sains angkasa negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Yan, Ipoh Timor, Tanjong, Alor Gajah, Parit dan Kuala Pilah di atas sokongan dan cadangan supaya kerajaan mengkaji dan memperketatkan penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan alam sekitar. Dalam menangani isu alam sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Penubuhan Akta ini adalah untuk memastikan kualiti alam sekeliling tetap terjamin dan terpelihara daripada kemusnahan akibat daripada pembangunan negara yang pesat.

Berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang lepas, berhubung dengan masalah-masalah pencemaran dan juga masalah-masalah yang berkaitan dengannya, kementerian sedang menggubal Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Ini adalah untuk memperketat dan memperkemaskan lagi unsur-unsur perundangan dan peraturan-peraturan yang terkandung pada akta berkenaan.

Perkara ini akan saya sampaikan secara lebih lanjutnya semasa pembentangan bil yang berkenaan di Parlimen nanti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada umumnya masalah pencemaran alam sekitar di negara ini masih terkawal. Sungguhpun begitu, kerajaan berpendapat bahawa masih ada ruang untuk mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan dan pengawalan alam sekitar. Oleh itu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus melipatgandakan usaha-usaha dengan pihak-pihak berkenaan bagi menjaga dan mengawal pencemaran alam sekitar selaras dengan pembangunan ekonomi negara yang pesat. Walau bagaimanapun, undang-undang yang akan diluluskan oleh kerajaan hanya akan berjaya dilaksanakan apabila setiap lapisan masyarakat memainkan peranan mereka sepenuhnya untuk membendung masalah pencemaran yang berkaitan dengannya.

Dalam hubungan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas sokongan yang telah diberikan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Dalam pada itu, kerajaan juga amat berpuas hati dengan kesedaran dan penglibatan orang-orang awam yang semakin meningkat mengenai isu-isu alam sekitar. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan sentiasa mempertingkat dan memperluaskan program-program dan kempen-kempen kesedaran kepada semua lapisan masyarakat untuk memastikan masalah persekitaran negara adalah terkawal dan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekiranya pandangan, teguran dan cadangan yang membina dan sangat berguna dari Ahli-ahli Yang Berhormat tidak disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Belia dan Sukan.

6.46 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan kementerian saya menjawab lebih awal lagi oleh sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan ucapan terima kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah memberi perhatian dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam sesi Dewan Rakyat kali ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor telah memberi sokongan terhadap Program Institusi Keluarga Jaya Waris sebagai satu langkah yang positif oleh Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri untuk membantu menangani permasalahan belia. Dalam hubungan yang sama, beliau telah meminta supaya

program Rakan Muda diperluaskan kepada semua pertubuhan belia. Beliau juga menggesa supaya kementerian ini bekerjasama dengan pertubuhan induk belia untuk mencari penyelesaian terhadap masalah pertubuhan belia di peringkat cawangan yang tidak aktif.

Pertalian Kementerian Belia dan Sukan dengan pertubuhan belia dan organisasi bukan kerajaan adalah satu hubungan yang simbiotik, iaitu saling bantu-membantu dan saling perlu-memerlukan. Kementerian Belia dan Sukan bergantung kepada sokongan dan sumbangan tenaga dan kepakaran organisasi bukan kerajaan (NGO) serta pertubuhan-pertubuhan belia dalam pelaksanaan program-program kementerian termasuklah Program Rakan Muda. Strategi mobilisasi sosial yang diatitkan oleh kementerian adalah dengan cara melibatkan seramai mungkin pertubuhan-pertubuhan belia dan NGO untuk membantu pelaksanaan serta menjamin kejayaan setiap programnya. Dalam masa yang sama adalah diharapkan dengan penglibatan NGO ini dan dibantu dengan sedikit sumber kewangan dan kepimpinan kerajaan, pertubuhan yang kurang aktif akan dirangsangkan. Kementerian ini menyediakan peruntukan untuk membangunkan program pertubuhan belia di seluruh negara, tetapi pengagihan peruntukan ini juga bergantung ke atas kesungguhan dan kesanggupan pertubuhan-pertubuhan belia untuk mengambil usaha mengemukakan cadangan program yang kukuh dan yang selaras dengan agenda kementerian.

Kementerian Belia dan Sukan akan terus menyambung usaha menggalakkan pertubuhan-pertubuhan belia. Bagi tahun 1996, kementerian telah

memperuntukkan sejumlah RM11.5 juta di bawah Program Pembangunan Belia untuk membangunkan pertubuhan-pertubuhan belia. Program Rakan Muda akan terus disemarakkan dengan beberapa pendekatan baru.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah memberi pendapat bahawa kelemahan pimpinan belia di peringkat akar umbi adalah punca program kerajaan seperti Program Rakan Muda tidak mencapai matlamat seperti yang kita sama-sama harapkan.

Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah kepimpinan belia, kementerian telah mengatitkan Program Perdana Kepimpinan Belia untuk melatih para belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Program ini secara langsung akan dapat mengatasi masalah kelesuan pergerakan belia. Bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian akan melatih seramai 500,000 orang belia dalam bidang kepimpinan terdiri daripada belia lepasan sekolah, pemimpin-pemimpin badan bukan kerajaan, institut pengajian tinggi, pekerja muda dan wanita. Melalui program ini adalah diharapkan kebolehan pemimpin persatuan dan pertubuhan belia yang sedia ada akan dapat diserlahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru juga meminta dikaji sama ada semangat Rakan Muda dapat benar-benar menyemarak di hati sanubari golongan muda. Program Rakan Muda bertujuan membina warga negara yang bakal mendokong Wawasan 2020. Ke arah itu, kementerian ini akan meneruskan usaha membawa perubahan sosial yang diinginkan, akan tetapi proses ini adalah bersifat jangka panjang dan berterusan. Bergantung kepada

keadaan semasa, ianya akan ditokok tambah dan diperkuatkan dengan program-program yang lebih bersifat keilmuan, falsafah, keagamaan dan kemasyarakatan dari semasa ke semasa.

Cadangan Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya kementerian membekalkan kepakaran berkaitan dengan information technology, electronic publishing dan telecommunications dalam program latihan kemahiran belia akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan tentang betapa pentingnya sumber belia yang berkualiti dan perlunya program yang diatur dengan baik untuk mengatasi masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Marang menyeru supaya kerajaan mengatur Program Rakan Muda dengan baik untuk mengatasi masalah penggunaan dadah. Kementerian amat menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian ini akan terus memberikan perhatian ke arah melahirkan belia yang istimewa. Fokus sasaran akan juga ditumpukan kepada golongan belia yang memerlukan perhatian khusus seperti kes-kes bohsia, dadah dan lain-lain. Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian tidak perlu bimbang mengenai pelaksanaan Program Rakan Muda. Kementerian ini akan mengadakan pengawasan rapi dan sentiasa berhati-hati untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti agar tidak bertentangan dengan perilaku yang tidak sesuai.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Beaufort supaya kerajaan membina sebuah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Sabah, sukacita

saya memaklumkan bahawa kementerian ini sememangnya telah memperakukan pembinaan institut ini di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ke-7. Rundingan tentang penyediaan tapak untuk institut ini sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah sekali lagi membangkitkan mengenai Projek Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil dan mendakwa bahawa pertambahan kos projek adalah berbangkit daripada pembaziran. Sebab-sebab pertambahan kos projek ini telah pun beberapa kali dijelaskan di dalam Dewan ini iaitu pertambahan kos bukanlah disebabkan oleh kenaikan harga ataupun pembaziran tetapi berbangkit daripada perluasan skop projek seperti berikut:

- (i) menghubungkan keseluruhan kompleks renang untuk menjadikan sebuah kemudahan “all-weather”;
- (ii) meluaskan arena stadium tertutup supaya ianya benar-benar menjadi satu kemudahan pelbagai guna serta menambah bilangan tempat duduk daripada 13,000 ke 16,000. Dengan perluasan arena tersebut maka footprint serta floor areanya telah bertambah dan secara langsung telah menaikkan kos;
- (iii) membina sebuah lagi dewan latihan di sebelah stadium tertutup untuk menampung fleksibiliti stadium tertutup sebagai sebuah kemudahan pelbagai guna;

- (iv) kerusi di stadium utama ditukarkan daripada jenis 'pan' kepada jenis 'tip-up' supaya lebih secocok dengan kedudukannya sebagai stadium nasional negara kita ini;
- (v) menaik taraf dan mempertingkatkan kemudahan telekomunikasi di stadium utama; dan
- (vi) sebahagian daripada amaun kenaikan kos tersebut adalah bagi menampung perbelanjaan external infrastructure yang telah tidak diambil kira dalam kos projek asal kerana ketiadaan maklumat secukupnya pada masa ianya dirundingkan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan kos akibat perluasan skop projek ini tidaklah begitu besar. Struktur kos projek Kompleks Sukan Negara adalah:

(a) Kos projek asal	- RM 554,535,000
(b) External infrastructure	- RM 41,116,000
(c) Tambahan kos akibat perluasan skop	- RM 125,364,000.

Maka, pertambahan kos tersebut hanya RM125 juta sahaja iaitu 22.6% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta...

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Sipitang bangun ya, hendak beri?

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kemudahan stadium ataupun kemudahan kompleks sukan yang begitu besar, tetapi masalah di daerah adalah belia-belia ini tidak ada tempat untuk membuat aktiviti mereka dari segi kemudahan, contohnya, tempat bermain dan juga tempat latihan dalaman. Apakah kementerian telah mengkaji bahawa keperluan tempat mereka membuat latihan atau bermain ini memang perlu di daerah-daerah terutama sekali di daerah-daerah yang belum ada kemudahan yang dibuat oleh mana-mana pihak. Jadi, adakah kementerian bercadang atau apa kedudukan sekarang ini? Adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu mini stadium yang ada padang ataupun tempat kemudahan bermain ataupun satu tempat mini gimnasium atau tempat permainan dalaman di setiap daerah untuk belia-belia supaya mereka ini dapat dihimpun dan dapat dilatih secara berkelompok? Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa kekurangan kemudahan-kemudahan sukan untuk belia-belia di peringkat akar umbi iaitu peringkat daerah di seluruh negara. Oleh kerana ini adalah satu masalah yang accumulative dari masa kemerdekaan, jadi ini akan memakan perbelanjaan yang besar sekali. Jadi, kalau kita hendak menyelesaikan masalah ini dengan membekalkan kemudahan-kemudahan yang cukup di seluruh negara, ini tidak akan dicapai dengan mudah.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan sedang menjalankan satu kajian yang menyeluruh di seluruh negara yang mana pakar-pakar daripada

Universiti Pertanian Malaysia akan diberikan tugas yang akan memakan perbelanjaan sebanyak RM800,000 untuk menjalankan satu kajian yang menyeluruh di seluruh negara menyiasat kemudahan-kemudahan yang sedia ada di semua peringkat daerah termasuk tahap dan keadaan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang ini. Dengan laporan ini, barulah Kementerian Belia dan Sukan boleh mengeluarkan satu rancangan induk, yang mana Kementerian Belia dan Sukan akan mengeluarkan satu strategi, dan dengan strategi ini Kementerian Belia dan Sukan akan dapat merancang tempoh berapa tahun kementerian akan membina kemudahan-kemudahan di peringkat daerah. Ini akan memakan masa yang panjang.

Oleh kerana Kementerian Belia dan Sukan ingin memastikan bahawa rancangan ini adalah rancangan yang terbaik sekali sejak kemerdekaan, seperti rancangan 'golden plan' yang kita dapat dengar di Jerman yang mana mereka menjalankan 'golden plan' ini selama 30 tahun, sekarang ini satu pertiga seluruh rakyat di Jerman ada melibatkan diri dengan sesuatu sukan. Ini adalah satu tahap yang kita ingin capai. Sekarang ini nampaknya kerajaan membelanjakan peruntukan yang begitu besar untuk membina Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil kerana kita adalah tuan rumah untuk Sukan Komanwel. Itulah satu kerja yang kita kena buat dengan cepat supaya kita dapat menjadi tuan rumah yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan Dewan yang mulia ini

dan juga yang telah memberi cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan cadangan ini akan diambil perhatian oleh kementerian ini dalam perancangan dan pelaksanaan program untuk pembangunan di dalam bidang belia dan sukan negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertahanan semasa berucap membahaskan Titah Ucapan Di-Raja di Dewan yang mulia ini.

Ucapan-ucapan Yang Berhormat dari Libaran, Yang Berhormat dari Beaufort, Yang Berhormat dari Tuaran, Yang Berhormat dari Hulu Langat, Yang Berhormat dari Sipitang mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan adalah menunjukkan keprihatinan mereka mengenai masalah keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Libaran dan Tuaran berhubung dengan pembinaan naval base, dengan izin, di Semporna dan di kawasan Kudat, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan setakat ini tidak mempunyai rancangan untuk membina pangkalan TLDM di kawasan-kawasan tersebut. Ini adalah disebabkan TLDM telah pun mempunyai pangkalan yang baru di Sandakan. Kementerian ini percaya bahawa

pangkalan hadapan ini mampu berperanan mengawal perairan yang dipertanggungjawabkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini terdapat dua pangkalan hadapan TLDM di Timur Sabah iaitu di Sandakan dan di Tawau. KEMENTAH berpendapat bahawa kedua-dua pangkalan tersebut adalah mencukupi untuk menjalankan operasi TLDM di perairan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Tuaran juga supaya dibina pangkalan TUDM di kawasan Semporna, Kementerian Pertahanan belum ada rancangan untuk membina pangkalan TUDM yang baru di kawasan tersebut.

Bantuan pertahanan udara untuk menangani keselamatan perairan akan terus diberikan oleh TUDM. TUDM akan memberikan perkhidmatan bantuan udara untuk mengawasi kawasan perairan Semporna. Sebenarnya, masalah yang dihadapi sekarang boleh ditangani oleh pihak-pihak yang terbabit. Walau bagaimanapun, pada masa ini, pihak TUDM akan terus membantu dalam pengawasan dari udara kawasan perairan Sabah dan Sarawak. Pengawasan tersebut akan dilakukan oleh pesawat maritim yang beroperasi dari pangkalan-pangkalan yang sedia ada di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, pesawat-pesawat angkut helikopter TUDM yang berpangkalan di Labuan akan memberi bantuan sekiranya diperlukan.

Tuan yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Beaufort supaya ditingkatkan kawalan keselamatan di perairan Sabah, khususnya di Pantai

Timur negeri Sabah adalah satu cadangan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini memang telah dilaksanakan. Di pangkalan hadapan Sandakan, TLDM mempunyai beberapa buah kapal yang sentiasa bergerak dan meronda perairan tersebut. Rondaan akan dipertingkatkan pada bila-bila masa bila diperlukan dan apabila mempunyai maklumat perisikan pertahanan dari agensi kerajaan yang lain, kita akan membantu.

Akhir-akhir ini pula, anggota Tentera Darat telah ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu bagi membantu pasukan polis mengawal keselamatan. Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengadakan perbincangan dan kerjasama bagi menentukan keselamatan negara sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sipitang telah mencadangkan supaya pihak TLDM menggunakan bot peronda bersenjata moden. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapal-kapal TLDM telah pun dilengkapi dengan kelengkapan persenjataan yang sewajarnya. Sebagai contoh, skuadran kapal pembinasa laju ke-6 yang bersenjatakan meriam dan skuadran kapal peronda yang ke-13 yang ditugaskan ke beberapa tempat di perairan Sabah dan Sarawak pada bulan Ogos 1995 lagi seperti beberapa buah kapal yang lain dilengkapi dengan peralatan, dengan izin, fast attack craft- gun. Kementerian ini percaya kapal-kapal peronda TLDM yang dilengkapi dengan kelengkapan yang sedia ada itu mampu menangani masalah keselamatan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Hulu Langat telah membangkitkan.....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sipitang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta penjelasan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas usaha Kementerian Pertahanan untuk meningkatkan tahap keselamatan di Pantai Timur Sabah. Tetapi, apakah jaminan kementerian dari segi rondaan ini kerana frekuensi rondaan ini saya dapati begitu jarang, mungkin sehari sekali dan dalam jangka masa itu oleh kerana pantai ini panjang, apabila rondaan sekali, mungkin selepas Angkatan Tentera itu meronda, mereka polos masuk ke negeri Sabah?

Saya minta jaminan, kalau boleh rondaan ini dibuat secara lebih frekuensi ataupun frekuensinya lebih kerap. Dan juga apakah jaminan bahawa kapal-kapal yang meronda ini membuat pemeriksaan kepada bot-bot yang dicurigai kerana pengalaman saya, kita mengucapkan terima kasih atas usaha mereka. Mereka ini datang berjalan sahaja, berlepas tanpa mengindahkan yang ada di sekeliling mereka. Mungkin bot-bot yang ada di sekeliling itu, mereka inilah yang menjadi lanun ataupun yang membawa bahan-bahan berbahaya.

Kalau boleh, saya memohon bahawa peronda ini bukan sahaja meronda, tetapi dia memeriksa ataupun mengejar mereka yang disyaki pendatang ini. Kerana kalau tidak diperiksa, dia kata kalau kapal tentera lalu, dia tidak kacau kita, jadi tidak menjadi masalah. Lalu sahaja tanpa membuat pemeriksaan. Jadi,

saya minta jaminan daripada kementerian bahawa pemeriksaan dan frekuensi ini diperkerapkan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tentang rondaan ini, bukan sahaja kita hendak mempertingkatkan jumlah rondaan yang diadakan di perairan Sandakan, Semporna dan sekitarnya, malah kita juga sedang berusaha untuk mendapatkan kapal-kapal baru yang lebih laju dan lebih kuat dari segi persenjataannya untuk membantu kita mengatasi masalah tersebut yang berlaku di sekitar Timur Sabah.

Juga tentang kita meronda dan kita memeriksa kapal-kapal yang ada di sana, itu pun kalau ada apa-apa yang kita mengesyaki sesuatu, kita akan membuat pemeriksaan untuk memastikan mereka tidak ada lain-lain tujuan jahat terhadap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Hulu Langat telah membangkitkan mengenai penggunaan....

Tuan Jawah Anak Gerang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Lubok Antu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya menambah sedikit berkenaan dengan rondaan. Tadi telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kerajaan mempunyai fast attack craft. Walaupun kerajaan mempunyai crafts yang laju, tetapi kadangkala saya dengar lanun ini tidak dapat dikejar oleh sebab ada maklumat-maklumat yang kita tidak ketahui.

Kadangkala saya dengar - sama ada betul atau tidak, maklumat dalaman bocor, ada orang dalam yang memberi maklumat atau leaking information, dengan izin. Ini bagaimana? Pukul berapa hendak kejar? Suruh dia lari dahulu. Orang dalam ini memang tidak dapat dikejar walaupun fast attack craft ada, ini kena jaga selain daripada rondaan dan pemeriksaan, kita juga hendak kawal maklumat dalaman. Mungkinkah ada?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat tadi tentang ingin juga kita mengawasi orang-orang dalaman kita ini yang mungkin menjadi pertualang dalam memberi maklumat-maklumat rahsia kepada pihak tertentu. Insya Allah, perhatian Yang Berhormat itu akan kita ambil berat dan kita sampaikan kepada pihak pemerintah yang berada di pangkalan-pangkalan hadapan di sebelah Timur Sabah.

Tuan Md. Isa bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan tambahan kerana kalau kita perhatikan Sabah dengan Perlis lebih kurang mempunyai sifat-sifat yang sama iaitu bersempadan dengan negara jiran dan mempunyai sempadan antarabangsa di mana pulau merupakan satu tempat persembunyian penyeludup dan juga lanun. Jadi, kalau kita kejar di sebelah Malaysia, dan dia masuk di sebelah negara jiran seperti Thailand, Indonesia ataupun Philippines, sepanjang yang saya dapat faham bahawa di sekeliling Sabah, didapati kira-kira 153 buah pulau.

Adakah pihak kementerian Yang Berhormat telah pun mengenal pasti pulau-pulau berkenaan kepunyaan kita ataupun kepunyaan negara jiran? Kalau dapat kenal pasti pulau-pulau kita, apakah strategi kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjamin bahawa di pulau-pulau berkenaan tidak menjadi tempat persembunyian lanun dan juga penyeludup-penyeludup kerana di Sabah kita dapati lanun mudah masuk daripada negara jiran dan dapat lari dengan cepat melalui palm boat sahaja?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pulau-pulau yang dipertikaikan di kawasan Asia Tenggara ini ialah Kepulauan Spratly. Yang lain tidak ada pertikaian. Mana-mana pulau yang dipunyai oleh kita, pihak tentera kita dan pihak Polis Marin sentiasa membuat rondaan dan melawat dari semasa ke semasa untuk memastikan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak berlaku. Insya-Allah, kita akan memastikan setelah mendapat lebih alat-alat maritim, lebih banyak kapal-kapal ronda yang lebih laju daripada yang dipunyai oleh pihak lanun dan sebagainya, kita akan membuat rondaan dan pemeriksaan yang lebih banyak lagi agar kawasan kita akan sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Hulu Langat telah membangkitkan mengenai penggunaan pesawat Nuri yang dikatakan telah tidak selamat digunakan. Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan helikopter Nuri masih dapat memenuhi keperluan tugas-tugas operasi dengan berkesan sejajar dengan peranannya sebagai pesawat angkut, mencari dan menyelamatkan, search and

rescue, dengan izin. Walaupun usianya telah melebihi 20 tahun, dokongan lojistik termasuk alat gantinya masih dapat disediakan.

Dari segi penyelenggaraan pesawat, TUDM dan industri aerospace tempatan mempunyai tenaga manusia yang berpengalaman untuk terus mendokongnya. Helikopter Nuri seperti pesawat-pesawat yang lain perlu menjalani berbagai pemeriksaan berjadual sebelum ianya disahkan layak untuk penerbangan. Kerosakan yang dialami semasa penerbangan adalah kejadian yang boleh berlaku kepada mana-mana pesawat dan merupakan satu risiko pesawat yang tidak dapat dijangkakan. Untuk mengurangkan risiko akibat kerosakan pesawat, juruterbang dan anak-anak kapal helikopter Nuri sentiasa diberi latihan supaya kecekapan dalam pelaksanaan tugas dan pengendalian kecemasan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan atas beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Sekiranya ada isu-isu lain yang tidak sempat saya jawab atau dijelaskan pada hari ini, kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

7.14 mlm.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang

Berhormat dari kawasan Seri Aman, Bintulu, Sibuluan, Tuaran, Bandau, Beaufort, Gelang Patah dan Kelang yang telah membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan infrastruktur di kawasan luar bandar. Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedar bahawa banyak lagi kawasan-kawasan di luar bandar terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak yang belum menikmati pembangunan infrastruktur secukupnya.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memajukan kawasan luar bandar di seluruh negara dengan memberikan tumpuan yang khusus kepada negeri-negeri yang lebih mundur tetapi sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, negeri Sabah dan Sarawak adalah begitu besar dan penempatan yang berselerak serta terpencil menyebabkan kos pelaksanaan infrastruktur menjadi begitu tinggi. Dengan demikian, walaupun peruntukan yang besar yang telah diberikan terutamanya kepada negeri Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung Malaysia, namun ianya masih lagi tidak mencukupi bagi menampung segala permintaan yang ada.

Sebagai contoh, dalam tahun 1996 sahaja, Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperuntukkan RM90 juta bagi bekalan elektrik luar bandar bagi Sabah dan Sarawak berbanding dengan hanya RM9 juta disediakan untuk seluruh negeri-negeri di Semenanjung. Ini bermakna 10 kali ganda peruntukan lebih tinggi diberikan kepada kedua-dua negeri berkenaan dan kerajaan akan terus mengamalkan pendirian memberikan prioriti yang seperti ini kepada negeri Sabah dan Sarawak sehingga jurang perbezaan di antara kedua-dua negeri ini dengan

Semenanjung dapat dikurangkan. Dengan peruntukan yang terhad itu, kementerian dengan perakuan daripada kerajaan-kerajaan negeri terpaksa menentukan kawasan-kawasan yang perlu didahulukan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat dengan kerjasama kerajaan negeri akan sentiasa mencuba untuk memenuhi keperluan setiap kawasan luar bandar di negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari kawasan Seri Aman serta beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain mencadangkan supaya dikaji semula program-program pembangunan luar bandar dalam pelaksanaannya di masa akan datang. Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kementerian telah pun siap membuat kajian tentang skop, kaedah dan cara-cara pelaksanaan program-program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada akhir tahun 1994, saya telah mengemukakan kepada Jemaah Menteri pendekatan dan strategi baru pembangunan luar bandar dalam negara kita untuk dipakai bagi Rancangan Malaysia Ketujuh. Insyallah, sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan bermula tidak berapa lama lagi akan berdasarkan kepada pendekatan berteraskan falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar yang telah digubal itu.

Antaranya pendekatan-pendekatan ini akan memperbaiki mekanisme pelaksanaan untuk meningkatkan keberkesannya. Pendekatan-pendekatan tertentu juga diperkenalkan bagi mempercepatkan penyediaan termasuk kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar. Misalnya bagi bekalan elektrik luar bandar di kawasan-kawasan pedalaman yang penyambungan

berdasarkan talian grid tidak dapat disempurnakan kerana kedudukan yang jauh serta kos yang terlalu tinggi, kementerian telah pun mula memperkenalkan sistem alternatif bekalan elektrik luar bandar seperti penggunaan generator, cahaya suria, mini hidro dan juga sistem hybrid yang direka khusus mengikut kesesuaian tempat-tempat yang berkenaan. Di mana sesuai juga, kampung-kampung kecil yang terpencil akan disusun semula bagi memudahkan dan mengurangkan kos penyampaian pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua, saya sedang menyusun satu siri lawatan ke pedalaman, program yang dinamakan 'Bersama di Pedalaman' untuk melihat dengan lebih dekat kawasan-kawasan pedalaman dalam negara kita. Antara tempat-tempat yang telah pun dikenal pasti akan dilawati bersama dengan pegawai-pegawai kerajaan dari pelbagai agensi termasuklah di kawasan Tandik, Merudu, Pulau Banggi, kawasan pedalaman Sarawak termasuk di Sri Aman dan Sarikei, kawasan Ulu Tembeling di Pahang, kawasan ulu Kelantan dan ulu Terengganu, kawasan Orang Asli di Lojing dan kawasan Pos Brook di Kelantan serta kawasan-kawasan keselamatan yakni kawasan Kesban termasuk kawasan Parlimen Baling dan Grik. Yang Berhormat yang berminat boleh mengikuti rombongan ke kawasan pedalaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sipitang ada menyebutkan tentang liputan elektrik luar bandar dan disebutkan beberapa kawasan yang tidak mendapat kemudahan. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya kawasan-

kawasan yang dimaksudkan itu berada dalam lingkungan kawasan operasi majlis daerah, besar kemungkinan ianya tidak dimasukkan. Walau bagaimanapun, saya minta Yang Berhormat berkenaan bolehlah mengemukakan dengan terperinci nama-nama kawasan itu agar ianya dapat diberikan perhatian oleh kementerian saya.

Kaedah memilih projek bekalan elektrik yang diamalkan oleh kementerian pada masa ini ialah berdasarkan senarai perakuan yang dikemukakan dalam konteks negeri Sabah oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Parlimen boleh berhubung terus dengan kementerian saya sekiranya ada pandangan-pandangan untuk menentukan tidak ada kawasan dalam kawasan Yang Berhormat wakili tercikir.

Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan Yang Berhormat dari Gelang Patah supaya diberikan penyediaan infrastruktur untuk meningkatkan industri luar bandar, kementerian sememangnya telah menyediakan kemudahan-kemudahan yang sesuai bagi membolehkan masyarakat luar bandar memulakan industri secara sederhana. Seterusnya apabila industri-industri tersebut berkembang, ianya bolehlah berpindah ke tapak Pusat Pertumbuhan Desa yang sedang dibina di berbagai-bagai tempat di seluruh negara.

Mengenai program Gerakan Desa Wawasan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sri Aman, sukacita saya memaklumkan bahawa sebenarnya program Gerakan Desa Wawasan adalah satu program baru yang baru sahaja dimulakan tahun ini. Insya-Allah, pelancaran rasminya akan dijalankan pada bulan Julai akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat, Gerakan Desa

Wawasan merupakan satu pendekatan bersepadu untuk mencapai matlamat dan strategi baru pembangunan luar bandar dengan menekankan tentang pembangunan manusia, pembangunan insan secara lebih tersusun dan berterusan.

Usaha-usaha utama akan tertumpu kepada menjadikan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung lebih berdikari dan memainkan peranan proaktif dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan di kawasan masing-masing tanpa semata-mata menunggu akan sumbangan-sumbangan dan projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan.

Lawatan yang diatitkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Kampung Indah baru-baru adalah satu permulaan ke arah memberikan kesedaran bahawa kampung dan JKK boleh memainkan peranan bagi memajukan kawasan masing-masing tanpa banyak bergantung kepada kerajaan.

Bimbingan-bimbingan dan program-program meningkatkan peranan dan keberkesanan JKK akan dijalankan oleh Institut Kemajuan Desa (Infra) bermula daripada sekarang. Kita juga akan memperkenalkan Piagam Desa Wawasan bagi menentukan mendapat panduan yang jelas tentang apakah yang harus dicapai oleh jawatankuasa yang mengendalikan program-program di bawah gerakan Desa Wawasan.

Pada setiap tahun sebanyak 700 kampung telah dikenal pasti dan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh tidak kurang daripada 3,000 buah kampung telah pun dikenal pasti dan didaftarkan serta bakal menyertai Program

Gerakan Desa Wawasan. Banyak juga dikalangan Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang kemiskinan.

Berhubung dengan pertanyaan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bintulu; Bandau; Yan; Klang; Beaufort; Sri Aman dan Tuaran mengenai kemiskinan luar bandar, sukacita saya menegaskan sekali lagi bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bahawa Rancangan Malaysia Ketujuh adalah tempoh terakhir pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan dianggap juga tempoh terakhir bagi menyempurnakan masalah rakyat termiskin dalam negara kita.

Pada tahun 2000 Dasar Pembangunan Nasional telah menetapkan kadar kemiskinan akan turun kepada tahap kira-kira 7.2% daripada 17.1% dalam tahun 1990, manakala kadar termiskin pula akan turun kepada 0.8% pada tahun 2000 berbanding dengan 4.0% pada tahun 1990. Pada angka ini yakni 0.8% kerajaan menganggap bahawa masalah rakyat termiskin dapat diatasi sepenuhnya.

Kementerian saya memang memberikan perhatian yang amat serius kepada keberkesanan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan khususnya pelaksanaan PPRT. Kerajaan akan menentukan kumpulan sasar di bawah Program Pembasmian Rakyat Termiskin ini akan dilaksanakan dengan tersusun.

Antara yang akan diberikan tumpuan ialah:

- (i) kaum bumiputera di kawasan luar bandar;
- (ii) kumpulan yang dikenal pasti sebagai golongan rakyat termiskin bukan bumiputera di bandar;

- (iii) orang Asli di Semenanjung;
- (iv) kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak;
- (v) kemiskinan di kalangan kaum masyarakat India;
- (vi) pekerja di sektor perladangan;
- (vii) penduduk di kawasan-kawasan yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru; dan
- (viii) kumpulan yang mengalami kemiskinan relatif secara umum.

Justeru itu kerajaan dan khususnya kementerian saya telah menumpukan, mengaturkan program-program tumpuan dengan menumpukan kepada beberapa strategi berikut:

- (i) melaksanakan dasar-dasar yang akan membolehkan golongan miskin menikmati faedah yang saksama daripada pembangunan negara;
- (ii) memperbaiki agihan pendapatan supaya lebih merata;
- (iii) membasmi kemiskinan dengan berasaskan kepada pendekatan berdikari;
- (iv) memberikan tumpuan yang lebih kepada golongan-golongan yang dikenali sebagai termiskin;
- (v) menyediakan dan kemudahan yang lebih baik untuk kumpulan-kumpulan yang berkenaan;
- (vi) memberikan perhatian kepada keperluan sosio-ekonomi terutama sekali bagi kumpulan penduduk yang terencil seperti

Orang Asli dan juga kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak serta kaum India; dan

- (vii) memastikan mekanisme serta penyampaian dan institusi yang lebih cekap diwujudkan.

Strategi-strategi khusus bagi tumpuan-tumpuan berkenaan adalah seperti berikut:

- (1) Mewujudkan dan mengemaskini daftar dan profil rakyat termiskin secara berterusan dengan memperkenalkan Sistem Maklumat Rakyat Termiskin (SMART) dan menggalakkan sistem terbuka.
- (2) Menyediakan satu pelan tindakan PPRT bagi semua daerah di seluruh negara dengan menumpukan kepada 40 daerah yang mempunyai bilangan rakyat termiskin yang paling ramai.
- (3) Memberikan penekanan pelaksanaan PPRT kepada enam buah negeri iaitu Sabah, Kelantan, Kedah, Sarawak, Terengganu dan Perak kerana di negeri ini didapati mempunyai bilangan yang paling ramai berbanding dengan negeri-negeri yang lain.
- (4) Memperkenalkan strategi pembangunan wilayah dan pembangunan secara bersepadu khususnya bagi Sabah dan Sarawak;
- (5) Menyusun semula pakej PPRT dengan menitikberatkan 10 aspek berikut:

- (i) pembangunan projek ekonomi untuk kumpulan sasar yang boleh bekerja dan dapat menyumbangkan kepada peningkatan pendapatan;
- (ii) memberikan program pendidikan pembangunan insan pada semua lapis masyarakat untuk melahirkan kumpulan sasar yang berkeyakinan diri, berdaya usaha, berilmu dan boleh menyelesaikan masalah masing-masing;
- (iii) latihan kemahiran dan penguasaan ilmu dalam bidang-bidang yang sejajar dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa;
- (iv) pakej pendidikan yang boleh mendorong pembelajaran dan perkembangan minda yang sihat bagi ahli isi rumah terutama sekali bagi anak-anak keluarga termiskin yang masih menuntut di sekolah.
- (v) selain daripada itu pendekatan-pendekatan lain termasuklah pendekatan pelaksanaan secara bersepadu dengan menetapkan agensi bagi setiap program,
- (vi) menggalakkan projek penempatan semula iaitu menggalakkan penduduk termiskin berpindah dan tinggal di kawasan-kawasan dengan susunan yang baru dan dengan kegiatan ekonomi yang baru;

- (vii) menyusun semula jentera pelaksanaan penyelarasan di segenap peringkat termasuk di peringkat nasional, negeri dan daerah;
- (viii) menyediakan garis panduan pelaksanaan secara yang lebih teratur;
- (ix) seterusnya menggalakkan penyertaan sektor swasta dan badan-badan NGO bagi memainkan peranan pembasmian kemiskinan; dan
- (x) kerajaan telah meluluskan setakat ini misalnya Amanah Ikhtiar Malaysia sebanyak RM76.79 juta bagi pelbagai program dan dalam Rancangan Malaysia ketujuh peruntukan yang seperti ini akan ditambah, memandangkan keberkesanan peranan NGO seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Alor Gajah menyebut tentang perlunya Felcra melaksanakan program pembangunan tanah terbiar. Sukacita saya memaklumkan sememangnya Felcra telah menjalankan program tersebut dan telah mendapat kerjasama yang erat daripada kerajaan negeri dan institusi-institusi termasuk JKK dan sebagainya.

Sukacita saya memaklumkan dengan kenyataan Yang Berhormat dari Alor Gajah bahawasanya Felcra memang telah pun melaksanakan dan menggunakan teknologi-teknologi yang baru dalam melaksanakan program-

program mereka. Antaranya sebagai contoh termasuklah sistem torehan bagi hampir 75% kawasan-kawasan ditanam dengan getah oleh Felcra telah menggunakan sistem torehan frequency rendah, iaitu satu penemuan yang dianggap baru dalam industri getah negara kita.

Selain daripada itu juga amalan-amalan teknologi baru yang lain telah pun dilaksanakan sehingga memungkinkan Felcra dapat menjimatkan 50% daripada keperluan guna tenaga dan telah dapat meningkatkan sebanyak 50% pendapatan peserta-peserta mereka. Sementara di pihak RISDA pula telah memperkenalkan berbagai-bagai pendekatan baru dalam teknologi yang berkaitan dengan getah termasuklah penggunaan penggalak susu dan penggunaan sistem torehan kekerapan rendah (low intensity tapping system).

Tuan Yang di-Pertua, latihan-latihan terus dijalankan oleh RISDA dan dalam tahun 1995 sahaja seramai kira-kira 1,000 orang telah menyertai pelbagai program di mana latihan-latihan untuk menggunakan teknologi-teknologi baru telah diperkenalkan. Sementara itu penggunaan klon-klon terbaru juga telah pun diperkenalkan termasuk menggunakan klon siri RRIM2000 dan penggunaan timber latex cloth telah digalakkan dipakai dengan meluas dan pada masa ini 8 lagi jenis klon yang berpotensi tinggi, yang telah dikenal pasti dan ianya akan digalakkan untuk digunakan oleh pekebun-pekebun kecil getah.

Berkenaan dengan pembubaran KEDA yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Yan, ingin saya nyatakan di sini bahawa pembubaran KEDA sesungguhnya tidak perlu dikhuatiri. KEDA tidak dibubarkan secara mendadak,

tindakan dibuat secara berperingkat-peringkat dan dengan susunan yang rapi. Semua aspek yang berkaitan dengan pembubarannya telah diberikan perhatian dan pertimbangan yang serius oleh kerajaan. Pada masa yang sama kerajaan negeri telah diberi peluang untuk mengemukakan pandangan masing-masing mengenai perkara ini.

Fungsi dan peranan bagi kawasan-kawasan yang terletak di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah termasuk KEDA tidak akan diberhentikan oleh kerajaan, malah segala program pembangunan dalam kawasan itu akan terus dilaksanakan dengan lebih tersusun tanpa pertindihan dan tanpa pembaziran jumlah kakitangan yang ramai sepertimana yang wujud pada masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Dato', Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa kecewa fasal KEDA hendak dibubarkan. Cuma Yang Berhormat saya hendak beri pandangan sedikit, dan juga minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri siapakah akan mengambil alih pembukaan kawasan-kawasan baru KEDA dan siapakah juga yang akan memastikan bahawa kawasan-kawasan yang dibuka oleh KEDA ini akan dapat bantuan dan juga bimbingan? Kerana kalau kita serah kepada kerajaan negeri mungkin dengan tenaga pekerja ataupun dengan staf yang kurang, mungkin ini akan melembabkan perjalanan ataupun bantuan kepada rakyat.

Jadi, sebenarnya di kawasan luar MADA di Kedah, rakyat kampung bersungguh-sungguh mengharapkan KEDA. Jadi, apakah masalah yang kita hendak bubarkan KEDA dan kita hendak adakan agensi lain pula ataupun badan lain hendak jaga? Biarkanlah KEDA jaga.

Kemudian, saya hendak bertanya sedikit Pengurus Besar KEDA ini bila hendak confirm? Saya cadang kalau boleh, Timbalan itu pun bagus orangnya, bekas D.O., kerja pun baik. Kita naikkanlah, confirmkanlah dia jadi Pengurus Besar. Ini dok jadi Pemangku Pengurus sahaja, sampai kawan pun naik kurus, kerja banyak. Jadi, dia ini memang pegawai yang berjiwa rakyat. Dia pun asal orang susah, dia berjiwa rakyat, dia tolong orang susah. Jadi, kalau orang susah teriak, dia tumpang teriak sama. Jadi, ini yang saya harap, kalau boleh KEDA tak usahlah tutup. Saya merayu sungguh-sungguhlah bagi seluruh orang-orang marhain dalam kawasan luar MADA supaya KEDA jangan ditutup. Walaupun Yang Berhormat Menteri kata tadi benda lain kita akan bantu. Tetapi saya harap yang ini elok dah, nak cari yang lain buat apa. Itulah harapan saya, Dato' ini pun orang baik. Nak cari macam ini Menteri muda segak mana ada. Dato' pun baik, saya harap dan merayu tolonglah, janganlah bubar KEDA. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang lebihnya ialah Yang Berhormat dari Yan. Dengar rayuan dia, berasa hendak meleleh air mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka jelaskan sekali lagi bahawa penutupan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah tertentu, termasuk KEDA adalah bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan. Bukan sama sekali memberhentikan program. Tidak dapat tidak konsep Lembaga Kemajuan Wilayah ini telah diwujudkan sejak kira-kira 15 ke-20 tahun yang lalu, dengan jumlah pengambilan kakitangan yang ramai. Pada masa ini, setelah kajian dibuat, bebanan tugas Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah telah menjadi berkurangan dan banyak sekali program-program yang telah bertindih dengan agensi-agensi yang lain. Oleh sebab itu, bagi mana-mana program yang bertindih sahaja akan ditutup dan dipindahkan supaya tidak ada pertindihan.

Kita memberi peluang kepada kerajaan negeri sekiranya ada program-program di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah yang tidak ada agensi yang boleh melaksanakannya, maka program-program itu akan diteruskan. Dan KEDA dalam bentuk yang baru boleh kemukakan pandangan balasnya oleh kerajaan negeri. Sebab itu, kita telah memberikan satu tempoh kepada kerajaan negeri untuk memberikan maklum balas semula kepada kerajaan tentang cadangan penutupan itu. Dalam kata lain, kerajaan negeri mempunyai kesempatan untuk memberikan pandangan tentang bagaimana proses penutupan atau pembubaran boleh berlaku.

Sementara itu, tentang Program Rakyat Termiskin, ia tidak semestinya hanya boleh dijalankan oleh KEDA sahaja, apabila terutama sekali Program Rakyat Termiskin ini juga akan tamat pada penghujung Rancangan Malaysia

Ketujuh. Jadi, kita dapati bagi program-program yang telah pun dapat disempurnakan, sementara jumlah kakitangan kerajaan tidak juga berkurangan. Ini yang menjadi masalah. Saya boleh menunjukkan satu contoh kepada Yang Berhormat di mana salah sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah yang dahulunya ratio antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan adalah 1:10, sekarang rasionya telah menjadi 1:1, berertinya sudah sama banyak belanja mengurus dengan belanja pembangunan, kerana program-program pembangunan telah pun menurun. Dan pada pandangan kerajaan, ini adalah tidak melambangkan kecekapan dan penggunaan tenaga yang secukupnya. Jumlah kakitangan tidak berkurangan kerana kakitangan-kakitangan di Lembaga Kemajuan Wilayah akan diletakkan di mana-mana badan yang mengambil alih sebahagian daripada tugas-tugas Lembaga Kemajuan Wilayah. Saya bersetuju tentang jawatan Pengurus Besar KEDA memang orangnya baik, sebab itulah saya suruh dia pangku dahulu, sementara urusan-urusan pentadbiran biasa mengenai perlantikan seorang pegawai tinggi dapat diselesaikan dengan JPA. Insya-Allah, saya akan beritahu kepada GM, kalau kita confirm dia, kerana Yang Berhormat rekomen, saya akan beritahu dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Fasal Program Rakyat Termiskin, orang kampung pesan, suruh bercakap sedikit. Jadi, satu lagi saya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat kata bantuan kepada rakyat termiskin berakhir setelah Rancangan Malaysia Ketujuh. Jadi, kalau lepas rancangan itu, kalau ada lagi orang miskin, kita hendak buat macam mana, Tuan Yang di-

Pertua? Siapa hendak bantu mereka pula? Maklumlah kita belum mencapai begitu, kut-kut ada lagi, lepas Rancangan Malaysia Ketujuh ada lagi orang marhain, orang miskin. Jadi, macam mana kita hendak buat? Saya minta kementerian tolonglah.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Pada unjuran kementerian, pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh, tahap jumlah rakyat termiskin akan dapat diturunkan pada kadar di bawah 1%, dan jumlah ini pun akan tertumpu kepada mereka yang termiskin kerana tua, uzur dan cacat. Kita percaya dalam negara kita bagi yang sihat sejahtera, tidak seharusnya ada lagi yang dikenali sebagai kumpulan termiskin. Tetapi saya tidak menafikan bahawasanya akan tetap ada juga sebilangan yang kecil, tetapi tidak lagi memerlukan kepada satu program yang intensif sepertimana adanya program PPRT pada masa ini.

Program Pembasmian Kemiskinan secara umum akan diteruskan oleh kerajaan. Tinggal lagi program PPRT yang khusus sahaja tidak akan diteruskan. Kita harap kita dapat membuat persiapan bagi seluruh rakyat agar untuk mempunyai budaya berdikari dan bekerja kuat, kerana kita tidak nampak, sementara orang-orang pendatang asing datang dengan tongkang boleh membina banglo dalam negara kita. Kita tidak nampak mengapa rakyat tempatan tidak mampu membina rumah yang walaupun dengan hanya RM3,000. Kita mahu rakyat kita lebih rajin bekerja, kerajaan membantu, tetapi mereka tidak bolehlah bergantung 100% kepada program PPRT ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang dibantkitkan oleh Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Dato', ada yang bangun sebelah situ.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' kaedah untuk membasmi kemiskinan melalui program SMART dan PPRT. Macam manakah kementerian Dato' menentukan ia dijalankan dengan adil. Kadang-kadang saya nampak ada pegawai pergi ke kampung ini, ke rumah panjang itu, jadi orang di kampung ini dia dapat kerana diberi sokongan. Rumah panjang itu beri sokongan, dia tak pergi ke tempat yang lain. Jadi, orang yang memerlukan di tempat yang lain, kadang-kadang tidak termasuk di dalam senarai yang diberi pertolongan.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menyedari perkara ini memang ada berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat saya baru sahaja mengadakan pertemuan dengan 40 Pegawai Daerah di negeri-negeri di Semenanjung, dan dua minggu lepas saya mengadakan pertemuan dengan kesemua 23 orang D.O. di Sabah. Saya bercadang akan membuat pertemuan yang sama dengan D.O.-D.O. di Sarawak. Satu daripada perkara yang telah kementerian dan kerajaan minta dilakukan ialah kita telah pun menyusun semula jawatankuasa program pembasmian kemiskinan di peringkat daerah dengan melantik D.O. sebagai Pengerusi. Dan saya akan melantik seorang pemimpin masyarakat sebagai co-chairman. Tujuannya ialah kita perlu

input daripada ahli-ahli politik, termasuk Ahli-ahli Parlimen. Kalau sekiranya ada lagi ketidakadilan yang berlaku, ianya harus dimaklumkan terus kepada kementerian saya.

Begitu juga di bawah sistem SMART, kita tidak menggunakan senarai yang diwujudkan itu secara yang rigid. Sebaliknya, kita membenarkan sekiranya ada mereka yang tertinggal dan tercicir daripada senarai yang berkenaan, mereka boleh mendaftar terus pada bila-bila masa. Cuma jawatankuasa berkenaan perlu membuat pengesahan yang mereka itu tergolong dalam rakyat termiskin.

Saya juga telah memberi tempoh sehingga 30hb. Jun kepada semua D.O.-D.O. yang berkenaan untuk menyemak sekali lagi senarai yang telah kita sediakan bagi memastikan tidak ada yang tercicir. Walaupun demikian, saya tahu masalah ini amatlah rumit dan kita harus mengambil sikap yang agak lues sedikit, flexible sedikit, kerana ianya tidak mudah hendak diselesaikan. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberikan kerjasama untuk mengurangkan masalah yang sedemikian.

Tuan Jawah Anak Gerang: Terima kasih. Saya amatlah tertarik dengan strategi-strategi yang telah dikatakan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar tadi. Dia berkata pembangunan-pembangunan asas dan pembangunan-pembangunan fizikal, apa yang hendak saya katakan di sini adakah dalam merangka strategi-strategi pembangunan luar bandar khususnya sekarang kerajaan telah juga mengambil kira seperti pembangunan manusia, perubahan sikap, cara-cara petani sekarang yang bertanam cara tradisional. Itulah sebab petani-petani negara ini kalau sudah sangat miskin, kerana cara dia sendiri bercucuk tanam dengan cara tradisional. Itu aspek yang pertama. Adakah tumpuan juga diberi

kepada sektor seperti sektor luar bandar dengan bandar? Kita tahu sektor bandar adalah sektor yang kaya memerlukan banyak barang-barang yang dikeluarkan di luar-luar bandar, seperti ikan, ayam, apa sahaja sayur-sayuran.

Adakah aspek-aspek ini juga diambil kira oleh kerajaan, petani-petani luar bandar orang yang rajin mengeluarkan sayur ataupun makanan dan ini juga boleh dikeluarkan kepada rakyat dan masyarakat bandar, adakah aspek-aspek seperti ini diambil kira.

Dan juga ketiga, kadang-kadang masyarakat luar bandar, khasnya wakil rakyat, ketua-ketua masyarakat luar bandar, kadang-kadang dalam merangka strategi pembangunan luar bandar, kita turut juga tidak mengambil kira pandangan-pandangan, boleh memberi sumbangan dalam caranya yang tersendiri dari wakil-wakil rakyat luar bandar, seperti kita ini. Saya adalah wakil rakyat luar bandar, ada aspek-aspek yang tertentu yang selama ini, yang mahu ditumpukan kerajaan ada aspek-aspek salah sasar - sasaran itu salah. Aspek ini kadang-kadang kita juga mesti mahu memberi pandangan atau meminta pandangan dari ketua-ketua masyarakat ahli Dewan Rakyat dari luar bandar, adakah aspek ini diberi perhatian dalam kerajaan menumpukan strategi-strategi pembangunan luar bandar? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, semua isu yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu memang ada dalam rancangan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerana menyedari perlunya pembinaan manusia termasuk pembinaan sikap, bina insan

tadilah, maka kementerian saya telah mewujudkan Institute For Rural Advancement yang mana kampusnya akan siap pada bulan Oktober ini nanti.

Tugas Institute For Rural Advancement (INFRA) ini ialah untuk menjalankan program latihan secara khusus dalam hal-hal yang berkaitan dengan kemajuan masyarakat luar bandar.

Selain daripada itu, Infra akan menumpukan perhatian bagi melatih JKK bagi kira-kira 5,600 JKK di seluruh negara yang bertanggungjawab di 13,000 kampung dan dijangkakan ada kira-kira 100,000 orang ahli-ahli JKK yang akan dilatih secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan kita.

Ini adalah satu perkara yang baru, yang akan kita mula jalankan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh di mana latihan tenaga manusia itu memang diberikan keutamaan yang sepenuhnya.

Mengenai program-program ekonomi, memang dalam jawapan-jawapan saya yang berikutnya nanti, banyak sekali disebutkan tentang usaha-usaha untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan ekonomi masyarakat di luar bandar termasuk, kita memperkenalkan program Prospek ataupun program bersepadu, peningkatan ekonomi kampung. Satu pendekatan baru yang akan bermula pada tahun ini bagi golongan miskin memulakan kegiatan ekonomi yang menambah pendapatan dan ini akan dibuatkan secara bersepadu dan secara berkelompok termasuk dengan penyertaan dan penglibatan syarikat-syarikat swasta, misalnya satu program menternak ayam dengan kerjasama Kentucky Fried Chicken sedang dimulakan, sedang diatur untuk diwujudkan di seluruh negara.

Begitu juga rangkaian penanaman sayur menggunakan kaedah hidroponik sedang dijalankan projek secara percubaan di lima tempat termasuk di Langkawi dan Perak dan setakat ini nampaknya berjaya dan akan diperluaskan.

Jadi, program-program seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan itu memang Kementerian saya sedang mengambil tindakan dan akan kita perkenalkan bagi kawasan-kawasan yang sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah ada menyebut tentang industri

.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan satu kenyataan dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' sekejap tadi iaitu untuk membangunkan daerah di mana Yang Berhormat akan melantik DO sebagai pengerusi. Apakah itu termasuk juga Kelantan?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem ini dipakai bagi semua negeri termasuk Kelantan sepertimana yang telah kita cadangkan, tetapi malangnya apabila kita menjemput semua DO datang ke Kementerian untuk menerangkan peranan mereka, semua DO daripada negeri-negeri lain hadir kecuali DO daripada Kelantan. Jadi, saya batalkan cadangan melantik DO daripada Kelantan.

Mengenai pusat-pusat pertumbuhan desa, sukacita saya hendak menjelaskan bahawa program dan pendekatan menggunakan konsep PPD akan diteruskan dan akan diberikan keutamaan. Program mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan desa ini akan ditumpukan di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk di antara 2,500 ke-5,000 orang, tetapi akan menggunakan halacara baru bagi sepanjang Rancangan Malaysia Yang Ketujuh.

Setakat ini beberapa pusat pertumbuhan desa telah diwujudkan

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Tumpat bangun lagi sekali.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalau tidak melantik DO ini, hendak lantik siapa sebagai pengerusi?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, kita akan melantik pegawai kerajaan yang bukan DO.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa tidak adil kalau tidak dilantik DO juga di Kelantan. Kalaulah DO di Sabah dilantik sebagai pengerusi, kenapa Kelantan tidak? Sedangkan Kelantan negeri Yang Berhormat Dato' sendiri.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Saya amat bersetuju sebab negeri sayalah, saya hendak lantik FEO.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya berharap Dato' jangan berfikir songsang, nanti menyesal kemudian.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Saya bukan soal berfikiran songsang, tetapi Ahli Yang Berhormat yang menyongsangkan keadaan. [*Tepuk*]

Saya telah katakan, kita gunakan cara yang sama termasuk untuk Kelantan. Tetapi apabila kita memanggil untuk memberikan taklimat bagaimana proses ataupun kaedah yang kita susun dapat dijalankan, saya tidak menyalahkan DO dan pegawai kerajaan. Saya rasa Ahli Yang Berhormat tahu, saya pun tahu (TST) - tahu sama tahu, DO hendak datang tetapi barangkali ada masalah-masalah tertentu.

Jadi, saya tak hendaklah membebankan DO-DO di Kelantan. Walaupun saya hendak lantik dan mereka pun hendak, tetapi mereka tak berani hendak berhubung dengan kerajaan pusat, maka kita mengambil sikap yang terbuka.

Jadi, saya hendak menegaskan sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat, supaya Yang Berhormat jelas sebab Yang Berhormat dan rakan-rakan dalam parti Yang Berhormat, walaupun jelas kadang-kadang tidak dijelaskan.

Saya ulang sekali lagi, kita buat dasar hendak menentukan, hendak melantik DO di Kelantan serupa juga dengan negeri lain, tetapi keadaan DO di Sabah dengan DO di Kelantan tak sama. Tetapi, saya hendak jelaskan, saya tahu tidak salah DO-DO, yang mungkin ada masalah tertentu yang Ahli Yang Berhormat sendiri lebih arif, tetapi untuk memastikan negeri Kelantan dan rakyat Kelantan tidak ketinggalan kerana masalah yang Ahli Yang Berhormat sendiri

tahu, kita akan melantik orang lain di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak semestinya DO, pokoknya program yang hendak dijalankan untuk membantu rakyat Kelantan akan diteruskan.

Tentunya kita tidak boleh tunduk kepada keadaan yang sengaja diwujudkan sehingga rakyat di Kelantan menerima akibatnya, sebab itu Program Pembangunan Rakyat Termiskin di Kelantan mendapat priority yang tinggi dan diteruskan walaupun tidak ada kerjasama yang positif daripada kerajaan negeri yang ada sekarang.

Jadi, eloklah Yang Berhormat renungkan apa yang saya kata dan jika perlu bincanglah dengan rakan-rakan di Kelantan yang lain. Kalau rasa tak larat, tak mampu, penggal hadapan boleh beri giliran kepada kami pula mentadbirkan negeri Kelantan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia minta jalan lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan yang terakhir saya rasa. Tidakkah Yang Berhormat Dato' pernah berjumpa dengan MB Kelantan, tidakkah benda-benda seperti ini dibincangkan dalam pertemuan itu? Saya rasa pihak MB Kelantan tidak akan menolak kehendak-kehendak Yang Berhormat Dato' kalaulah persoalan itu dibincangkan.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya gembira sekali Ahli Yang Berhormat bertanya soalan ini. Pertama, saya gembira kerana

Ahli Yang Berhormat tahu saya berjumpa dengan Menteri Besar Kelantan maka Yang Berhormat tahulah orang macam mana saya ini.

Saya pergi kerana kepentingan rakyat, walaupun pihak Kelantan tak pernah datang ke kementerian saya membincangkan soal rakyat, maka saya pergi kepada Menteri Besar Kelantan, meletak ke tepi sentimen politik kerana saya mahu melihat negeri Kelantan juga maju.

Tetapi, soal bagaimana ianya tidak membawa apa-apa hasil, elok Ahli Yang Berhormat tanya kepada Menteri Besar Kelantan sejauh manakah apa-apa yang telah dibincangkan itu ditunaikan dalam bentuk praktiknya.

Saya fikir dalam soal ini, apa lagi membicarakan soal rakyat yang miskin, eloklah kita ikhlas. Saya mencadangkan supaya kita letakkan ketepi sekejap soal politik, kita fikirkan soal rakyat. Kalau kita hendak mengutamakan ego dan pride politik kita dengan rakyat, akhirnya rakyat yang akan menerima bahana. Saya tidak fikir itu adalah suatu kaedah politik yang sihat dan saya bersedia untuk pergi berjumlah lagi dengan Menteri Besar - tidak menjadi masalah. Saya hendak melihat program di Kelantan, 24,000 rakyat mendapat pendapatan di bawah RM200.00 sebulan, mereka mempunyai masa depan yang gelap kalau tidak ada kerjasama daripada kerajaan negeri, tetapi kita di kerajaan pusat, walaupun tidak mendapat kerjasama, kita cuba, walaupun sukar dan payah, kita akan terus mencuba. Kita tidak perlu fikir mileage politik semata-mata dalam program ini - saya fikir. Elok kita utamakan kepentingan rakyat kita.

Mengenai PPD tadi, saya telah menyebutkan bahawa beberapa pusat pertumbuhan desa akan diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh termasuk, di pusat-pusat tersebut akan dibina peluang-peluang, terutamanya tapak-tapak industri bagi membolehkan penyertaan masyarakat di luar bandar. Setakat ini sebanyak 47 unit bengkel dan kilang sepanjang tahun 1995 telah diwujudkan dan telah boleh digunakan. Dalam tahun ini pula kita akan membina 74 unit lagi di kawasan-kawasan dan di pusat-pusat pertumbuhan di seluruh negara untuk digunakan oleh pengusaha-pengusaha industri luar bandar. Selain daripada itu, Lembaga Kemajuan Wilayah pula telah diarahkan untuk membina lebih banyak lot-lot industri dan membina bengkel-bengkel dan kilang sama ada untuk dijual dan disewa kepada pengusaha-pengusaha kecil. Setakat ini tidak termasuk 74 unit yang akan dibina di pusat-pusat pertumbuhan desa, sebanyak 161 unit lagi akan dibina di kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah.

Mengenai KETENGAH, soalan Yang Berhormat dari Dungun, saya suka menjelaskan bahawa di bawah Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, sememangnya membolehkan kawasan tertentu diwartakan sebagai kawasan pembangunan lembaga dari satu masa ke satu masa dengan syarat ianya mesti mendapat persetujuan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Sekiranya kerajaan negeri merasakan mana-mana kawasan yang difikirkan perlu kepada pembangunan dengan menggunakan jentera organisasi KETENGAH dan peruntukan diperlukan daripada Kerajaan Pusat, maka terpulanglah kepada pihak

berkuasa negeri atau kerajaan negeri mengemukakan cadangan kepada kementerian untuk diberikan pertimbangan seterusnya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana saya sedar bahawa banyak sekali perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan semuanya menandakan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pentingnya program pembangunan luar bandar. Saya mengucapkan terima kasih dan bagi mana-mana yang saya tidak berkesempatan menjawabnya, insya-Allah saya akan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh dan akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kementerian Luar Negeri.

7.54 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Luar Negeri semasa membahas Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Diraja sempena pembukaan Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sukacita untuk menggulungkan perbahasan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang dan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang menyentuh tentang keganasan di Asia Barat dan persepsi negara-negara Barat terhadap keganasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia amat prihatin dengan anggapan oleh negara-negara Barat bahawa keganasan di Asia Barat dilakukan oleh kumpulan ekstremis Islam dengan sokongan beberapa negara Islam. Anggapan ini adalah tidak patut dan menunjukkan sikap yang tidak objektif terhadap orang-orang Islam amnya. Seperti yang kita semua ketahui banyak keganasan yang berlaku adalah dari tindakan orang-orang bukan Islam, malangnya negara-negara Barat jarang menyebut tentang tindakan golongan-golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengalu-alukan proses damai di Asia Barat dan menganggapkan hanya melalui pelaksanaan proses damai sahaja perdamaian dan kestabilan di rantau tersebut boleh dicapai. Sungguhpun pelaksanaan proses damai telah menghadapi banyak rintangan dan cabaran dari pelbagai pihak, Malaysia berharap pihak berkuasa Palestin dan Israel dapat menangani masalah tersebut secara berhati-hati untuk mengelakkan tergugatnya proses damai yang sedang berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang sebelum ini mengenai hubungan Malaysia - Israel, ingin saya menjelaskan di sini sekali lagi bahawa Malaysia belum bersedia untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel. Buat masa ini, Malaysia hanya bersetuju untuk mempertimbangkan beberapa kelonggaran dalam hubungan perdagangan di antara kedua negara. Tindakan ini adalah selaras dengan kemajuan yang terdapat dalam pelaksanaan proses damai di antara Israel dengan Palestin dan Israel dengan negara-negara Arab yang lain. Malaysia tidak

bercadang untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel selagi Israel tidak memenuhi janji-janjinya dan menyelesaikan pertikaian dengan negara-negara Arab termasuk hubungannya dengan Syria dan Lebanon.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Libaran mengenai masalah jenayah lanun dan rompakan di Semporna, ingin dinyatakan di sini bahawa kerajaan memandang berat kejadian tersebut. Kegiatan jenayah seperti ini perlu dihapuskan sama sekali. Sekiranya ada bukti bahawa lanun-lanun yang terlibat dalam rompakan di Semporna datangnya dari negara jiran, perkara ini akan dibangkitkan dengan kerajaan yang berkenaan melalui rundingan dua hala. Kerajaan kita mempunyai saluran mekanisme yang tertentu bagi menyelesaikan masalah ini. Di antaranya ialah melalui mesyuarat Suruhanjaya Bersama yang telah ditubuhkan dengan beberapa negara jiran kita seperti Filipina, Indonesia, Thailand dan lain-lain. Mesyuarat Suruhanjaya Bersama telah banyak membantu menyelesaikan masalah-masalah yang timbul antara negara kita dengan negara-negara jiran. Saya percaya masalah ini juga dapat kita selesaikan melalui rundingan dan kerjasama yang baik dengan negara jiran yang berkenaan.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas pada 8hb. April kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan semasa penggulungan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja, suka saya maklumkan bahawa projek pembinaan jalan raya Trans Borneo adalah salah satu dari perkara yang akan dibincangkan dengan kerajaan Brunei

Darussalam di Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia - Brunei Darussalam yang kedua yang akan berlangsung di Bandar Sri Begawan pada hujung bulan Jun ini.

Akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini adakah ini bermakna bahawa perkara ini tidak akan dijawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kita ada giliran. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Lim Guan Eng: Semua sudah ponteng, tidak ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah kita tangguhkan Dewan ini buat sementara waktu? Supaya mereka boleh pulang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sekejap, sekejap.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tidak nanti semua ini tidak akan dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tidak apa Yang Berhormat, nanti saya cari.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya telah berada di sini.

Tuan Lim Guan Eng: Kerajaan Tempatan dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kita akan balik.....

Tuan Lim Guan Eng: Akan balik lagi? Saya masih rasa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ini tidak bertanggungjawab.

7.57 mlm.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Yan yang telah begitu menunjukkan prihatin terhadap kebajikan kaum wanita. Kementerian menyambut baik cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh

Ahli Yang Berhormat dan beberapa cadangan yang menyentuh tentang tindakan yang telah diambil bagi menggalakkan majikan-majikan mengadakan tadika dan taska di tempat-tempat kerja, menyediakan kenderaan percuma kepada pekerja-pekerja kilang dan menggalakkan penglibatan wanita dalam kerja-kerja sub-contracting bagi membantu pekerja-pekerja wanita menangani tekanan pekerjaan atau masalah-masalah peribadi atau keluarga, setiap majikan digalakkan mewujudkan unit kaunseling di kilang-kilang serta di pejabat-pejabat dalam sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjalankan kursus-kursus proses menolong iaitu kaunseling kepada wanita yang bekerja di kilang dan semenjak tahun 1988 hingga tahun 1992 seramai 196 pekerja kilang yang bermasalah telah diberi kursus kaunseling tersebut.

Kursus sedemikian akan terus diadakan dan di samping itu juga Majlis Pusat Kebajikan Malaysia, sebuah pertubuhan kebajikan sukarela di bawah pengawasan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyediakan asrama pekerja kilang kepada mereka yang tidak disediakan asrama oleh majikan.

Mengenai penjagaan kanak-kanak semasa ibu bapa mereka pula bekerja, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga bertanggungjawab mendaftar, mengawal dan memeriksa taska di bawah Akta Taska 1991 bagi menentukan taska yang diusahakan menjalankan aktiviti yang menyokong kepada perkembangan penyuburan dan minda kanak-kanak. Sehingga kini sebanyak 26 majikan menyediakan taska kepada pekerja-pekerja. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada majikan-majikan

sama ada di kalangan sektor perkilangan mahupun sektor korporat supaya bersikap prihatin terhadap kebajikan pekerja-pekerja wanita. Sehubungan dengan itu, penekanan terhadap kemudahan seperti taska dan tempat tinggal perlu disediakan. Kementerian sentiasa menggalakkan majikan supaya berbincang dan mendapatkan nasihat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam penubuhan taska.

Kementerian juga akan terus menggalakkan supaya lebih banyak NGO mengadakan perkhidmatan kaunseling dan mewujudkan pusat-pusat aduan bagi membantu wanita-wanita menangani masalah-masalah yang mereka hadapi. Sehubungan dengan ini beberapa jawatankuasa perunding hal ehwal wanita di peringkat negeri telah pun menubuhkan Pusat Khidmat Wanita. Pusat Khidmat Wanita akan memberikan perkhidmatan kaunseling, khidmat nasihat serta penerangan-penerangan bagi membantu wanita-wanita yang menghadapi masalah termasuklah masalah yang berkaitan dengan rumah tangga, keluarga dan pekerjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Sungguhpun kerajaan berusaha keras untuk membantu kaum wanita khususnya mungkin mereka yang menghadapi bahaya dari segi moral, apakah gunanya usaha kerajaan kalau apabila mereka

ditempatkan di pusat pemulihan akhlak, keselamatan yang sedia ada kurang baik sehingga mereka boleh melepaskan diri atau lari dengan begitu senang sahaja sepertimana dalam satu kes di mana saya ada menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri, seorang gadis bawah umur yang ditempatkan di sebuah pusat pemulihan akhlak di Cheras, Kuala Lumpur telah melarikan diri sebanyak tiga kali tanpa sebarang halangan atau sebarang sekuriti oleh pihak yang berkenaan. Sungguhpun saya telah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi sehingga hari ini, sungguhpun selepas saya membawa perkara ini gadis tersebut dapat dikesan tetapi bayangkan kalau dalam jagaan kerajaan, gadis ini boleh melarikan diri dan semasa melarikan diri apa yang akan terjadi kepada gadis tersebut itu adalah tanggungjawab kerajaan. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Kerana ibunya sangat marah, kalau menyerahkan anak mereka kepada jagaan kerajaan tetapi pula sebaliknya kerajaan tidak menjaga dengan baik dan membenarkan dia melarikan diri dengan begitu senang sahaja. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, gadis-gadis yang diletakkan di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, memanglah gadis-gadis yang bermasalah. Mereka memang bijak, memang pandai melarikan diri dan tahu membuat segala-galanya. Institusi-institusi di Jabatan Kebajikan Masyarakat bukan penjara, kita tidak mengepung seperti penjara dan kita tidak mahu ada suasana macam penjara di tempat-tempat itu kerana ianya adalah bertujuan pemulihan. Apabila kes ini berlaku dan kita dapat

balik gadis ini dan kita tanya dia yang sebenarnya, apa masalah dan sebagainya dan apabila didapati bahawa tempat yang kita letakkan dia terlalu jauh daripada rumahnya dan ibunya tidak dapat melihat dan menziarahinya, maka kita pindahkan beliau ke tempat yang paling dekat dengan ibunya, dengan rumahnya dan masalah ini sudah pun selesai.

Jadi, saya harap Yang Berhormat memahami keadaan-keadaan seperti ini. Bukan kami hendak mengelakkan tanggungjawab tetapi kes-kes seperti ini boleh berlaku kerana anak-anak ini memang anak-anak yang bermasalah dan kita cuba sebaik-baik cara untuk melatih mereka tetapi perkara ini terjadi sekali-sekali, jadi kebetulan anak ini adalah anak agaknya yang paling berani, yang paling banyak masalah dan sebagainya, maka terjadi kepada beliau seperti itu dan kita mengambil tindakan-tindakan yang sebaiknyalah untuk mereka supaya perkara-perkara ini tidak terjadi lagi kerana seperti saya katakan kita bukan buat penjara di tempat-tempat itu. Kalau kita adakan seperti penjara, mungkinlah tidak ada langsung alasan bahawa anak ini boleh ada kesempatan lari.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa amat hairan dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana kalau Yang Berhormat Menteri kata ciri-ciri sekuriti adalah tidak seketat di penjara tetapi untuk kes gadis bawah umur yang terbabit dengan Ketua Pemuda Umno Malaysia, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, susah dia hendak

lari, susah kalau ahli keluarganya sendiri hendak menziarahi beliau. Saya rasa di sini jelas ada double-standard untuk mereka yang terlibat dengan VIP ketat sampai tidak boleh lari, kalau dia hendaklah. Ahli keluarga hendak lawat pun tidak boleh tetapi dalam kes orang biasa, di mana gadis ini telah lari dari pusat pemulihan akhlak tiga kali, bukan satu kali, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekali kita boleh faham tetapi tiga kali, macam mana kita boleh memberikan keyakinan kepada rakyat, keyakinan kepada ibu bapa? Kalau kita serahkan anak gadis kita, saya pun ada anak perempuan, kita pun faham perasaan ibu bapa, kalau diserahkan anak perempuan mereka kepada pusat pemulihan akhlak, lari, jelas lari, tidak menghubungi ibu bapa bahawa anak perempuannya telah hilang dan tidak menjalankan apa-apa tindakan untuk mencari dia balik, hanya selepas perkara ini dibawa oleh saya baru tindakan diambil, macam mana kita boleh menyakinkan rakyat bahawa kerajaan serius tentang perkara ini? Saya faham Yang Berhormat Menteri baru menjadi Menteri tentang bidang ini, tetapi saya harap tindakan boleh diambil ke atas pusat pemulihan yang berkenaan supaya kejadian.....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat ini sudah mengambil kesempatan untuk berbahas pula, bersyarah dalam perkara-perkara yang tidak ada disebutkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang berbincang...

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya memberikan satu kes...

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya rasa kes yang disebutkan itu sudah berlalu. Tidak ada gunanya Yang Berhormat ungkit-ungkit lagi perkara itu dan saya inginlah menyatakan bahawa bersyukurlah kita bahawa anak-anak kita sendiri tidak bermasalah. Rasa saya Yang Berhormat sendiri mempunyai anak perempuan tentulah bersyukur anak Yang Berhormat tidak bermasalah dan ibu bapa sendiri yang sepatutnya, saya harap - duduklah! *[Dimaksudkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka]* - menjaga anak mereka sudah give up tidak boleh lagi, tanggungjawab yang utama ialah pada ibu bapa untuk menentukan anak mereka dalam keadaan selamat, terlindung dan boleh dikawal tetapi kita mesti menghadapi realiti bahawa keadaan-keadaan ini terjadi dan Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak mengambil tindakan, lari yang pertama, lari yang kedua, kalau kita tidak ambil tindakan...

Tuan Lim Guan Eng: Tidak, tiga kali.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: ...tidak mencari, dia lari yang pertama, yang kedua bagaimana kita boleh dapat ada dia balik di rumah yang kita tempatkan dia?

Tuan Lim Guan Eng: Selepas.....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya harap Yang Berhormat sudahlah, tidak payah bincang lagi perkara itu...

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, selepas Yang Berhormat Menteri mengambil tahu perkara ini baru dia dikesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ...

Tuan Lim Guan Eng: No, di sini saya bukan salahkan Yang Berhormat

...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,
Kota Melaka....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Dia lari tiga kali itu, first time kita sudah cari, sudah dapat. Yang kedua kita sudah cari, sudah dapat. Yang ketiga itu baru Yang Berhormat tulis surat. Rasa saya cukuplah perkara ini, hendak dibesar-besarkan sangat buat apa?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, bukan. Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan kalau.....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: ...kalau perkara ini hanya dibawa ke perhatian Yang Berhormat Menteri....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan lagi.

Tuan Lim Guan Eng:baru boleh ambil tindakan. [*Pembesar suara dimatikan*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka, sabar dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan, Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: Ini perkara penting, bolehkah beri jalan? Saya....[*Pembesar suara dimatikan*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:: Itu hak Yang Berhormat Menteri.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya rasa sudah cukuplah. Saya sudah faham apa Yang Berhormat maksudkan, kami pun sudah mengambil tindakan, cukup itu. Kita sudah mengambil tindakan menempatkan dia di tempat yang lebih sesuai di mana saya sudah sebut tadi supaya ibu dia boleh mengunjungi dia tiap-tiap minggu kalau dia hendak dan ini adalah satu cara memberikan keyakinan kepada ibu dan juga kepada anaknya..

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat, cukup. Matlamat kami ialah menubuhkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka....

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:lebih banyak lagi Pusat Khidmat Wanita di negeri-negeri....

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: ...dan juga di daerah-daerah supaya lebih ramai....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dulu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:...wanita mendapat manfaat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka, sila duduk.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat dari Gelang Patah telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia tidak beri. *[Dimaksudkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang masih berdiri]*

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: ...membangkitkan perkara masalah pembuangan bayi.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian pembuangan bayi yang makin meningkat sejak akhir-akhir ini adalah sangat membimbangkan, kerana ini mencerminkan gejala yang tidak sihat berlaku di kalangan masyarakat negara ini.

Masalah ini perlulah diambil berat, bukan sahaja oleh kerajaan, tetapi oleh semua pihak dan dengan timbulnya masalah seperti ini, bolehlah dikatakan bahawa ada sebahagian dari anggota masyarakat yang tidak mendapat bimbingan yang sebaik-baiknya dan secukupnya tentang bagaimana hendak memilih cara hidup yang baik.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan bahawa isu pembuangan bayi bukanlah satu gejala yang baru. Kementerian telah menyedari masalah ini sejak tahun 1980-an, tetapi baru-baru ini sahaja ianya sudah ditimbulkan oleh pihak media dan mendapat publisiti yang begitu luas.

Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah, Menteri ini bagus. Dia jaga orang susah dan dia jaga semua ini. Cuma saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri ini, daripada yang membuang-buang bayi ini, bukan buang 'benggali', buang bayi, jangan silap bahasa pula. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa hubung kaitnya bayi dengan benggali?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak, takut depa silap, 'bai' ini, saya takut silap. Minta maaf, bukan saya hendak kata sesiapa. Jadi, berapa ramai daripada pendatang-pendatang asing ini? Fasal saya nampak sejak pendatang asing datang ke Malaysia ini, banyak bayi-bayi ini depa buang. Jadi, adakah ramai daripada pendatang asing ataupun rakyat tempatan sendiri? Itu sahaja penjelasan yang saya minta, Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak dapat menentukan sama ada bayi yang dibuang itu adalah anak-anak pendatang asing ataupun anak-anak orang tempatan kerana bayi itu diletakkan begitu sahaja di tempat-tempat tertentu tanpa apa-apa identiti. Jadi agak sukar bagi kita menentukan daripada mana anak-anak ini datang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita boleh cam rupa. Macam rupa Malaysia ini macam rupa saya sedikit, macam rupa Yang Berhormat sedikit bukan. Tetapi kalau rupa asing ini, kita boleh tahu rupa itu macam rupa orang mana - orang Burmakah, Orang Bangladeshkah, bukan? Kalau dari Tanjong, kita sudah nampak rupa Tanjong sedikit macam mana. *[Ketawa]* Ataupun dari Jelutong kita boleh kenal rakyat Malaysia ini. Jadi, adakah pihak kementerian membuat kajian tentang itu fasal kita hendak tahu juga.

Fasal dahulu ini, jarang kita tengok rakyat Malaysia buang bayi ini. Itu saya minta, kalau boleh buat siasatan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan yang di-Pertua, kanak-kanak itu, bila kita tengok, sukar bagi kita hendak menentukan dan hendak mengatakannya sebab kanak-kanak ini rasanya hampir serupa sahaja semuanya. Mungkin setelah mereka membesar agaknya baru nampak iras-iras dari mana datangnya.

Walau bagaimanapun, rasa saya matlamat kita ialah untuk melindungi anak-anak ini dan menyelamatkannya. Buat permulaan ini, rasa saya tak perlulah kita hendak mencari jalan untuk menentukan anak orang pendatang asing ataupun anak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian selama ini adalah diasaskan kepada tiga akta yang mempunyai peruntukan undang-undang yang dapat menangani masalah remaja iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991.

Daripada ketiga-tiga Akta tersebut, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 adalah lebih merupakan perbekalan undang-undang pencegahan terhadap remaja dan kanak-kanak yang jelas boleh dijadikan instrument dan pelaksanaan menangani masalah-masalah yang dihadapi.

Walaupun Akta Mahkamah Juvana 1947 lebih kepada penyelesaian terhadap salah laku kriminal di kalangan remaja, hanya seksyen 77 sahaja yang diperuntukkan bagi menyelesaikan isu-isu tidak terkawal jika ibu bapa tidak dapat memberi penjagaan dan pengawalan terhadap anak-anak mereka.

Bagi kanak-kanak yang dibuang, langkah yang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat setakat ini ialah untuk menyelamatkan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak terbuang itu. Dari masa ke semasa, kementerian juga telah menyeru kepada wanita yang bermasalah melalui media massa supaya meminta bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat jika ia memerlukan bimbingan ataupun bantuan kewangan.

Langkah-langkah lain adalah program-program pendidikan awam melalui pasukan perlindungan kanak-kanak di tiap-tiap daerah dan negeri untuk mengadakan aktiviti seperti kursus-kursus kemahiran keibubapaan dan lain-lain.

Tidak boleh dikatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian tidak berkesan kerana hanya langkah-langkah yang diambil oleh kementerian sahaja tidak mencukupi tanpa penglibatan masyarakat sendiri. Pihak masyarakat sendiri, termasuk badan-badan bukan kerajaan perlu juga mengadakan program-program pendidikan awam dan program-program pencegahan supaya masalah ini dapat dibendung atau dikurangkan.

Di antara punca-punca utama yang telah dikenal pasti sebagai perkara-perkara yang menolak dan juga menarik penglibatan remaja dalam gejala-gejala sosial ialah tidak mendapat pendidikan agama yang secukupnya, masalah dengan keluarga akibat kepincangan rumah tangga disebabkan penceraian, poligami, kaki judi, pemabuk dan kurang kawalan ibu bapa yang mengakibatkan gadis hidup bebas dan mencari keseronokan di luar rumah. Pengaruh persekitaran dan budaya kuning juga menerusi konsert rock, menonton video lucah, pusat snooker dan video yang tidak bersesuaian, tempat-tempat hiburan seperti kelab malam, disco, karaoke dan pawagam mini adalah juga menjadi punca. Pengaruh rakan sebaya yang menjurus kepada kemewahan dan kehidupan yang tertekan akibat kemiskinan keluarga, keadaan rumah yang tidak selesa ataupun pernah menjadi mangsa penganiayaan seks. Di antara langkah-langkah pencegahan selain dari yang telah dilakukan oleh kementerian, kementerian bercadang untuk

mengadakan kempen melalui media massa dan pameran di merata-rata tempat di pusat-pusat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Alor Gajah dan Yang Berhormat dari Kelang menyentuh mengenai penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai meminta kerjasama daripada NGOs untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa NGOs pun ada meminta kerjasama daripada kementerian yang berkenaan, khususnya untuk menyokong dengan sepenuhnya Convention on the Elimination of Discrimination Against Women atau CEDAW di mana kerajaan ada rectify, tetapi dengan reservations yang tidak disetujui oleh NGOs.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa kementerian tidak boleh bersetuju dengan NGOs supaya semua sekatan atau reservations yang ada diletakkan oleh Kerajaan Malaysia untuk rektifikasi CEDAW ini boleh ditarik balik?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dari Tanjong sedar bahawa saya juga adalah pemimpin wanita daripada NGO dan kerja-kerja dan usaha-usaha ini selain daripada saya sebagai Menteri, memang kita laksanakan.

Selepas sahaja balik daripada Beijing, kami telah pun mengambil tindakan meminta pihak yang berwajib untuk melaksanakan reservations ini dikhususkan sebenarnya apa yang hendak dibuat reservations. Ini sedang dalam proses. Bukan bermakna saya tidak menyokong sebab saya juga adalah dari NGO.

Jadi, Yang Berhormat yakinlah bahawa kami sedang berusaha untuk mendapatkan pihak yang bertanggungjawab menghapuskan blanket reservations, tetapi mengkhususkan kepada perkara-perkara yang tertentu, yang perlu dan yang mustahak sahaja. Kami memang tahu ada di antaranya memang tidak perlu dibuat reservations. Jadi, Yang Berhormat yakinlah bahawa kami di pihak kerajaan, terutamanya kami di kementerian memang sedang melaksanakan usaha ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh Yang Berhormat Menteri memberi butiran mengenai apa reservations yang dia bersetuju dengan NGO dan apa yang beliau tidak setuju?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bawa the details of the reservations here, tetapi kita ada masa lagi dalam sesi ini, insya-Allah kalau Yang Berhormat ada peluang di mana-mana dalam masa soal jawab atau pun dalam mana-mana perbincangan, saya boleh menjelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah kita dapat satu copy itu?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Salinan itu tidak bolehlah dulu. Sebab belum lagi diputuskan oleh apa ini. Saya boleh cakap dalam Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh cakap sahaja.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tetapi saya tidak boleh beri salinan.

Yang Berhormat dari Alor Gajah dan Kelang tadi telah menyentuh mengenai penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, pengabaian orang-orang tua dan gadis yang hilang, yang telah pun kita bincangkan tadi. Usaha untuk melahirkan masyarakat penyayang memang sentiasa dijalankan oleh kerajaan. Perkara seperti penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, pengabaian ibu bapa yang tua, kanak-kanak dan gadis hilang sudah diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan.

Negara kita sedang menuju ke arah mencapai matlamat sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020. Justeru itu, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah pun menggubal Dasar Kebajikan Negara pada tahun 1990 di mana di antara strategi utamanya ialah untuk mewujudkan sebuah negara yang berbudaya ikram. Kerajaan sedang berusaha untuk memupuk elemen masyarakat penyayang dengan mengadakan kempen-kempen dengan mengadakan kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti lain melalui jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi di bawahnya.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Memang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai masyarakat penyayang, masyarakat ikram dan sebagainya, memang pada teorinya itu baik. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat membuat unjuran untuk misalnya tahun 2000, berapa wargatua akan diabaikan? Satu unjuran (projection) untuk diketahui dan negara ini menuju sebagai negara yang termaju di dunia, memang bilangan orang tua yang akan diabaikan akan bertambah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini terlalu negatiflah. Sikapnya terlalu negatif terhadap masyarakat. Siang-siang lagi sudah tanya berapa ramai yang akan diabaikan? Kami membuat kajian perkara-perkara yang positif, yang baik dan kita memang fikir tentu ada bilangan bertambah. Kita tahu bilangan wargatua akan bertambah. Sekarang 4% daripada seluruh penduduk. Di tahun 2000 akan menjadi 7% dan umur kita pun bertambah panjang disebabkan perkhidmatan perubatan negara kita begitu baik. Yang Berhormat salah seorang daripadanya yang membantu dari segi meningkatkan perkhidmatan perubatan. Jadi, kita berharap bahawa wargatua yang bertambah ini, umurnya bertambah panjang dan kita harap mereka lebih sihat daripada yang ada sekarang. Saya harap Yang Berhormat juga akan tolong beri nasihat kepada mereka, beri ubat kepada mereka supaya mereka menjadi lebih sihat dan tidak menjadi.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: ...nanti kejap. Tidak menjadi beban kepada keluarga mereka.

Dan memang unjuran kita tahu berapa ramai akan ada di tahun 2000 - 7% daripada penduduk. Di samping itu, kita juga bersedia, kita tahu keperluan, khidmat-khidmat pemulihan, khidmat-khidmat kesihatan yang diperlukan oleh wargatua. Itu sebabnya saya telah pun beberapa kali menyebut...

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Nantilah sekejap! Janganlah tidak sabar sangat. Saya telah beberapa kali menyebut iaitu kita perlu mengadakan bukan sahaja hospital-hospital, rumah sakit melarat, kita hendak membawa khidmat ini sebagai community-based, dengan izin, dan juga home-based supaya keluarga, anak-anak mereka sama-sama bertanggungjawab. Tidaklah semua wargatua yang dikatakan akan diabaikan tadi, itu di "dump"kan dengan kerajaan sahaja. Mana dia masyarakat penyayangnya kalau perkara-perkara itu dibuat. Oleh yang demikian, kita membuat persediaan. Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat janganlah susah hati. Mungkin Yang Berhormat tidak akan diabaikan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang pihak kami sentiasa menekankan begitu pentingnya, saya pun ada membantu untuk menyebarkan fikiran dan amalan yang baik. Walau bagaimanapun, saya nampak persiapan-persiapan dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian belum mencukupi termasuk persiapan yang kurang diambil untuk menghadapi

masalah raksasa kerana pendatang haram. Itu akan membebankan kebajikan kita dan saya nampak kementerian pun tidak membuat persiapan yang cukup untuk menghadapi consequence dan implikasi pendatang haram yang berjuta-juta orang.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat ini sudah bercampur aduk tidak pasal-pasal. Yang pendatang haram punya hal itu, ramai-ramai datang itu bukan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat punya tanggungjawab. Masalah sosialnya betul tetapi Yang Berhormat biarlah teliti sedikit, hendak bercakap biarlah baik-baik.

Kementerian memang telah pun...

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun lagi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Cukuplah itu! Mengambil langkah tertentu dalam menyedarkan masyarakat tentang isu-isu kesejahteraan keluarga, masalah remaja, penderaan dan pembuangan bayi, pengabaian orang tua, gadis-gadis hilang dan lain-lain dengan mengadakan program-program di antaranya seperti berikut; Gerakan Keluarga Bahagia; Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan pada setiap tahun dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan serta fungsi keluarga dalam menentukan perkembangan dan kesejahteraan bagi sesuatu keluarga dan kita hendakkan Hari Keluarga Kebangsaan ini diikuti pula dengan hari-hari keluarga di semua peringkat. Bahkan dalam tiap-tiap keluarga patut mereka

mengadakan hari keluarga mereka di mana semua anggota keluarga dapat duduk, dapat bincang bersama, dapat makan bersama dan seronok bersama.

Kementerian dengan kerjasama sektor korporat juga telah mendirikan rumah kanak-kanak sistem keluarga supaya kanak-kanak yang tiada keluarga boleh hidup dalam suasana berkeluarga. Sekarang ini kita telah ada empat rumah seperti ini selain daripada rumah kanak-kanak, institusi yang biasa di mana dalam sistem ini kita dapatkan ibu dan bapa angkat bagi sesebuah rumah. Satu-satu rumah itu kita dapat menempatkan 10 orang kanak-kanak. Sekiranya ada kanak-kanak daripada satu keluarga tiga orang atau empat orang, mereka tidak dipisahkan, semuanya diletakkan dalam keluarga tersebut dan sistem ini pada hemat kami adalah baik kerana yang telah ada kita wujudkan, ada di antaranya sudah pun berkahwin, mereka balik semula ke rumah ibu bapa angkat mereka itu sebagai "base" mereka. Jadi, ini adalah sistem yang akan terus kita galakkan dan akan kita laksanakan.

Hari Wargatua untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab mereka kepada wargatua kita adakan, bahkan dasar wargatua juga telah pun diluluskan oleh kerajaan dan kita sedang menubuhkan majlis untuk wargatua dan akan melaksanakan pelan tindakan untuk menentukan wargatua tidak terabai, mereka dapat dilindungi oleh undang-undang dan juga mempunyai harga diri. Jadi, Yang Berhormat yang risau-risau tadi itu, yang susah-susah hati itu boleh merasa tenang sedikit.

Juga penubuhan Jawatankuasa Kebajikan Juvana, Pasukan Perlindungan Kanak-kanak, Briged Kebajikan Perdana di negeri-negeri melibatkan sukarelawan dalam program kebajikan masyarakat dan memupuk budaya ikram dalam setiap ahli masyarakat supaya mereka sedia tolong-menolong antara jiran. Penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa ini akan menggalakkan masyarakat tempatan untuk memberi perkhidmatan keluarga yang berisiko tinggi. Tujuan kerajaan mewujudkan masyarakat penyayang ialah untuk menggalakkan ahli-ahli masyarakat melibatkan diri dalam program-program pencegahan di kawasan tempatan dan dengan itu akan menolong ahli-ahli masyarakat sendiri dan tidak hanya bergantung kepada kerajaan untuk mengambil semua tindakan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat dari Kota Bharu, Yang Berhormat dari Kepong, semuanya membangkitkan isu mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunjukkan amat prihatin terhadap isu keganasan rumah tangga atau keganasan terhadap wanita dan mengenai pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar apabila Yang Berhormat menuduh bahawa kementerian dan khususnya saya tidak mengambil tindakan atau sengaja melengah-lengahkan penguatkuasaan akta ini atau menjadi penghalang pula kepada pelaksanaan akta ini. Yang Berhormat, sebenarnya saya sendiri sejak 12 tahun yang lalu, bukan sebagai Menteri tetapi

sebagai seorang wanita memang telah mengambil tindakan bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain di bawah NGO untuk mendapatkan pembelaan terhadap wanita dalam akta-akta. NCWO - kita mengkaji semua akta yang bersangkutan dengan wanita dan kanak-kanak dan kita membuat kajian, menghantar memorandum kepada kerajaan dan adakah terfikir di fikiran bahawa seorang yang telah berjuang begitu lama untuk mendapatkan ini semua, sekarang menjadi penghalang.

Itu saya rasa, kalau ada anggapan seperti itu adalah salah. Sebenarnya apa yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah telah diambil sebaik sahaja Akta Kegunaan Rumahtangga diwartakan pada 7hb. Julai 1994 iaitu dengan tujuan menguatkuasakan akta ini. Seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 20(1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini iaitu Seksyen 20(2) menyatakan “bahawa tanpa menjejaskan keluasan subseksyen 1 peraturan-peraturan iaitu bolehlah mengadakan peruntukan bagi:-

- (a) penyelenggaraan satu daftar atau rekod oleh mahkamah mengenai perkara-perkara yang difailkan menurut akta ini;
- (b) borang-borang ditetapkan bagi apa-apa maklumat, laporan, aduan, perintah atau dokumen lain yang dikehendaki menurut akta.

Prosedur berkenaan dengan pemfailan apa-apa dokumen yang disebut dalam perenggan (b) dan pembuatan pencarian dan pemberian salinan-salinan yang diperakui bagi apa-apa dokumen yang disebut dalam perenggan (b),

penetapan fee yang boleh dikenakan bagi maksud-maksud akta ini dan apa-apa perkara lain yang di bawah akta ini dikehendaki atau dibenarkan supaya ditetapkan.

Selaras dengan peruntukan-peruntukan tersebut, kementerian telah pun mengadakan beberapa perbincangan bagi menyediakan draf borang serta prosedur bagi melaksanakan akta. Pihak Jabatan Peguam Negara juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat di dalam melaksanakan akta seperti bahagian pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, pihak mahkamah, pihak polis, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak Hospital Besar Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan selanjutnya ke arah pelaksanaan akta tersebut terhenti seketika apabila kerajaan memutuskan supaya Akta Keganasan Rumah Tangga dikaji semula, kerana terdapat pihak-pihak yang mendakwa akta itu bercanggah dengan hukum syarak.

Kerajaan meminta supaya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri meneliti perkara ini. Beberapa perbincangan telah diadakan dari tempoh ianya diberhentikan ataupun diberhentikan seketika itu sehinggalah mesyuarat yang akhir yang diadakan pada 21hb. Mac 1996 oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Islam di Pusat Islam. Keputusan telah dibuat bahawa Akta Keganasan Rumahtangga tidak bercanggah dengan hukum syarak, kerana akta itu adalah suatu undang-undang jenayah yang hendaklah dibaca bersama dan tertakluk kepada Kanun Keseksaan.

Justeru itu kerajaan khususnya Jemaah Menteri pada 27hb. Mac 1996 telah memutuskan bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga bolehlah dikuatkuasakan. Cuma saya ingat agaknya pihak-pihak akhbar ataupun pihak Yang Berhormat sendiri ada terkeliru sedikit, saya baca dalam *Hansard* mengatakan saya menyebut “sehingga akhir tahun baru boleh dikuatkuasakan”, tetapi ini tidak benar, mungkin pihak akhbar tersalah tulis, saya kata “saya perlukan sedikit masa untuk.....”

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: tunggu sekejap, Yang Berhormat, nanti saya beri. Saya memerlukan sedikit masa untuk pihak kementerian bersama-sama dengan jabatan-jabatan lain dan pihak-pihak lain yang berkaitan, yang akan bersama-sama melaksanakan undang-undang ini berbincang untuk mengemaskinikan keadaan dan infrastruktur yang diperlukan.

Saya sebut tidak adalah sampai akhir tahun pula. Itu rasa saya yang disalahtakrifkan, yang mengatakan “akan dikuatkuasakan pada akhir tahun” - ini adalah silap tafsiran di pihak akhbar.....

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah kalau Yang Berhormat Menteri kata untuk 12 tahun beliau ada bersama-sama berjuang dengan NGO-NGO untuk mengadakan akta seperti Akta Keganasan Rumah Tangga. Tetapi apa yang kita mahu dapat keterangan ialah kalau begitu dengan latar belakang yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri untuk mendapat keadilan bagi wanita-wanita dalam kes

keganasan rumah tangga. Beliau mengatakan bahawa surat khabar adalah salah tafsir apa yang beliau kata bahawa mahu tunggu sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun ini barulah akta tersebut boleh dilaksanakan.

Yang pertama, kalau itu salah tafsir, kenapa tidak ada penjelasan pembedaan (correction)?

Yang kedua, bukan sahaja mahu tunggu sehingga akhir tahun ini baru boleh dilaksanakan akta tersebut, tetapi Yang Berhormat Menteri pun ada dilaporkan berkata “tidak apa usaha-usaha ada dimulakan untuk menggubalkan peraturan-peraturan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan Akta Keganasan Rumah Tangga”, tetapi beliau tidak sebut kenapa beliau boleh berkata begitu.

Tadi, Yang Berhormat Menteri kata sebaik sahaja Akta Keganasan Rumah Tangga digezetkan bulan Julai tahun 1994 usaha dimulakan dan diberhentikan apabila kerajaan membuat keputusan untuk mengkaji semula sama ada bercanggah dengan akta-akta atau undang-undang Islam. Jadi, boleh kita tahu bila kerajaan membuat keputusan untuk memberhentikan segala usaha untuk menyiapkan peraturan-peraturan dan borang-borang yang diperlukan untuk menguatkuasakan akta tersebut, bila kerajaan membuat keputusan itu?

Yang ketiga, bolehkah kita dapat jaminan bahawa akta tersebut tidak lagi ada apa-apa kelewatan timbul khasnya oleh kerana Yang Berhormat Menteri dengan latar belakang sebagai pejuang untuk nasib mangsa keganasan keluarga supaya akta ini boleh dilaksanakan, boleh dikuatkuasakan dengan masa yang sependek-pendeknya, satu bulan, dua bulan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat itu tidak sempat saya hendak beri penjelasan, dia hendak dapat mileage, surat khabar akan membuat ceritanya.

Bagi maksud menguatkuasakan akta ini menteri menetapkan tarikh melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan suka saya memaklumkan, setelah perbincangan-perbincangan di antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi diadakan, bahawa disetujui akta ini boleh dilaksanakan dengan sendirinya, walaupun tidak perlu mengadakan beberapa perkara. Apa yang perlu dan telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat seperti bahagian pendakwaan, Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan hospital ialah carta aliran prosedur tindakan untuk membawa kes keganasan rumahtangga ke mahkamah. Jadi, ini telah dipersetujukan.

Sebenarnya Yang Berhormat tanya tadi bila kerajaan berhentikan, '27hb. Mac 1995' arahan supaya akta itu diberhentikan seketika dari dikuatkuasakan. Dalam tempoh dari 21hb. Mac sampailah kepada 27 Mac itu kami telah menjalankan berbagai-bagai usaha, banyak usaha, berbincang, kerana kita perlu berbincang Yang Berhormat. Kita tidak mahu seperti kata pepatah "rumah sudah siap, pahat berbunyi" kerana kalau kita terus juga melaksanakan akta itu nanti secara terbuka ada pula tuduhan-tuduhan, ada pula pihak-pihak yang mengatakan "tidak setuju" dan sebagainya, kita akan menghadapi lebih kesulitan. Dan perkara yang berkaitan dengan agama adalah perkara sensitif dan kementerian ini adalah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita tidak boleh membiarkan perkara-perkara yang boleh menggugat keharmonian dalam masyarakat.

Itu sebabnya kita mengambil sedikit masa, berbincang dengan baik dan meneliti dan akhirnya telah mendapat persetujuan. Maka bersyukurlah kita

bahawa semua pihak telah pun mendapat persetujuan, bersetuju akta ini boleh dilaksanakan dan usaha-usaha atau kerja-kerja yang masih lagi atau yang sedang dilaksanakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab iaitu jabatan-jabatan tadi ialah satu penentuan tempat selamat atau tempat berlindung serta badan-badan pendamai yang boleh dilakukan secara pentadbiran oleh jabatan-jabatan yang berkenaan.

Program latihan bagi pegawai-pegawai penguatkuasa iaitu pegawai polis, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diberi jaminan oleh jabatan-jabatan boleh dilaksanakan dengan serta merta dan secara berterusan.

Kandungan akta ini akan dijadikan sebahagian daripada kurikulum latihan bagi pegawai-pegawai. Dan pegawai-pegawai polis, pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bersama-sama dengan media dan NGO melalui program-program tertentu, seperti literasi undang-undang dan lain-lain program akan membuat penerangan, memberikan penerangan dan kefahaman mengenai akta ini kepada semua pihak dalam masyarakat.

Saya tidak mahu mana-mana pihak menganggap bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga ini melindungi hanya wanita. Ia meliputi setiap anggota keluarga yang ada tinggal bersama, ibu, bapa, mertua, adik beradik, anak dan semuanya. Dan bukan hanya melindungi wanita. Oleh yang demikian, kita sama-sama hendaklah memberikan penerangan dan kefahaman kepada semua dalam masyarakat agar mereka tahu bagaimana mereka boleh mendapat perlindungan dan bagaimana mereka boleh mendapat pembelaan daripada akta ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Daripada kenyataan Yang Berhormat tadi, adakah ini bermakna akta ini telah berkuatkuasa sekarang? Yang keduanya, saya nampak akta ini diwartakan pada 7hb. Julai, 1994 dan kemudian diberhentikan buat seketika pada 27hb. Mac, 1995. Ini bermakna ada lapan, sembilan bulan di dalam tempoh itu, barulah kerajaan dapat membuat keputusan untuk memberhentikan. Di dalam lapan, sembilan bulan itu, adakah pihak kementerian sudah buat persiapan dan peraturan untuk menguatkuasakan akta tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju, kita terpaksa peka kepada agama, dan kalau ada kesangsian, ada syak wasangka daripada pihak yang tertentu kita mesti mengambil dengan serius. Apabila ini diluluskan pada 21hb. Mac 1996, maka kalau mengikut kenyataan Yang Berhormat tadi, tidak ada halangan, tidak ada masalah, ini dikuatkuasakan dengan serta-merta. Tetapi timbul masalah sekarang, mungkin kerana penjelasan jabatan Yang Berhormat itu tidak begitu jelas.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Apa yang tak jelas lagi, saya belum habis lagi menjelaskan, Yang Berhormat sudah sambung di tengah-tengah. Orang ini masuk tengah! Orang ini masuk tengah! Saya belum habis lagi menjelaskan. Ini hendak jelaslah, hendak terus jelaskan. Apa lagi hendak minta jelas.

Tuan Lim Kit Siang: Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kata bahawa di bulan Mac 1995 kerajaan atau Kabinet buat keputusan untuk kaji semula akta tersebut sama ada bercanggah. Kenapa masa itu apabila kerajaan buat satu keputusan untuk memberhentikan semua usaha untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Keganasan Rumah Tangga, dan membelakangkan keputusan Parlimen di bulan April 1994 untuk meluluskan akta tersebut memberi perlindungan undang-undang kepada golongan wanita dan kanak-kanak dan lain-lain anggota daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga, keputusan itu tidak dibuat, diumumkan kepada orang ramai, khasnya diumumkan kepada Ahli Parlimen. Inilah satu usaha yang dengan izin, untuk menentang kemahuan keputusan will Parlimen. Kenapa satu pemberitahu tidak dibuat secara umum, pertama.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri kalau belum rela, oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata undang-undang ini boleh berdiri atas sendiri, stands on its own. Kalau belum, bolehkah hasrat untuk letak signature dia supaya akta ini sekarang boleh dikuatkuasakan?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Itulah saya kata tadi belum sempat saya jelaskan habis, sudah bercakap macam itu. Berdasarkan persediaan-persediaan yang telah pun dirangka bersama-sama oleh pihak Jabatan Peguam Negara, iaitu Yang Berhormat dari Kepong bertanya mengenai apa yang dibuat di antara Julai 1994 sampai Mac 1995. Pada masa itu, perbincangan-perbincangan telah diadakan carta aliran telah pun didraf, borang-borang telah pun didraf.

Tetapi bila ada arahan, maka ianya terberhenti. Saya tahu Yang Berhormat itu semuanya lawyer, peguam-peguam. Saya bukan peguam, tetapi saya hendak mengatakan perkara yang benar di sini.

Jadi, telah pun dirangka bersama pihak Jabatan Peguam Negara, Polis, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, dengan pihak hospital dan dengan kerjasama NGO, insya-Allah kita telah pun boleh bersedia melaksanakan undang-undang ini kerana ia perlu pula saya tandatangani warta dan memakan masa satu bulan untuk ianya boleh dikuatkuasakan. Maka awal bulan Jun ianya sudah boleh dikuatkuasa dan terlaksana.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Itu saya punya hallah. Saya tahulah berapa lama masa saya perlu untuk beri. Yang Berhormat tak ada prerogative itu, saya yang ada prerogative itu. Saya akan menetapkan tarikh penguatkuasaan akta ini melalui pemberitahuan dalam warta. Dan diharap selepas ianya dapat kita laksanakan, tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada kementerian, kepada kerajaan yang tak memberi sokongan dan sebagainya itu, hapuslah sama sekali, kalau kita sama-sama benar dengan ikhlas untuk mewujudkan ketenteraman, kesejahteraan dan kebahagiaan dalam rumah tangga dalam masyarakat kita. Saya harap pembangkang, kerajaan, semua pihak mesti bekerjasama.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli-ahli Yang

Berhormat dari DAP dan S46 semuanya atas ulasan, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah diberikan mengenai bidang tugas Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Mana-mana yang tidak saya sebutkan, tak sempat saya jawab, insya-Allah akan kita ambil tindakan yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kementerian Kesihatan.

8.47 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan beberapa Ahli Dewan ini terhadap pelbagai isu mengenai perkara-perkara yang menyentuh fungsi Kementerian Kesihatan serta memberikan cadangan-cadangan sewaktu membincangkan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerana perkenan Baginda menyampaikan Ucapan DiRaja pada 25hb. Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kangar yang membangkitkan isu kualiti dalam penjagaan kesihatan, terutama dalam usaha kerajaan membanteras dan mengawal penyakit-penyakit seperti AIDS, barah, jantung dan lain-lain. Beliau seterusnya menyarankan langkah meningkat penyelidikan dan pembangunan serta kempen yang meluas yang melibatkan semua pihak.

Kementerian Kesihatan memang sentiasa menyedari bahawa kepesatan pembangunan dan cara hidup moden telah memberi cabaran yang besar dalam

perancangan pencegahan penyakit seperti yang dinyatakan tersebut Atas kesedaran tersebut, Kementerian Kesihatan telah pun mengambil tindakan awal dengan melancarkan Kempen Cara Hidup Sihat sejak tahun 1991 hingga 1996 bertemakan penyakit-penyakit. Penyakit-penyakit tersebut ialah penyakit kardiovaskular - 1991, penyakit AIDS - 1992, penyakit bawaan makanan - 1993, penyakit kanak-kanak -1994, penyakit kanser - 1995, dan penyakit diabetes - 1996. Kempen enam tahun ini telah menelan belanja sebanyak RM9.02 juta dan kempen-kempen ini mensasarkan kepada kesedaran orang ramai kepada penyakit-penyakit cara hidup yang dinyatakan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa masih banyak yang boleh dipertingkatkan, Kementerian Kesihatan telah merancang langkah yang lebih agresif dan akan melancar promosi Kempen Cara Hidup Fasa II yang akan bermula pada tahun 1997 hingga tahun 2002.

Kempen ini akan memberi fokus kepada pelbagai masalah kesihatan yang berasaskan tabiat atau tingkah laku. Pendekatan ini lebih keberkesanan kos atau cost-effective, dengan izin, kerana ia dapat menyelesaikan beberapa masalah dengan menumpukan kepada faktor risiko yang sama, contohnya, Promosi Makanan Sihat akan memotong rentas berbagai penyakit seperti jantung, darah tinggi, diabetes, kanser.

Tema Kempen Cara Hidup Sihat (fasa 2) yang memakan masa selama enam tahun dari 1997 hingga 2002 akan memberi tumpuan kepada promosi bagi tahun 1997 - Kempen Promosi Makanan Sihat; 1998 - Kempen Promosi

Kecergasan dan Kesihatan; 1999 - Kempen Promosi Keselamatan (Di rumah, Tempat Kerja dan Jalan Raya); tahun 2000 - Kempen Promosi Keluarga Sihat; tahun 2001 - Kempen Promosi Kesihatan Mental; tahun 2002 - Kempen Promosi Persekitaran Sihat.

Kempen-kempen yang dijalankan tidak akan memberi apa-apa makna sekiranya tidak dikaji kesannya. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan tinjauan dan kajian bagi memastikan kempen-kempen yang dijalankan itu berkesan dan memberi manfaat kepada orang ramai.

Pada tahun 1995 dan 1996, Kementerian Kesihatan telah dan sedang menjalankan beberapa kajian penting yang lebih meluas bertujuan antara lain mencari jawapan kepada persoalan yang berbangkit. Kajian kebangsaan mengenai kanser, penyakit jantung dan diabetes sedang dalam proses penganalisan data. Kajian-kajian ini membolehkan pengamatan dibuat terhadap perubahan tingkah laku yang lambat untuk menunjukkan kesan.

Satu lagi kajian yang akan dijalankan secara besar-besaran di seluruh negara ialah Kajian Morbiditi Dan Kesihatan Kebangsaan II yang mula dijalankan pada tahun ini akan dapat memberi jawapan lebih jelas terhadap kejayaan kempen-kempen yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Cheras telah mencadangkan supaya diperketatkan dan seterusnya dikaji semula pengawalan kepada perkhidmatan yang diberi oleh hospital swasta. Beliau juga telah

menyarankan supaya tindakan menswastakan perkhidmatan hospital berjalan kerajaan diberhentikan supaya rakyat miskin tidak dibebankan dengan kadar bayaran yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hospital swasta adalah dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 dan Peraturan-peraturan Hospital Persendirian 1973.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi hospital-hospital swasta ini ke arah menjamin perkhidmatan berkualiti kepada pesakit serta mematuhi kehendak akta tersebut. Walaupun Kementerian Kesihatan tidak mengawal kadar bayaran yang dikenakan kepada pesakit oleh hospital swasta, pihak pentadbiran hospital tersebut telah diarah menggunakan garis panduan Persatuan Perubatan Malaysia mengenai kadar bayaran kepada pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini hanya sebahagian dari perkhidmatan sokongan perubatan telah diswastakan. Caj yang dikenakan terhadap pesakit masih berdasarkan jadual sedia ada dan tiada kenaikan. Prosedur pengecualian untuk pesakit miskin masih wujud. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastan hospital secara keseluruhannya masih dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat ada menyentuh terhadap kejadian-kejadian yang menjejaskan imej perkhidmatan dan pentadbiran di hospital-hospital kerajaan dan juga masalah kekurangan katil di Hospital Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memang mengakui bahawa terdapat perkhidmatan-perkhidmatan seperti sistem informasi pesakit perlu dikemaskinikan dan ditingkatkan melalui penggunaan sistem komputer.

Kementerian juga mengambil perhatian serius terhadap pelaksanaan budaya korporat dengan mengukuhkan ciri-ciri konsep penyayang serta bekerja secara berpasukan. Pelaksanaan program ini adalah secara berterusan di semua hospital.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah kesesakan di Hospital Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan amat menyedari bahawa keupayaan 2,528 buah katil yang ada sekarang masih tidak mencukupi. Oleh yang demikian, kementerian bercadang merancang pembinaan lebih banyak hospital di kawasan Lembah Kelang termasuk Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di Cheras, Hospital Ampang, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang Baru. Dengan pembinaan hospital-hospital tersebut, bererti ada tambahan jumlah katil sebanyak 2,930 buah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tawau telah meminta supaya di pertingkatkan lagi kemudahan di klinik-klinik kesihatan dan Hospital Daerah Tawau. Kementerian Kesihatan sentiasa peka dengan keperluan rakyat khususnya dalam perkhidmatan perawatan atau curative dan pencegahan atau preventive. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah memohon beberapa

kemudahan baru supaya diperkenalkan di hospital dan klinik-klinik kesihatan agar ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

Berhubung dengan Hospital Tawau, satu blok baru telah pun dibina pada tahun 1995 dan beberapa projek lagi sedang dibincang untuk dinaikkan taraf atau diperkenalkan pada tahun ini. Begitu juga kemudahan infrastruktur yang telah dirancang termasuk rumah kediaman kakitangan, Unit Rawatan Psikiatrik blok wad.

Bagi perkhidmatan kesihatan di daerah Tawau, empat buah klinik kesihatan dan dua buah klinik pergigian telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

8.55 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab beberapa perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di atas Usul Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan memberi pandangan, cadangan dan teguran yang menyentuh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Yan dan Machang telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan pengambilan tanah. Ahli Yang Berhormat dari Yan mencadangkan supaya tanah-tanah rizab Melayu yang diambil hendaklah diganti dan proses pembatalannya diperketatkan iaitu dengan mendapat kelulusan Kerajaan Pusat.

Beliau juga menyentuh tentang cara dan kadar pampasan diberikan. Menurutny lagi, tuan tanah patut diberi ekuiti dalam projek-projek yang terlibat dan kadar pampasan yang dibayar hendaklah mengikut kadar harga yang berpatutan.

Ahli Yang Berhormat dari Machang pula mahukan supaya janganlah pihak kerajaan menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk menganiaya rakyat. Beliau seterusnya mencadangkan supaya dibuang seksyen 3B akta tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa isu pengambilan tanah sekarang ini mendapat perhatian orang ramai dan dibincang di pelbagai peringkat. Bagi mengemaskini Akta Pengambilan Tanah 1960, kerajaan pada masa ini dalam proses meminda beberapa peruntukan yang terdapat di dalam akta tersebut supaya ianya lebih telus, mantap dan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan semua pihak, lebih-lebih lagi orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Yan telah membangkitkan isu-isu berhubung dengan tanah rizab Melayu secara khusus, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit ulasan. Di bawah peruntukan yang dimasukkan ke dalam Fasal 3 Perkara 89 Perlembagaan Pesekutuan yang mula berkuatkuasa pada 15hb. Mei, 1981, kerajaan negeri perlu mengisytiharkan kawasan lain yang sama dari segi sifatnya sebagai perizaban Melayu jika sesuatu kawasan terhenti daripada menjadi demikian.

Walau bagaimanapun, luas tanah yang digantikan itu tidak boleh lebih dari luas tanah yang terhenti menjadi perizaban Melayu. Dengan adanya kehendak undang-undang seperti ini, maka tidak akan wujud pengurangan bagi keluasan perizaban Melayu. Enakmen-enakmen perizaban Melayu mempunyai peruntukan yang melarang tanah rizab Melayu dari dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu. Bukan sahaja melalui pendaftaran di bawah Kanun Tanah Negara tetapi juga melalui cara lain seperti kontrak.

Sebarang percubaan untuk meletakkan tanah rizab Melayu kepada orang bukan Melayu adalah tidak sah. Oleh itu, jika wujud penjualan secara kontrak kepada orang bukan Melayu, pembeli berkenaan menghadapi risiko kehilangan hak yang diperolehi melalui cara yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.

Di antara masalah-masalah untuk memajukan tanah rizab Melayu ialah, wujudnya tanah-tanah itu dalam petak-petak yang kecil. Dalam keadaan yang demikian, sesebidang tanah tidak wajar dimajukan secara berasingan. Tanah-tanah itu perlu dimajukan serentak.

Ini tentu sukar untuk dilakukan oleh sebab tanah-tanah itu dimiliki oleh tuan-tuan tanah yang berlainan, malahan bagi sesuatu petak pun, masalah wujud disebabkan oleh co-proprietorship, dengan izin, iaitu ianya dimiliki oleh lebih dari seorang. Oleh yang demikian, sekiranya masalah kekurangan sumber kewangan dapat diatasi, adalah belum pasti tanah rezab Melayu dapat dimajukan. Oleh sebab masalah-masalah tersebut, pada masa ini Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sedang berusaha untuk mencari jalan agar tanah rezab Melayu yang terletak di lokasi-lokasi strategik dapat dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan persoalan tanah terbiar. Beliau mencadangkan supaya kementerian membangun dan memajukan melalui agensi-agensi yang ada. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, undang-undang tanah yang sedang berkuatkuasa iaitu Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa tanah yang tidak diusahakan dan dibiarkan dalam tempoh tertentu seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat yang tersirat bagi setiap kategori tanah dianggap sebagai melanggar syarat kegunaan tanah, iaitu tanah itu tidak diusahakan seperti disyaratkan dalam hak milik. Pihak berkuasa negeri boleh mengambil beberapa tindakan terhadap tanah tersebut. Tindakan-tindakan boleh dibuat di bawah Seksyen 127, Kanun Tanah Negara iaitu dengan mengenakan denda yang tidak kurang dari RM500.00 kepada tuan punya tanah dan jika pelanggaran syarat itu terus-menerus berlaku boleh mengenakan denda tambahan tidak kurang dari RM100.00 bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu berlanjutan.

Lanjutan kepada Seksyen 127 di atas, tindakan di bawah Seksyen 29 boleh diambil di bawah seksyen ini. Pihak berkuasa negeri diberi pilihan seperti berikut:

- (i) memberi tempoh masa yang tertentu kepada tuan tanah untuk membaiki pelanggaran syarat tersebut;
- (ii) merampas tanah itu; atau
- (iii) memiliki sementara tanah itu, dalam bahasa Inggeris 'ex-temporary possession'?

Bagi tanah yang dimiliki sementara itu, pihak berkuasa negeri boleh melantik mana-mana orang atau badan untuk membangunkan tanah-tanah yang berkenaan. Selepas pelanggaran syarat itu telah dibaiki, tanah itu dikembalikan kepada tuan tanah dengan syarat bahawa tanah itu mesti diselenggarakan dengan baik.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setelah mendengar bermacam-macam ulasan yang diberi oleh pihak kementerian, terutamanya sebentar tadi berkenaan dengan soal rezab tanah Melayu atau bumiputera dan juga undang-undang yang ada dari segi menentukan tanah terbiar, yang mana kita semua sedia maklum bahawa kuasa-kuasa ini terletak kepada kerajaan negeri dan kita dapati banyak masalah-masalah yang berlaku dari segi

penguatkuasaan, ini pula yang betul-betulnya berlaku kejadian di peringkat negeri. Saya ingin bertanya apakah kuasa yang ada di peringkat kementerian, sungguhpun undang-undang telah ada, tetapi banyak kelemahan-kelemahan berlaku di peringkat-peringkat negeri. Apakah sesuatu undang-undang yang ada pada kementerian untuk menentukan ataupun mengatasi permasalahan ini jangan berterusan? Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Tanah menjadi sekretariat untuk Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh beberapa Menteri Kabinet dan semua Menteri Besar atau Ketua Menteri. Kementerian boleh menasihatkan Yang Amat Berhormat Pengerusi dan kertas kerja boleh disediakan dan perkara-perkara seperti Yang Berhormat sebutkan tadi boleh dibangkitkan dalam Majlis Tanah Negara. Melalui prosedur dan cara ini, kerajaan persekutuan bolehlah membawa perhatian kepada kerajaan negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tanah di mana tuan tanah telah meninggal dunia dan tiada permohonan oleh waris untuk menuntut harta pusaka, tanah itu boleh diambil tindakan untuk mengembalikan kepada pihak berkuasa negeri di bawah Seksyen 351, Kanun Tanah Negara. Dari segi pembangunan pula, usaha-usaha untuk memajukan tanah-tanah terbiar telah banyak dilakukan oleh agensi-agensi dan jabatan-jabatan di bawah kementerian lain seperti FELCRA, LPP,

Jabatan Pertanian dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, tindakan kerajaan dalam menangani masalah tanah terbiar adalah serius.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah membangkitkan masalah-masalah yang berkaitan dengan pembangunan tanah Native Customary Rights, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanah Native Customary Rights ianya adalah di bawah pengawasan dan pengawalan pihak berkuasa negeri. Walau pun demikian, persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu itu akan dirujuk kepada Pentadbir Tanah Negeri Sarawak untuk penelitian dan tindakan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah mencadangkan supaya diwujudkan satu jenis undang-undang bagi menghalang mana-mana pihak untuk mengambil atau menggunakan tanah yang penting untuk generasi yang akan datang. Cadangan tersebut akan dipertimbangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kanun Tanah Negara digubal berasaskan Perkara 76(4), Perlembagaan Persekutuan untuk menyeragamkan perkara-perkara yang telah ditentukan sahaja. Pada masa sekarang terdapat banyak lagi undang-undang yang digunakan untuk menguruskan perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, di antaranya ialah Antiquities Acts, Akta Perancang Bandar dan Desa dan Akta Kerajaan Tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat telah membangkitkan berhubung dengan setingan dan pencerobohan tanah khasnya di daerah Hulu Langat. Pada hemat saya isu ini adalah isu penguatkuasaan. Sebagaimana Yang Berhormat

sedia maklum, perkara ini adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Kanun Tanah Negara mempunyai peruntukan-peruntukan yang mencukupi bagi menangani isu ini seperti contohnya, Seksyen 42(5) memperuntukkan pendudukan atau penggunaan atau mendirikan bangunan di atas tanah kerajaan atau tanah rezab atau tanah lombong adalah telah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun.

Bagi orang-orang yang bersubahat dalam melakukan kesalahan ini ianya boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penguatkuasaan adalah sesuatu yang rumit, ia melibatkan isu-isu sosial dan lain-lain. Oleh yang demikian, perancangan yang teliti dan kerjasama dari semua pihak amatlah diperlukan.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang fahamlah tentang permasalahan yang berlaku di kalangan pendatang-pendatang haram yang cuba mendapatkan peluang dan kesempatan untuk menduduki tanah-tanah yang ada di kawasan-kawasan, di negeri-negeri. Jadi, saya ingin tahu, melihat kepada kelemahan-kelemahan yang ada di pejabat-pejabat tanah daerah dan juga di pejabat-pejabat tanah negeri, apakah peranan kementerian ke arah melihat perkara ini supaya ia tidak berleluasa? Saya ingat

satu unit yang ditubuhkan di kementerian harus memainkan peranan yang penting dan harus mengerjakan lagi rondaan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan di peringkat negeri dan daerah. Kalau tidak silap saya ada Unit Naziran yang ditubuhkan di Kementerian-kementerian Tanah dan lain-lain kementerian juga harus memainkan peranan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita lihat rata-ratanya, permasalahan ini serupa macam tidak nampak oleh pejabat-pejabat yang berkenaan dan malah kadang-kadang itu tanah milik kerajaan pun diduduki oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini adalah merupakan satu kelemahan yang tidak boleh dibiarkan. Jadi, saya mohonlah penjelasan, apakah inisiatif yang boleh dibuat oleh kementerian supaya masalah ini tidak berlaku berterusan di peringkat negeri dan daerah? Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran seperti disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi merupakan inisiatif kerana kementerian saya akan mengambil berat pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan memandangkan bahawa beberapa Ahli Yang Berhormat telah membahaskan isu ini, kementerian saya akan teliti dan kami akan membawa perkara ini kepada perhatian Majlis Tindakan Negara untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan beberapa perkara, antaranya:

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan sekeping tanah di Kampung Telok, Jalan 8, Prai dengan mengenakan premium sebanyak RM29 juta tetapi pemaju hanya dikehendaki membayar RM5.3 juta sahaja;
- (b) tanah Kerajaan Persekutuan di Lot 71, Seksyen 4, Butterworth dijual kepada Syarikat Caymen, Kedah Sdn. Bhd.;
- (c) kolam oxidasi kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sebarang Prai di Jalan Jean Perry, diambil oleh pihak swasta untuk dijadikan pusat komersial; dan
- (d) pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri Kedah di Jalan Bakar Arang, Sungai Petani untuk tujuan pembangunan ekonomi dibayar pampasan RM8 satu kaki persegi sedangkan pada dakwaannya nilai tanah kawasan berkenaan ialah RM50 satu kaki persegi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi isu (a) dan (b), ini adalah projek penswastaaan kerajaan negeri. Bagi kes (a) ianya dibangunkan dengan kos rendah dan sederhana atas kawasan yang diduduki oleh setinggan untuk kepentingan mereka yang ada di kawasan berkenaan. Projek ini dilaksanakan oleh kerajaan negeri sendiri. Kerajaan Persekutuan tidak terlibat.

Bagi kes (b) pula, ianya adalah merupakan tanah kerajaan negeri dan projek yang sedang dijalankan adalah mengikut kaedah yang paling sesuai difikirkan oleh kerajaan negeri untuk pembangunan bandar Butterworth. Tanah ini bukan tanah Kerajaan Persekutuan.

Bagi kolam oksidasi di Jalan Jean Perry, Butterworth, Kerajaan Pusat telah pun membuat dasar di bawah projek penswastaan perkhidmatan pembentungan di seluruh negara kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Bagi kes pengambilan tanah di Jalan Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah, ianya di buat di bawah seksyen 3(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 dan nilai yang diberi adalah berdasarkan kepada laporan penilaian yang dibuat oleh jabatan kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya tuan tanah tidak puas hati dengan pampasan yang diberi, mereka boleh mengemukakan rayuan ke mahkamah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ingin minta penjelasan dan dengan pengambilan tanah di Bakar Arang. Sebentar tadi Yang Berhormat ada berkata bahawa kerajaan masih menimbang beberapa perkara untuk meminda Akta Pengambilan Tanah dan dari masa sekarang sehingga akta ini dipinda dalam Parlimen yang akan datang atau pada bila-bila, kami pun belum diberitahu. Terdapat beberapa kerajaan negeri sedang berlumba-lumba untuk mengambil tanah-tanah yang dikehendaki sebelum pindaan akta ini dilaksanakan. Saya bertanya kepada Yang Berhormat, sama ada Kerajaan Pusat bercadang atau berminat hendak membekukan segala pengambilan tanah oleh kerajaan negeri semasa menunggu Akta Pengambilan Tanah ini dipinda dalam Dewan yang mulia

ini? Pada masa ini kerajaan perlu membekukan semua pengambilan tanah supaya ini akan menjadi satu keadilan kepada tuan-tuan punya tanah. Sekiranya pada masa sekarang, sebidang tanah diambil oleh kerajaan dan pada bulan yang akan datang, akta ini dipinda, apa perasaan tuan tanah yang tanahnya telah diambil satu bulan sebelum kuatkuasa pindaan baru Akta Pengambilan Tanah itu?

Jadi, seperti di Jalan Bakar Arang, Sungai Petani ini, keluasan tanah ini memang besar dan tuan-tuan punya tanah ramai terlibat dengan pengambilan tanah ini dan Kerajaan Negeri Kedah sedang berusaha dengan cepat hendak mengambil tanah ini dan kes ini bolehlah menjadi satu 'test case' untuk Kerajaan Persekutuan sama ada ikhlas hendak menolong tuan-tuan punya tanah yang terlibat dalam pengambilan tanah ini. Sekian.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Bagan sendiri sedia maklum, Kerajaan Persekutuan tiada kuasa untuk mengarahkan kerajaan negeri berhenti mengambil tanah mengikut undang-undang kerana kuasa ini terletak dalam tangan kerajaan negeri tetapi seperti Yang Berhormat pun ada baca dalam surat khabar dan Yang Berhormat pun faham, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengambil berat tentang perkara ini dan mereka pun telah memberi pandangan mereka dalam mesyuarat-mesyuarat kerajaan yang tertentu.

Tuan yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hanya ada satu soalan pendek sahaja. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah pindaan ini akan dikemukakan kerana kita telah dengar, saya rasa sejak hampir 2 tahun bahawa pindaan akan dibuat, tetapi sehingga hari ini, bayang-bayang pun kita belum tengok lagi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilakah pindaan akan dikemukakan kerana semua rakyat Malaysia menunggu-nunggu pindaan ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, kami pun mahu kelmarin mengemukakan pindaan, tetapi oleh kerana pindaan ini memerlukan penelitian yang begitu besar dan juga perlu dibincang dan diluluskan oleh Majlis Tanah Negara dan oleh Jemaah Menteri dan perlu mendapat nasihat dari pakar undang-undang, jadi ini akan mengambil sedikit masa. Jadi, saya berdoa tidak lama lagi pindaan ini akan dikemukakan. Kami akan bekerja secepat mungkin untuk mengemukakan pindaan ini kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan di mana perlu, kementerian akan meneliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Pembangunan Usahawan.

9.23 mlm.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian menyentuh Kementerian Pembangunan Usahawan dalam perbahasan Titah DiRaja.

Ada 5 perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertamanya MARA; yang keduanya UDA; yang ketiganya Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Sarawak; yang keempat mengenai program vendor dan francais; yang kelima, teksi di Kuala Lumpur dan yang keenam, masalah bas mini.

Mengenai MARA, Ahli Yang Berhormat dari Yan mencadangkan agar lebih ramai lagi penuntut-penuntut bumiputera dihantar ke luar negara.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru mencadangkan agar peruntukan yang mencukupi disediakan kepada MARA untuk membolehkannya memainkan peranan bagi mendidik dan melatih bumiputera dan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru juga menyanjung tinggi peranan MARA dalam melatih anak-anak bumiputera mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus pula membangkitkan isu Pusat Giat MARA yang mengikut beliau, beberapa buah Pusat Giat MARA di Terengganu telah dipotong perbelanjaannya sehingga telah menjejaskan latihan yang diberikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pula membangkitkan tentang masalah penyelewengan dan juga pembaziran dalam MARA.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu menyatakan bahawa di zaman sekarang, peruntukan biasiswa MARA dikurangkan.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Tambun yang menyarankan agar pengurusan MARA lebih cekap dan lebih profesional.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menjelaskan dengan terperinci isu-isu yang dibangkitkan mengenai MARA kerana kita sekarang ini dalam peringkat terakhir untuk menyediakan laporan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Audit, yang pertama Audit Pengurusan dan keduanya Audit Kewangan dan pada masa ini laporan hampir siap. Oleh itu saya tidak hendak memaklumkan secara terperinci ataupun mengulas secara terperinci pandangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Cuma saya ingi nmenekankan bahawa MARA tetap merupakan agensi yang penting untuk membela kepentingan bumiputera, sama ada dalam bidang latihan, dalam bidang perniagaan dan dalam bidang usahawan. Maka itu, kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya kepada keperluan MARA. Pihak kementerian sedang berunding, khususnya dengan Kementerian Kewangan dan juga Unit Perancang Ekonomi bagi memastikan bahawa program-program MARA akan dapat dilaksanakan, seperti mana yang dilaksanakan di tahun-tahun yang lalu.

Mengenai dakwaan bahawa pada masa sekarang peruntukan MARA adalah lebih rendah daripada masa-masa lalu, ini adalah tidak benar. Hakikatnya,

dari tahun ke tahun, peruntukan untuk MARA bertambah. Perbelanjaan sebenar MARA bagi biasiswa umpamanya bagi tahun 1991 cuma RM121.4 juta, tahun lalu sebanyak RM351.2 juta. Dari segi bilangan pelajar yang ditaja oleh MARA, bagi tahun 1991, bilangannya 5,357 dan tahun lepas seramai 15,729 orang, kebanyakannya di dalam negara.

Mengenai cadangan supaya kita menghantar lebih ramai pelajar ke luar negara, ini adalah bercanggah dengan dasar kerajaan sekarang di mana kerajaan berhasrat, demi untuk mengurangkan masalah imbangan pembayaran dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, maka kebanyakan pelajar under graduates, khususnya dalam bidang tertentu akan dibiayai menuntut dalam negara kita.

Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan sedang mengambil perhatian yang serius terhadap masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya kesan pengurangan peruntukan MARA terhadap Pusat-pusat Latihan Giat MARA, MRSM dan juga IKM dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah dalam pertimbangan kerajaan.

Mengenai UDA, Ahli Yang Berhormat dari Yan kluatir sama ada UDA dapat memainkan peranan dengan berkesan apabila diswastakan. Saya ingin menjelaskan bahawa UDA tidak akan diswastakan. UDA akan dikorporatkan dan bil mengenai perkara ini akan dibentangkan, insya-Allah, dalam sesi ini iaitu satu dua hari akan datang.

Dalam pada itu, kita ingin menegaskan bahawa walaupun UDA dikorporatkan, UDA tetap akan memainkan peranan untuk menyusun semula masyarakat di bandar khususnya. Saya ingin memaklumkan bahawa sepanjang tempoh penglibatan UDA dalam pembangunan hartanah, bumiputera mendapat perhatian yang begitu tinggi dan rumah-rumah yang dibina oleh UDA, 73% didiami oleh bumiputera dan ruang niaga yang disewakan oleh UDA, 76.2% adalah disewakan kepada bumiputera. Walaupun UDA dikorporatkan, UDA akan tetap membela kepentingan bumiputera dan memastikan bahawa penyusunan semula premis dan penyusunan semula hak milik hartanah di kawasan bandar akan dapat diperbaiki.

Yang ketiga, perkara Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bintulu mengenai masalah mendapat permit lori, kaedah permohonan, proses yang panjang dan susah mendapat lesen. Saya ingin memaklumkan bahawa kita memang sedar tentang aduan-aduan ini dan saya berharap Yang Berhormat dari Bintulu akan mengemukakan aduan spesifik untuk membolehkan kita mengambil tindakan sewajarnya.

Saya memberi pengakuan di sini bahawa ada masalah, tetapi yang penting, kita sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ini dan saya percaya dalam masa yang singkat urusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Sarawak akan dapat diperbaiki. Kita juga sedang merancang untuk memohon kepada agensi pusat untuk membuka dua lagi

cawangan di Sarawak untuk memudahkan orang ramai berurusan dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Yang keempat, Ahli Yang Berhormat dari Yan membangkitkan tentang program vendor dan francais. Yang Berhormat menyarankan agar kita sediakan pelan strategik untuk memajukan skim vendor dan francais. Kita ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang terhormat dari Yan dan memang Kementerian telah pun mengadakan program strategik dan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini kita berhajat untuk melaksanakan satu quantum leap, dengan izin, untuk menambahkan bilangan vendor dan francais bumiputera. Insya-Allah, kita harap rancangan ini akan berjaya.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang menyarankan agar tambang teksi Kuala Lumpur dikaji semula. Saya ingin memaklumkan bahawa pada masa ini kerajaan tidak ada cadangan untuk mengkaji semula kadar tambang teksi di Kuala Lumpur.

Akhirnya, Yang Berhormat dari Kuala Nerus membangkitkan tentang masalah drebar-drebar bas mini yang tidak berbudaya, yang tidak menunjukkan sikap yang polite, dengan izin dan yang melanggar peraturan jalan raya. Kerajaan sedar dan pihak JPJ telah pun mengambil tindakan dan pihak Kementerian sekarang ini di peringkat akhir untuk mengkaji beberapa pilihan apakah yang harus kita lakukan tentang perkhidmatan bas mini di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Dato' menamatkan penggulungan, saya ingin minta pandangan ataupun penjelasan sedikit-sebanyak. Saya pernah mencadangkan dulu dan memohon supaya sekiranya boleh LPKP ini menubuhkan Unit Penguatkuasaan mereka sendiri dan apa yang saya difahamkan seramai 6 orang anggota penguatkuasa yang dipinjamkan dari JPJ itu telah pun menunjukkan performance kerja yang baik. Jadi, saya lebih bersetuju sekiranya untuk menguatkuasakan undang-undang LPKP ini bersama dengan perjalanan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan (APJ), lebih bermakna sekiranya Enforcement Unit yang ditubuhkan oleh LPKP ini akan dapat menjalankan kerja dengan lebih baik kerana Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan cadangan yang diberikan oleh JPJ yang telah dirumuskan oleh Bahagian Penguatkuasa JPJ terlalu lambat untuk diambil tindakan oleh LPKP. Jadi, saya mohon penjelasan sama ada kementerian bercadang untuk menubuhkan dan menambahkan bilangan unit penguatkuasaan sendiri ataupun sebagainya?

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, pernah juga saya mencadangkan apakah ada pilihan kepada LPKP untuk meminta JPJ tolong mengedarkan ataupun menjualkan borang-borang permohonan permit, penukaran syarat permit, ubah syarat dan sebagainya yang sebagaimana yang telah dijalankan oleh JPJ dulu? Kerana Tuan Yang di-Pertua, sekiranya program ini dibuat, saya percaya

sebanyak-sedikit masyarakat tidak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan borang dan urusan itu akan lebih cepat dibuat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat dari Jelevu. Yang pertama mengenai penguatkuasaan, satu unit telah pun ditubuhkan dengan bilangan jawatan kira-kira 17. Memang benar kesemua jawatan belum diisi sepenuhnya dan dalam kita hendak mengubahsuai dan menstrukturkan semula LPKP, salah satu pendekatan yang kita ambil ialah memperkukuhkan lagi bahagian penguatkuasaan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa penguatkuasaan adalah penting dan ini akan kita jadikan antara teras utama pendekatan baru LPKP bagi memastikan bahawa peraturan-peraturan yang ditetapkan itu akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Mengenai cadangan supaya JPJ dibenarkan mengedar borang LPKP, kita ambil perhatian dan ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Pembangunan Usahawan. Mana-mana perkara yang tidak saya sentuh kita akan mengkaji dan di mana perlu kita akan melaksanakan cadangan Ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

9.34 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang berkaitan pembinaan rumah kos rendah di sempadan Selangor dan Wilayah Persekutuan, kementerian bersetuju dan menyarankan supaya Kerajaan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur membuat perancangan bagi membangunkan rumah-rumah kos rendah di kawasan tersebut terutamanya oleh pemaju perumahan swasta.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat dari Kelang mengenai kekurangan pencapaian pembinaan perumahan oleh sektor awam, sukalah saya menjelaskan bahawa sebab utama mengenai kekurangan itu adalah perubahan kepada beberapa dasar seperti pengurangan pembukaan rancangan pembangunan tanah yang baru yang menyebabkan juga pengurangan pembinaan dalam rumah-rumah untuk peserta dan sebagainya.

Yang Berhormat dari Bagan ada bertanya mengenai isu penghapusan kuota penjualan rumah kepada bumiputera. Ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa penghapusan kuota penjualan rumah kepada bumiputera adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan negeri perlu memberi pertimbangan yang secukupnya berasaskan kepada dasar-

dasar pembangunan yang dipertekankan sebelum apa-apa pelepasan berkenaan kuota diberi.

Mengenai persoalan peratus bilangan rumah kos rendah yang patut dibina....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:..oleh pemaju yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, ingin saya jelaskan bahawa peratusan kuota rumah kos rendah dikenakan ke atas pemaju-pemaju oleh kerajaan negeri dibuat berdasarkan kepada keperluan rumah kos rendah di satu-satu kawasan, keupayaan dan daya hidup projek berkenaan serta pembangunan keseluruhan kawasan tersebut.

Oleh yang demikian, kuota yang dikenakan itu sama ada 30% atau 50% adalah bersesuaian dengan keadaan seperti yang difikirkan sesuai oleh kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, rumah-rumah kos rendah kerajaan pada masa ini dibuat dengan tiga bilik dan kerajaan berharap kerajaan-kerajaan negeri akan juga menetapkan syarat yang sama ke atas pemaju swasta bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah swasta.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang keputusan yang dicapai oleh Jemaah Menteri tentang kuota bumiputera untuk rumah-rumah, kerana Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa ada satu keputusan yang telah dicapai oleh pihak Kabinet tentang kuota bumiputera; di mana beliau menyatakan bahawa pelepasan secara automatik adalah diberikan selepas 6 bulan? Tetapi mengapakah arahan ini tidak diikuti oleh kerajaan-kerajaan negeri?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, di setengah-setengah kawasan, misalnya kawasan bandar di mana harga rumah begitu tinggi, kalau pun diletakkan 30% untuk bumiputera, kadangkala rumah-rumah ini tidak mungkin dapat dibeli oleh bumiputera. Maka sudah tentulah kerajaan negeri akan memberikan pelepasan dengan cepat. Tetapi bagi setengah-setengah kawasan yang difikirkan bahawa bumiputera memang mampu dan memang berkehendakkan rumah-rumah tersebut terutama sekali rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta, maka kadangkala kerajaan negeri mengambil masa yang lebih sedikit untuk memastikan bahawa bumiputera memang diberikan kesempatan untuk membeli rumah-rumah yang tersebut. Apabila kerajaan negeri berpuashati bahawa rumah-rumah ini tidak lagi diminati untuk dibeli oleh bumiputera, maka barulah kelepasan akan diberi oleh kerajaan negeri.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negeri Melaka terdapat rumah yang bernilai kira-kira RM200 juta di mana pelepasan bumiputera tidak diberikan selama dua tahun sungguhpun kebanyakan rumah-rumah tersebut terletak di kawasan bandar dan ini saya rasa merupakan satu contoh extreme di mana oleh kerana sebab-sebab tertentu dan mungkin juga

memeras lagi pemaju untuk mendapat sesuatu pelepasan ini tidak mahu diluluskan? Ini yang pertama.

Yang kedua, kalau satu keputusan telah dicapai oleh pihak Jemaah Menteri, mengapakah keputusan ini tidak dihormati dan diikuti oleh kerajaan negeri sedangkan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat memang satu iaitu Kerajaan Barisan Nasional kecuali Kelantan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya hendak betulkan ayat Yang Berhormat tadi yang mengatakan RM200 juta, sebenarnya RM200,000. Bernilai RM200,000. RM200 juta?

Tuan Lim Guan Eng: RM200 juta.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Sebuah rumah bernilai RM200 juta?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan. Semua rumah yang belum dilepaskan status bumiputera.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bernilai RM200 juta?

Tuan Lim Guan Eng: RM200 juta. Ya, di negeri Melaka.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan oleh sebab adanya kerajaan-kerajaan negeri yang tidak memberikan pelepasan sebagaimana yang sepatutnya, maka itulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat saranan sepertimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Bagaimanapun, saya yakin juga bahawa kerajaan-kerajaan negeri mempunyai sebab musabab mereka sendiri kenapa mereka mereka memanjangkan tempoh sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang keduanya, saya tidak sedarlah adanya kerajaan negeri yang tidak memberikan pelepasan rumah-rumah yang tidak dilepaskan syarat bumiputera ini berjumlah RM200 juta. Bagaimanapun, perkara ini akan tetap kita buat kajian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu-isu berkaitan dengan penswastaan perkhidmatan pembentungan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dari Yang Berhormat dari Dungun.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Yang Berhormat Kota Melaka bangun sekarang.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: ... adalah dimaklumkan bahawa.....

Tuan Lim Guan Eng: Rumah kos rendah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan yang diambil dan akan diambil oleh pihak kementerian kalau ada kerajaan negeri yang meluluskan atau telah menjualkan tanah kepada sebuah syarikat swasta dengan harga murah untuk membina rumah kos rendah, tetapi syarikat tersebut tidak berbuat demikian, sebaliknya membina rumah mewah. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap tindakan kerajaan negeri ini yang

membenarkan perkara ini berlaku, menafikan kaum miskin untuk mendapat rumah kos rendah?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, cara Yang Berhormat membuat soalan ini seolah-olah ianya andaian, tetapi kalau Yang Berhormat ada satu-satu fakta yang spesifik, sebutkan tempat dan sebagainya boleh kita.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya akan sebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana syarikat ini ada kaitan dengan seorang Timbalan Menteri. Kalau Yang Berhormat mahu saya akan sebut nama Timbalan Menteri saya boleh sebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suruh Yang Berhormat sebut nama Timbalan Menteri, kerana kita belum tahu sama ada perkara ini benar atau tidak, tetapi kalau boleh sebut tempat dan nama syarikat kita boleh buat kajian dan saya boleh beri jawapan.

Tuan Lim Guan Eng: Syarikat ini bernama 'Pium Holdings Sdn. Bhd', perkara ini berlaku di Melaka dan tanah yang dijual oleh pihak kerajaan ialah di Lorong Pandan, Melaka iaitu dengan harga RM1.79 sekaki persegi di tengah-tengah bandar dan harga ini terlalu murah. Saya rasa harga sebegini tidak boleh dapat di kawasan pedalaman. Tetapi syarikat ini ada kaitan dengan seorang rakan Yang Berhormat, kalau mahu saya sebut namanya, saya boleh sebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, kita belum tahu sama ada perkara ini benar atau tidak, jadi tidak perlulah disebutkan nama beliau, tetapi saya akan membuat kajian berkenaan perkara ini dan akan memberikan makluman kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembentungan, IWK telah diberi arahan supaya menyemak dengan teliti keadaan sebenar khasnya jenis perkhidmatan yang diberi sebelum mengeluarkan bil-bil perkhidmatan pembentungan kepada pengguna-pengguna berkenaan, supaya pengguna-pengguna yang menerima perkhidmatan pembentungan sahaja dikenakan caj perkhidmatan pembentungan.

Sungguhpun 1% sahaja.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: daripada bil-bil yang dikeluarkan oleh IWK telah didapati tidak betul, angka ini perlu dikurangkan lagi untuk mengurangkan aduan-aduan orang awam. Semua aduan mengenai kualiti perkhidmatan dan ketidakpuashatian mengenai bil-bil pembentungan boleh dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Pembentungan yang berdekatan untuk disiasat dan mendapat penyelesaian.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kepong, bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya berharap Yang Berhormat boleh memberi pertolongan kepada para pengguna kerana di dalam dua tahun ini saya terima banyak aduan dan tiap-tiap hari menerima bil-bil daripada pengguna. Selama dua tahun ini saya tidak dibayar satu sen pun daripada IWK kerana menguruskan hal mereka, jadi bolehkah Yang Berhormat melalui kementeriannya mengarahkan IWK supaya berhenti dahulu daripada menghantar bil-bil ini kerana terlalu banyak kita hendak menguruskan? Kebanyakan masih ada orang yang tidak mahu membayar tunggakan, yang pertama.

Yang kedua, mereka berasa tidak puas hati dengan cara penghitungan melalui kaedah penggunaan air, itu kaedah yang digunakan untuk menghitung bil-bil ini dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau tidak memberi perkhidmatan jangan kita kutip bil itu. Itu adalah satu alasan mengapa mereka tidak bayar, tetapi bolehkah Yang Berhormat tolong sedikit kerana dua tahun itu terlalu lama kita menderita, para penduduk menderita, kita juga menderita. Itulah masalahnya Yang Berhormat, jadi cadangan saya kalau IWK masih tidak mahu memperbaiki keadaan mereka terpaksa membayar kita juga.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa kementerian telah pun mengarahkan

IWK supaya tidak mengeluarkan bil-bil kepada mereka yang tidak diberi perkhidmatan, tetapi kalau misalnya perkhidmatan diberikan dan mereka menerima perkhidmatan maka sudah tentulah bil-bil akan dikeluarkan untuk mereka ini.

Berkenaan dengan cara kita mengira bil mengikut penggunaan air, sebenarnya ini satu sistem yang telah dipersetujui di antara IWK, kementerian dan juga EPU. Kalau kita hendak kira air yang kita minum sebenarnya permulaannya juga adalah air yang bersih, mungkin daripada gunung ataupun daripada sungai, tetapi air yang keluar daripada tandas kita, air yang keluar daripada bilik air kita untuk kita pulihkan menjadi air yang agak bersih untuk disalurkan kembali ke alam sekitar. Maka ianya perlu juga dibersihkan dahulu dan sudah tentulah pembersihan air daripada gunung dengan air daripada bilik air, air daripada bilik air ini lebih mahal untuk dibersihkan daripada air yang diambil daripada gunung ataupun daripada sungai. Jadi, cara yang paling senang ialah kita menggunakan jumlah air yang kita gunakan itulah kos pembentungan ataupun kos sewerage kita.

Tuan Yang di-Pertua,

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Kepong bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Bayangkan macam ini Yang Berhormat, misalnya di Jinjang, hampir 100% itu mempunyai

septic tank sendiri dan perkhidmatan itu tidak diberikan terlebih dahulu, bil dihantar termasuk tunggakan. Cuba bayangkan setiap rumah yang mempunyai septic tank dibersihkan tiap-tiap 4-5 tahun dan bila swasta dipanggil untuk membersihkan tangki (septic tank) itu, maka bayaran sekarang atau harga pasaran adalah RM150 atau RM200. Ini adalah dilakukan 4-5 tahun, tetapi sekarang tiap-tiap dua bulan dikutip misalnya RM15, RM25, RM30 dan kita kira di dalam masa 4-5 tahun berapa ringgitkah yang dikutip oleh IWK kalau berbanding dengan pada biasanya mereka mengupah orang (swasta) untuk membersihkan tangki. Inilah masalah, susah kita hendak memujuk mereka supaya membayar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya tegaskan beberapa kali dalam Dewan ini, IWK hanya mengutip daripada tiap-tiap rumah antara RM2-RM10, rumah murah RM2 dan tidak lebih daripada itu. Kemungkinan kalau yang lebih sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi tunggakan.

Apabila kita sebut berkenaan dengan septic tank, memang benar kalau kita hendak menyedut enap cemar ini mungkin kosnya RM70 RM80, tetapi kalau dibuat melalui pembayaran ini, RM10 sebulan setahun RM120, 2 tahun RM240. Tetapi yang lebih penting kepada kita bukan penyedutan enap cemar, tetapi bagaimana kita membersihkan, bagaimana kita dengan izin, treat enap cemar ini supaya ianya boleh diterima kembali oleh alam sekitar.

Kalau misalnya enap cemar ini disedut dan cuma dibuangkan di dalam parit, dibuangkan di sungai dan sebagainya, maka ianya sudah tentulah akan mencemarkan alam sekitar. Oleh kerana kita menegaskan kepada IWK bahawa enap cemar ini mesti dibersihkan dengan sebaik-baiknya, dipulihkan sebelum ianya dilepaskan ke sungai dan sebagainya, maka itulah sebabnya kita terpaksa mengenakan kos. Dan kos ini kalau misalnya tiap-tiap rumah dikenakan kos yang sebenarnya, maka ianya sudah tentu lebih daripada RM10.00 Tetapi oleh

kerana ada cross subsidi di antara residential, dengan izin, dengan komersil, maka itulah sebabnya residential antara RM2.00 hingga RM10.00 tetapi yang komersil tadi terpaksa membayar kos air yang digunakan, oleh kerana ada cross subsidi di antara commercial used, dengan izin, dengan residential used.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembuangan enap cemar di Batu 7, Dungun, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini telah disiasat oleh Jabatan Perkhidmatan Pemetungan dan Jabatan Alam Sekitar. Kawasan berkenaan adalah kawasan paya terbiar, dan bukanlah kawasan perumahan. Walau bagaimanapun, IWK telah diarah berhenti membuat tindakan-tindakan seperti ini, dan mendapat kelulusan dari semua pihak berkenaan mengenai cara pelupusan enap cemar bagi tiap-tiap kawasan sebelum melaksanakannya.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ada yang bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah tindakan yang akan diambil kalau para pengguna masih berasa tidak puas hati tentang cara pengiraan atau sistem pengiraan kadar pemetungan dan tidak mahu membuat sebarang bayaran. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan angka-angka tentang jumlah pengguna yang enggan membuat sebarang bayaran kepada IWK?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum kita menswastakan pemetungan kepada IWK, sistem

pembetulan di negara kita ini bukanlah berada di tahap yang paling baik. Kerajaan menswastakan pembetulan kepada IWK dengan harapan bahawa sistem ini akan dapat diperbaiki. Sebelum sistem ini dapat diterima oleh masyarakat, oleh rakyat, sudah tentulah banyak masalah akan timbul. Kita tidak perlu bertanya berapa ramai yang tidak bersetuju membayar kerana kalau boleh, semua rakyat tidak mahu bayar. Tetapi yang penting ialah kita perlu bersikap adil kepada rakyat dan juga kepada IWK.

Kita di kementerian sekarang ini sedang mengkaji cara-cara bagaimana kita boleh mewujudkan satu sistem bil yang boleh diterima oleh IWK dan juga oleh penduduk-penduduk di negara kita ini. Jadi, dengan itu tidak timbul yang kementerian tidak memberi perhatian kepada masalah ini. Masalah ini memang kita beri perhatian yang serius, dan kita berharap agar penswastan pembetulan ini akan berjaya. Kerana kejayaan sistem ini akan memberi hasil yang baik kepada alam sekitar di negara kita ini.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa.....

Tuan Lim Guan Eng: Satu lagi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:banyak sangat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, biar saya sambung dahulu.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang meminta kerajaan mengadakan satu pelan tempatan untuk Dungun, Terengganu. Sukacita

saya memaklumkan di Dewan ini bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa akan menyediakan rancangan tempatan bagi Dungun, Terengganu dan dijangka bermula pada bulan Jun 1996. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kementerian Dalam Negeri.

9.54 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terim kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh tentang bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar berbagai masalah yang timbul dari kehadiran pendatang asing tanpa izin di negara ini. Demi menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam, kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasaan akan terus mengambil tindakan-tindakan untuk mengatasi semua masalah yang dinyatakan melalui operasi-operasi tertentu. Di samping itu, Polis Diraja Malaysia telah juga melancarkan operasi di seluruh negara bagi tujuan mengenal pasti dan membanteraskan komplot-komplot pendatang asing yang cuba mendatangkan masalah di negara ini. Beberapa sindiket pendatang asing

yang terlibat dengan penjenayah kekerasan dan jenayah sosial telah pun dapat ditumpaskan.

Mengenai serangan orang asing di Pekan Semporna yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, kerajaan telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah kejadian seperti itu daripada berulang. Antara langkah yang telah diambil adalah memperkuat kekuatan anggota polis dengan tambahan Pasukan Polis Hutan, memperhebatkan rondaan marin polis, menyatupadukan rondaan udara TUDM dan Polis Udara, menggunakan bot-bot laju dan alat-alat komunikasi yang canggih dan senjata yang lebih berkesan, mengadakan mesyuarat dengan negara jiran di peringkat polis dan peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan berbagai perkara mengenai tindakan-tindakan dan siasatan-siasatan yang telah dan sedang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia. Wajarlah diperjelaskan iaitu segala tindakan yang diambil adalah dibuat atas landasan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini, dan tidak ada penyelewengan berlaku.

Mengenai kedudukan kem-kem tahanan pendatang asing, kementerian telah pun menubuhkan Lembaga Pelawat Bebas untuk memastikan semua kem tahanan pendatang tanpa izin berada dalam keadaan yang sempurna. Pada masa ini Lembaga Pelawat Bebas tersebut sedang mengadakan lawatan berkala ke semua kem tahanan untuk mengenal pasti sama ada terdapat kelemahan-

kelemahan di setiap kem berkenaan dan mengemukakan cadangan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud.

Dakwaan Yang Berhormat dari Tanjong bahawa kerajaan sedang berusaha mengambil satu tindakan keras terhadap NGO-NGO adalah tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa kem telah dilawati oleh Jawatankuasa yang diketuai oleh Tan Sri Zulkifli? Adakah laporan mereka akan dibentang dalam Dewan ini sebagai satu summary atau ciri-ciri utama?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sejauh pengetahuan saya ada beberapa lawatan diadakan, terutamanya di Depo Imigresen Langkap dan juga di Semenyeh. Tetapi apa yang lebih, saya rasa Yang Berhormat berminat ialah sebenarnya pernah kita menubuhkan satu jawatankuasa penyiasat terhadap dakwaan-dakwaannya yang telah dibangkitkan pada satu masa ketika. Dan jawatankuasa penyiasat itu telah pun dapat beberapa rumusan seperti berikut, iaitu tempat tinggal didapati sesuai dan mempunyai ruang yang cukup, pengedaran udara, bilik air, tandas mencukupi, walaupun keadaan kebersihan kurang memuaskan.

Ini di antara beberapa perkara saya akan beritahu. Dan terdapat beberapa kerosakan kecil, makanan yang mencukupi dari segi kuantiti nasi, tetapi kurang dari segi lakunya, diberi kemudahan perubatan memang cukup, keadaan fizikal tahanan adalah sihat dan tiada kesan penderaan. Malahan orang tahanan sendiri menafikan berlakunya perbuatan penderaan oleh anggota PDRM. Sejak tahun 1992 terdapat 71 kes kematian di depo-depo Imigresen di seluruh negara, 37 orang daripadanya warganegara Bangladesh. Laporan daripada doktor tidak

menunjukkan mana-mana kes kematian yang disebabkan oleh penderaan atau penyeksaan. Tidak berkemungkinan berlakunya pencabulan seks kerana blok wanita dikawal oleh anggota PDRM wanita sahaja, dan ruang blok tahanan pula tidak mempunyai bilik dan tahanan wanita yang ditemu bual menafikan berlakunya perbuatan itu.

Memang daripada siasatan juga terdapat kes anggota PDRM yang merampas barang-barang orang tahanan dan mengambil rasuah, tetapi bilangannya terlalu kecil. Setakat ini tindakan tegas telah diambil untuk mendakwa anggota berkenaan di mahkamah.

Ini adalah di antara hasil siasatan daripada jawatankuasa penyiasat yang telah kita tubuhkan dan lembaga pelawat bebas itu akan terus

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Tanjong bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Mengandungi jawatankuasa siasatan ini yang terdiri dari anggota-anggota, siapakah ketuanya?

Tuan Ong Ka Ting: Jawatankuasa ini telah ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan diketuai oleh Ketua Setiausaha kita. Tetapi, apa yang penting selepas siasatan ini, keadaan-keadaan depot itu memang diawasi oleh lembaga yang bebas ini dan mereka pada masa kini sedang melawat tetapi jikalau hendakkan laporan dengan serta merta, mungkin saya perlukan masa.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Tanjong bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ini adalah kali yang pertama kita dengar ada jawatankuasa siasatan, selain daripada jawatankuasa pelawat. Bila jawatankuasa ini ditubuh, bila dikemukakan laporan dan kenapa penubuhan jawatankuasa siasatan ini mengenai dakwaan-dakwaan, memorandum Tenaganita tidak pernah diumumkan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu siasatan dalaman untuk Kementerian Dalam Negeri berikutan daripada dakwaan yang telah dikemukakan pada masa Tenaganita dan juga Ahli Yang Berhormat sendiri telah membuat beberapa teguran dan pada masa itu, laporan ini kerana merupakan satu siasatan dalaman, maka kita pada masa itu tidak mengumumkan.

Tetapi, apa yang penting, ini adalah satu perkara yang Kementerian Dalam Negeri memandang berat, kita hendak membetulkan segala kelemahan, kalau sekiranya ada. Apa yang penting ialah pada masa-masa yang akan datang dan pada masa kini, kita tidak mahu melihat depot-depot itu kalau sekiranya ada apa-apa keadaan seperti yang didakwa dan kita tidak akan membenarkan. Tetapi, daripada siasatan pada keseluruhannya, banyak dari tuduhan-uduhan itu adalah sebenarnya tidak begitu tepat, boleh dikatakan dihebohkan tidak tepat seperti yang didakwa, tidak serius sepertimana yang di dakwa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya NGO seharusnya didaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan bukannya Akta Syarikat 1965, memang selaras dengan undang-undang yang sedang dikuatkuasa supaya mengelakkan pertindihan bidangkuasa, dengan izin, overlapping of jurisdiction, di kalangan

agensi-agensi kerajaan. Pada masa ini didapati ada NGO yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat yang tidak terlibat secara langsung dalam arena perdagangan dan mencari keuntungan tetapi sebaliknya menceburkan diri dengan aktifnya dalam isu-isu masyarakat awam, hak asasi manusia atau alam sekitar yang memang mempunyai ciri-ciri pertubuhan sepertimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966.

Aktiviti-aktiviti yang disebutkan itu merupakan tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat NGO yang didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu meliputi aspek yang dihadapi oleh anggota sendiri ataupun masyarakat umum. Manakala hanya badan-badan yang bertujuh meraih keuntungan melalui kegiatan perniagaan atau perdagangan diperbadankan oleh Pendaftar Syarikat. Oleh yang demikian, cadangan menggubal garis panduan oleh Pendaftar Syarikat mengenai perbadanan NGO di bawah Akta Syarikat 1965 adalah munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Machang menyatakan imej Pasukan Polis DiRaja Malaysia terjejas. Pada umumnya tanggapan itu adalah berlandaskan kepada beberapa jenis salah laku yang telah dilakukan oleh segelintir ahli pasukan PDRM daripada sejumlah besar iaitu hampir kira-kira 80,000 orang.

Walau bagaimanapun, Pasukan Polis DiRaja tidak memandang ringan ke atas perkara tersebut, walaupun melibatkan segelintir sahaja ahli anggotanya. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa PDRM tidak pernah memandang

ringan berkenaan salah laku yang telah dibuat dan jumlah tindakan tata tertib yang telah diambil terhadap pegawai ataupun anggota pasukan sejak 1991 hingga 1995 adalah sebanyak 9,216 kes. Oleh itu, adalah jelas daripada perangkaan di atas bahawa pasukan memandang serius perkara salah laku oleh anggotanya.

Sementara itu, tindakan untuk memperbaiki imej pasukan PDRM juga terus diambil. Tindakan-tindakan ini hendaklah dilihat dengan secara menyeluruh, di antaranya adalah seperti berikut, iaitu:-

- Latihan-latihan yang sedia ada telah diubahsuai demi menampung keperluan semasa dengan mengambil kira perubahan yang telah berlaku dalam masyarakat.
- Memperketat sistem pengawasan dan tindakan disiplin.
- Memperkemaskan lagi sistem penugasan dan kenaikan pangkat.
- Memupuk semangat kesetiakawan dan orientasi, bermesra dengan masyarakat.
- Mengambil tindakan untuk mengubahsuai keadaan di balai-balai dan pejabat-pejabat polis untuk kemudahan dan keselesaan orang awam berurusan dengan polis.
- Memupuk dan meningkatkan kerjasama dan penglibatan masyarakat dalam bidang community policing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai istilah pangkat anggota PDRM sepertimana yang dibangkitkan, ianya bersesuaian dengan sebutan gelaran

pangkat Polis DiRaja Malaysia dalam Akta Polis 1967, ia juga akan memberi kesan yang baik terutamanya dari segi 'command' and 'control', dengan izin.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Mengenai pondok-pondok polis yang masih menyewa di bangunan-bangunan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, perkara ini adalah diberi perhatian dari semasa ke semasa oleh kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Machang, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Pokok Sena telah membincangkan masalah penyelesaian penagih dadah dan tindakan yang mesti diambil untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, konsep serenti telah diperkenalkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam tahun 1983 untuk meletakkan semua urusan berkaitan dengan rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah di bawah satu bumbung dengan satu sistem yang merangkumi penentuan mahkamah, ditoksifikasi, pemulihan psycho-social.

Selanjutnya latihan fizikal dan disiplin ala tentera telah diperkenalkan dengan tujuan melahirkan pelatih-pelatih yang mantap dari segi fizikal, disiplin dan mempunyai daya ketahanan diri untuk menghadapi cabaran. Walaupun program pemulihan yang komprehensif disediakan, terdapat juga di kalangan pelatih-pelatih yang tidak bersedia dan sesetengahnya pula lari meninggalkan fasiliti sebelum tamat pemulihan.

Antara sebab-sebab yang dikenal pasti berlakunya keadaan ini adalah tiada kesediaan dan motivasi, tiada dapat menyesuaikan diri, keinginan bersama keluarga pada musim-musim perayaan, masalah pergantungan kepada dadah masih kuat, konflik inter-personal, kesesakan di pusat-pusat serenti.

Untuk memastikan keberkesanan pemulihan, sistem dan kaedah pemulihan sentiasa dikaji, diperkemas dan dimantapkan dari semasa ke semasa. Di samping itu, kawalan keselamatan juga dipertingkatkan untuk mengawal dan mencegah kemasukan bahan-bahan terlarang termasuk dadah.

Memandangkan masalah penyalahgunaan dadah masih belum dapat dibendung, kerajaan telah pun menubuhkan Agensi Dadah Kebangsaan yang menggabungkan tiga agensi utama untuk memerangi masalah dadah iaitu Pasukan Petugas Anti Dadah, Jabatan Polis DiRaja Malaysia dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri.

Dengan penggabungan ini, tindakan anti dadah terutamanya dari segi pencegahan, penguatkuasaan, perawatan dan pemulihan akan dapat dirancang, dilaksana, dinilai dan di monitor secara lebih berkesan.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Langkah-langkah yang telah diumumkan termasuk ADK tadi, memang kalau boleh dilaksanakan dengan baik, kita semua rakyat Malaysia boleh bersama-sama untuk

menjayakannya. Tetapi, saya nampak tidak ada usaha yang cukup untuk melatih kakitangan pusat-pusat serenti dan pusat-pusat yang lain. Selain daripada faktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai pelatih yang melarikan diri dan masalah yang selanjutnya, kualiti dan kalibar kakitangan di dalam pusat-pusat tersebut, sebahagiannya itu sangat berkurangan.

Cuma menggunakan cara tentera untuk melatih, memang daripada segi memantapkan setiap pelatih memang baik, tetapi bolehkah Yang Berhormat dalam kementeriannya, kita mengkaji semula sama ada hanya untuk menggunakan cara tentera dapat menyelesaikan masalah? Mungkin kalau kita menggunakan bekas anggota tentera, mereka tidak begitu faham mengenai masalah psikologi pelatih, cuma dia tahunya cara untuk memaksakan pelatih-pelatih ini berlatih ala tentera sahaja. Mungkin ini salah satu faktor yang menyebabkan mereka melarikan diri. Saya berharap pihak kementerian dapat memperuntukkan lebih banyak wang dan juga masa untuk melatih kakitangan pusat-pusat serenti ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu, pihak Kementerian Dalam Negeri sedang usahakan. Sebenarnya, latihan dari segi disiplin ala tentera itu hanya sebahagian dari latihan dan dalam program rawatan pemulihan itu, ada banyak lagi aspek yang lain. Sebenarnya, apa yang kita masih kurang ialah kakitangan kaunseling.

Pada masa ini kerajaan sedang berusaha untuk mengisikan kekosongan supaya mendapatkan bilangan kaunselor yang cukup. Dari segi psikologi, memang, kalau sekiranya seseorang pelatih itu sudah bersiap sedia, mereka tahu segala program itu adalah untuk kebaikan orang itu, sama ada dari segi fizikal atau mental, bila dari psikologi mereka sudah sedia maka mereka tidak dapat menerima sesuatu latihan yang 'strict' itu sehingga mereka cuba mengelakkan. Memang saya ada sebutkan bahawa agensi-agensi itu disatukan dan banyak lagi jawatan-jawatan itu yang perlu diisi iaitu sebanyak lebih 800 jawatan yang perlu diisi pada masa kini dan peruntukan yang diminta telah pun diluluskan.

Buat masa kini, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Kementerian Dalam Negeri sedang berusaha. Disamping itu, sebuah Majlis Dadah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri juga telah ditubuh untuk menggubal dasar-dasar berkaitan

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah, sudah lewat malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, saya ingin meminta penjelasan mengenai dengan kaunselor tadi. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menggunakan bekas-bekas penagih dadah ini, terutamanya mereka yang berkelulusan dilatih untuk menjadi kaunselor ataupun memberi peluang kepada

mereka untuk melanjutkan pelajaran dan kemudian kembali bekerja dengan Pusat Serenti sebagai Kaunselor?

Tuan Ong Ka Ting: Memang bekas penagih ataupun pelatih yang telah berjaya dipulihkan sepenuhnya itu sentiasa kita gunakan mereka sebagai satu contoh yang baik, misalnya untuk memberi ceramah, untuk memberikan keyakinan kepada pelatih-pelatih, tetapi kaunselor itu dia ada syarat-syarat yang tertentu. Sekiranya mereka yang berjaya selepas latihan itu, mempunyai syarat-syarat itu, mereka juga boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Jawah anak Gerang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Lubok Antu bangun.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tahu pandangan Timbalan Menteri mengenai pencegahan dadah ini. Saya cuma hendak pandangan sedikit. Tadi kita mengatakan pengawalan 'supply' dadah ini, saya hendak minta pandangan sama ada boleh atau tidak kita menyelesaikan masalah dadah ini di peringkat antarabangsa seperti di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu. Kita tahu bahawa dadah ini datang dari Golden Triangle. Boleh atau tidak semua negar di seluruh dunia mengirinkan tenteranya bagi memusnahkan Golden Triangle? Ini adalah cara yang paling baik sekali. Semua negara-negara di dunia ini mengirinkan kumpulan-kumpulan ataupun pasukan-pasukan tentera, semua menyerang Golden Triangle, cara ini adalah cara yang paling baik sekali

bagi memusnahkan dadah di dunia ini. Kalau semua negara berpakat macam itu, saya rasa ini cara yang amat betul sekali.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa kini ada usaha antarabangsa di mana kita sentiasa ada perbincangan di peringkat Konvensyen Geneva. Sebenarnya semalam sahaja ada satu rombongan daripada Biro Narkotik Geneva ataupun Bangsa-bangsa Bersatu telah mengunjungi kementerian saya dan saya telah mengadakan perbincangan dengan mereka. Salah satu soalan yang saya bangkitkan ialah memang soalan ini iaitu persoalan mengenai The Golden Triangle - macam mana kita hendak membuat sesuatu untuk menghentikan daripada kegiatan menanam atau mengeluarkan dadah, sama ada canabis, candu dan sebagainya. Memang mereka ada memberi penerangan, apakah masalahnya. Ini bukan satu perkara yang senang sebab ini adalah satu kawasan di antara beberapa negara, kalau sesiapa hendak pergi untuk memusnahkan atau hendak membuat sesuatu dia akan melibatkan banyak lagi masalah lain, bukannya senang sepertimana yang kita hendak lakukan. Walau macam manapun, saya memang setuju kalau sekiranya negara-negara yang kuat yang selalu ingat dia adalah gergasi dunia, apa-apa pun dia boleh lakukan, mengapa dia tidak gunakan dia punya 'influence' ataupun kekuatan untuk tackle masalah itu. Inilah satu perkara yang selalu saya sebut, saya memang setuju tetapi sama ada praktikal atau tidak itu kita kena bincanglah.

Satu pandangan yang.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit tentang permasalahan dadah "Golden Triangle", sebab saya melihat DAP ini pun memang dia amat prihatin tentang isu dadah. Saya mendengar cerita wakil DAP dari Kepong katanya membuat lawatan ke Golden Triangle untuk melihat sendiri kaedah dan dasar. Adakah ini benar? Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Ong Ka Ting: Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong perlu memberikan jawapan ini. Saya tidak tahulah kalau ada sesiapa yang hendak pergi ke sana dan ada hubung rapat dengan Khunza ataupun melalui apa-apa saluran yang lain.....

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Dadah Kebangsaan yang saya sebut tadi juga ditubuhkan bagi menggubal dasar-dasar berkaitan tindakan anti-dadah negara dan adalah diharap dengan hala cara baru ini masalah penggunaan dadah akan dapat dibendung sepenuhnya.

Mengenai kes-kes kehilangan dan pencolekan bayi-bayi sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Klang, pihak polis menjalankan segala usaha yang mungkin untuk menyiasat dana menyelamatkan mereka yang terlibat. Dalam tahun 1995 seramai 373 orang kanak-kanak berumur di antara 10 tahun hingga 14 tahun dan 109 kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah telah dilaporkan hilang. Dari jumlah tersebut seramai 234 orang iaitu 62.7% kanak-kanak yang berumur antara 10 tahun hingga 14 tahun dan 47 orang iaitu 43.1% daripada kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah telah dijumpai semula.

Dalam hubungan ini kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat sangatlah diperlukan untuk membantu pihak berkuasa bagi mengatasi gejala tersebut dan juga saya ingin menasihati atau menyerukan kepada ibu bapa dan penjaga-penjaga, bahawa zaman sekarang ini bukan lagi seperti masa dahulu, di kampung-kampung jagalah anak-anak mereka, jangan anggap bahawa mereka boleh membiarkan anak-anak mereka di tempat-tempat yang tidak selama dan juga tempat-tempat yang terdedah kepada risiko ini perlulah diberikan perhatian yang serius dan sewajarnya.

Berhubung dengan cadangan menempatkan sebuah Pejabat Imigresen di Segamat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Senai.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan. Adakah pihak kementerian mendapat tahu apakah punca-punca utama anak-anak ini hilang. Adakah mereka juga tergolong daripada statistik yang dibentangkan tadi, iaitu anak-anak dari kalangan rumah tangga yang berpecah ataupun 'broken homes' dan di manakah anak-anak itu ditemui dan adakah pihak kementerian dapat mengesan, siapakah sebenarnya di sebalik kehilangan anak-anak ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu trend yang jelas kerana kes-kes kehilangan itu bercampur-campur. Memang ada di

antaranya kerana masalah keluarga dan kemudian bila selesai masalah keluarga, anak itu kembali kepada ibu atau bapa dan ada sebahagian dari mereka yang memang hilang atau tidak dapat kita kesan seperti satu kes baru-baru ini di Klang, sampai sekarang pihak berkuasa tidak dapat mengesahkan apakah sebenarnya motifnya dan juga ada beberapa yang disyaki mungkin dicolek, tetapi dia ada sesuatu motif dari segi kewangan, sama ada dia akan minta wang tebusan ataupun apabila motifnya telah terdedah, mereka pun tidak hendak lagi mendedahkan diri dan mungkin dengan cara itu kanak-kanak yang dicolek itu akan hilang begitu sahaja. Maka itu sebabnya.....

Dr. Tan Yee Kew: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:: Yang Berhormat, Kelang bangun.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan Dewan ini tentang progres dan status penyiasatan kes kehilangan budak Ting Song Sheng di Kelang dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak polis dalam siasatan ini dan sama ada Interpol terlibat dalam siasatan kes ini? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah pun menggunakan saluran polis iaitu semua balai-balai polis telah pun mempunyai maklumat, gambar dan sebagainya tentang budak Ting Song Sheng itu termasuk juga kita dapatkan kerjasama daripada pihak polis di Thailand terutamanya di daerah-daerah sempadan dan sebagainya tetapi semua usaha itu gagal, kita tidak

dapat cari. Memang ini adalah satu perkara yang debateable, pihak polis telah pun kaji, kerana publisiti yang begitu hebat, mungkin publisiti yang hebat itu boleh membantu tetapi publisiti hebat itu juga boleh jadi satu faktor menakutkan orang yang telah bawa budak itu untuk hantar atau serah balik. Ini masih satu perkara yang debateable tetapi kami faham, pihak berkuasa faham perasaan ibu bapanya, mereka akan cuba habis-habisan melalui apa-apa saluran sahaja. Jadi, pihak berkuasa memang bersimpati tetapi sampai setakat ini memang hasil siasatan ialah masih kita tidak dapat kesan dan tidak dapat juga motif sebenarnya mengapa budak itu sudah hilang, dengan begitu hebatnya publisiti tidak dapat apa-apa information untuk kembalikan tetapi pihak polis akan terus berusaha untuk mencari Ting Song Sheng yang hilang itu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan menempatkan sebuah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Tuan Ong Ka Ting: Masa sudah suntuk. Saya rasa tidak elok semua sampai pukul 12.00 nanti.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk].*

Tuan Ong Ka Ting: Okay, satu last.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah dalam kes budak-budak ini, adakah pihak polis berpendapat kemungkinan bahawa publisiti yang begitu heboh, mungkin mengakibatkan kematian kepada budak itu?

Tuan Ong Ka Ting: Andaian itu tidak dibuat oleh pihak polis tetapi sengaja saya kata debateable sama ada cara itu mungkin dalam satu-satu situasi ia boleh bantu dapatkan seseorang yang hilang tetapi mungkin ada situasi yang lain, kesannya di sebaliknya, tetapi sampai sekarang ini tidak ada siapa boleh beri satu kesimpulan terhadap perkara ini. Tetapi satu perkara yang kita dapat timbulkan ialah kini masyarakat Malaysia memang satu masyarakat awam yang sangat mempunyai sikap simpati dan penyayang sehingga mereka sama ada membelanjakan wang atau menggunakan apa-apa influence mereka untuk bantu. Ini satu gejala yang baik tetapi unfortunately, kita masih tidak dapat mencari budak itu.

Berhubung dengan cadangan menempatkan sebuah pejabat Imigresen di Segamat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Senai, saya sendiri telah dapat meneliti masalah ini. Yang Berhormat dari Senai juga telah berulang kali cuba mengusahakan supaya daerah Segamat boleh mengadakan satu cawangan Imigresen oleh kerana pada masa kini masih terdapat beberapa masalah yang belum diselesaikan dari segi jawatan, peruntukan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan memberikan perhatian dan kita akan memberikan satu nasihat kepada pihak Imigresen supaya mengusahakan sehingga cawangan ini boleh diwujudkan untuk menampung keperluan masyarakat

setempat iaitu pada masa kini mereka masih perlu berurusan di pejabat-pejabat yang berhampiran.

Yang Berhormat dari Tumpat minta dimansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sepertimana kerap di maklumkan Dewan yang mulia ini dan dalam beberapa kali jawapan Soal Jawab telah kita jawab, akta itu masih diperlukan pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi penjelasan secara ringkas ke atas beberapa pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan. Bagi pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat dijawab di Dewan ini, saya beri jaminan yang ia akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Jabatan Perdana Menteri.

10.26 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Diraja, yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor terhadap tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Marang telah membangkitkan isu surat layang berhubung dengan badan kehakiman. Sehubungan dengan ini,

izinkan saya memberi sedikit latar belakang mengenai perkara ini. Satu laporan polis telah dibuat pada 15hb. Mac 1996 oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengenai penyebaran surat layang terhadap hakim-hakim dan badan kehakiman. Berikutan daripada laporan polis tersebut, pihak polis telah menjalankan penyiasatan terhadap orang-orang yang bertanggungjawab atas penulisan dan penyebaran surat layang berkenaan. Penyiasatan itu telah dibuat di bawah seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948. Adalah menjadi amalan dan prosedur biasa berkenaan dengan siasatan seperti ini yang bukan sahaja bertujuan untuk mengenal pasti penulis dan penyebaran surat layang tersebut, penyiasatan itu juga adalah untuk menentukan bahawa tohmahan-tohmahan itu adalah tidak benar.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*].

Walaupun tohmahan-tohmahan tersebut dibuat melalui surat layang semata-mata, namun tindakan penyiasatan terpaksa diambil oleh kerana tohmahan-tohmahan tersebut memalukan serta menjatuhkan maruah badan kehakiman yang mungkin boleh menggugat kewibawaan dan integrity badan kehakiman di negara ini. Peguam Negara telah memberi jaminan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya belum habis kenyataan, Yang Berhormat. Lepas ini boleh bertanya.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Peguam Negara telah memberi jaminan bahawa penyiasatan yang terperinci akan dibuat bagi memastikan sekiranya terdapat kebenaran di dalam tohmahan-tohmahan tersebut. Semua ini dilakukan untuk mencapai satu keputusan yang paling adil di dalam keadaan yang melibatkan tohmahan yang dibuat. Setelah penyiasatan yang teliti dijalankan, Peguam Negara akan membuat keputusan yang sewajarnya berdasarkan keterangan yang ada dan berasaskan undang-undang. Oleh itu, adalah tidak benar dakwaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa pihak yang berkenaan tidak menyiasat dakwaan rasuah yang dikatakan berlaku di kalangan kehakiman dan hanya berminat untuk memburu mereka yang menulis surat layang itu.

Perlu ditegaskan bahawa tindakan mengedarkan surat-surat yang mengandungi tohmahan-tohmahan terhadap badan kehakiman, merupakan tindakan serius yang tidak boleh diabaikan oleh kerana tindakan-tindakan seperti itu juga merupakan satu kesalahan berasingan dari soal sama ada tohmahan-tohmahan itu benar atau sebaliknya.

Tuan R. Karpal Singh:: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Okay, okay, sekejap lagi. Peguam Negara telah menjelaskan bahawa penyiasatan yang dijalankan itu bukanlah bertujuan untuk menjejaskan imej dan integriti badan kehakiman, tetapi

ianya didorong oleh suatu tujuan murni bagi mempertahankan badan tersebut dari diserapi oleh elemen-elemen yang tidak diingini yang boleh menyebabkan terhakisnya kepercayaan orang ramai terhadap badan berkenaan. Saya merasa amat kesal bahawa perkara mengenai surat layang ini telah digunakan oleh parti pembangkang untuk menjadi modal politik yang bertujuan menguntungkan mereka.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Tanjong supaya kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun, ya.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Beri saya habis bab ini, Yang Berhormat, baru tanya. Baru senang.

Tuan Lim Kit Siang: Sekejap sahaja.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Kalau tidak, Yang Berhormat keliru, saya pun keliru. *[Ketawa]* Okay, sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Teruskan.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Tanjong supaya kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan, kerajaan berpendapat, adalah wajar dan memadai bahawa perkara ini dikendalikan oleh Peguam Negara dan pihak polis selaras dengan Perlembagaan dan undang-undang.

Saya berharap pihak pembangkang tidak menggunakan emosi dan perasaan untuk menjadikan sesuatu yang berdasarkan undang-undang kepada bahan politik. Dengan hal yang demikian, saya berharap penjelasan ini dapat melenyapkan dakwaan dan tohmahan, terutama daripada parti pembangkang mengenai integriti dan kebebasan badan kehakiman.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Kuala Pilah supaya penyiasatan terhadap surat layang mengenai badan kehakiman tidak dilakukan, saya ingin menjelaskan bahawa tujuan.....

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:..... Nak habiskan ini. Tujuan penyiasatan itu dijalankan adalah bagi mempertahankan badan tersebut dari diserapi oleh elemen yang tidak diingini yang boleh menyebabkan terhakisnya kepercayaan orang ramai terhadap badan berkenaan.

Beberapa kenyataan yang dikeluarkan oleh Peguam Negara adalah semata-mata untuk memberi penjelasan mengenai keadaan yang sebenar. Okay.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Adakah benar dalam siasatan yang dijalankan dalam laporan yang dibuat dalam perkara ini, seorang hakim ada dibawa ke Bukit Aman untuk memberi statement di bawah seksyen 112, Akta Kanun Acara Jenayah. Dan juga dalam Dewan yang mulia ini, khasnya Ahli dari Parit Sulong ada menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh Peguam

Negara, khasnya melalui apa yang disuarakan olehnya sebagai seorang yang boleh dianggap sebagai “unsound politician”.

Adakah ini bermakna bahawa satu undi tidak percaya ada diluluskan oleh BBC khasnya, dalam Peguam Negara? Jikalau begitu, adakah baik Peguam Negara menjadi pihak yang menentukan apabila siasatan ini ditamatkan untuk diambil tindakan? Adakah Peguam Negara pihak yang baik dalam keadaan di mana khasnya Yang Berhormat dari Parit Sulong ada menyuarakan bahawa orang ini adalah seorang yang tidak boleh dipercayai?

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Perkara yang pertama, saya akan rujuk kepada pihak yang berkenaan adakah mereka sudah selesai dan sama ada perkara itu benar atau tidak benar. Sekiranya sudah selesai dan boleh diceritakan kepada umum, termasuk Dewan yang mulia ini, maka akan dibuat kenyataan di dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara yang kedua, Yang Berhormat dari Parit Sulong bercakap adalah sebagai anggota atau Ahli Dewan Rakyat dan bukan sebagai Pengerusi BBC. Maka saya menolak sekeras-kerasnya bahawa itu satu cadangan undi tidak percaya kepada Peguam Negara.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, hendak beri Tanjong ataupun Parit Sulong?

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya telah pun membuat correction kepada Yang Berhormat dari Jelutong bahawa tafsiran perkataan “unsound” itu adalah tidak betul. Cuma saya kata, kenyataan-kenyataan yang kurang stabil, bermakna longgar yang boleh membawa tafsiran dan kontroversi. Itu penjelasan saya.

Jadi, saya tidak mahu dibabitkan dan dijadikan satu modal untuk memukul kita balik. Kita berniat baik, kita tidak menyekat AG dari bercakap. Kita cuma kata, bercakap dengan kenyataan yang penuh fakta dan tidak menimbulkan kontroversi sebagaimana yang sekarang ini dieksploitasikan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, umpamanya.

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan akhbar yang dibuat oleh Peguam Negara semata-mata berniat untuk memberi kenyataan kepada orang ramai supaya dihapuskan kekeliruan. Kalau ada lagi kekeliruan-kekeliruan daripada kenyataan-kenyataannya atau sebab-sebab mengapa dia lakukan, boleh kita buat penerangan selanjutnya kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri tadi ada berkata.....

Seorang Ahli: Buka mikropon, tak dengar!

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri tadi ada mendakwa bahawa pihak kita di sini emosional dalam perkara ini. Sebenarnya, bukankah benar orang yang emosional dalam perkara ini ialah Peguam Negara? Dalam kenyataan pertamanya mengenai Ides of March dan lain-lain dan apa-apa

kenyataan untuk menafikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Apa yang beliau tentu bersetuju ialah kenyataan itu sangat emosional. Tentu dia tidak menafikan. Sangat emosional. Bukan pihak kita di sini yang emosional.

Dan, Yang Berhormat Menteri mengatakan sekarang bahawa oleh kerana laporan polis yang dibuat pada 15hb. Mac akan disiasat bukan sahaja siapa menulis dan menyebarkan surat-surat layang itu, tetapi juga mengenai mengadakan tohmahan-tohmahan mengenai korupsi atau amalan yang curang hakim-hakim sama ada benar atau tidak benar.

Bukankah benar dalam kenyataan pertama oleh Peguam Negara, beliau menumpukan dalam satu perkara sahaja iaitu siapa di belakang yang bertanggungjawab untuk surat layang itu dan bukan sama ada tohmahan-tohmahan itu benar atau tidak benar? Tetapi oleh kerana kritik-kritik yang dibuat terhadap Peguam Negara oleh beberapa pertubuhan dan pihak kita di sini bahawa ini tidak patut dan tidak wajar, barulah sekarang mengatakan bahawa siasatan akan dibuat terhadap tohmahan-tohmahan sama ada benar atau tidak benar.

Sekurang-kurangnya ini kita mengalu-alukan. Tetapi kalau inilah tujuan mengenai tuduhan-tuduhan korupsi yang berlaku di kalangan hakim-hakim, bukankah lebih wajar dan lebih tepat bahawa siasatan dibuat bukan oleh pihak polis, tetapi oleh pihak ACA - Badan Pencegah Rasuah dan adakah laporan rasmi akan dibuat kepada ACA supaya membolehkan ACA menjalankan siasatan ini?

Kedua, bukannya benar bahawa kalau pihak polis mahu menjalankan satu siasatan yang menyeluruh mengenai tohmahan-tohmahan dalam poison-pen letter sepanjang 33 muka itu, apakah mekanisme yang ada pada pihak polis? Bukankah sebenarnya mekanisme yang ada pada pihak polis tidak membolehkan satu siasatan untuk diadakan sama ada tohmahan-tohmahan itu benar atau tidak benar? ACA atau satu Suruhanjaya Diraja perlu diadakan.

Akhirnya, bukannya benar bahawa isu yang terlibat di sini ialah mengenai integriti dan kebebasan kehakiman? Tidak lama lagi kita akan mengadakan satu sidang Menteri-menteri Undang-undang Komanwel dan kalau kita mahu sembunyikan perkara ini, bukannya Malaysia akan menjadi bahan ketawa bahawa dalam satu isu yang begitu serius yang diakui oleh Peguam Negara dan yang diakui oleh Perdana Menteri, kita tidak rela mengadakan satu siasatan terbuka dan menyeluruh?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Peguam Negara menyatakan penyiasatan dibuat terhadap penulisan dan orang yang menulis dan menyebarkan kerana itu diberi tumpuan awal dalam kes ini. Segala tohmahan rasuah akan berlaku kepada sesiapa juga tentulah ACA akan mengambil perhatian. Yang sebenarnya bukanlah kita menolak, kerajaan ataupun Peguam Negara menolak bahawa ia tidak mempedulikan tentang hal kes itu berlaku atau tidak tetapi kes surat layang ini ialah kali yang pertama berlaku secara hebat. Maka sebab itu Peguam Negara nampak sedikit emosi, seolah-olah emosi - bukan emosi. Kerana perkara ini [*Ketawa*] perkara baru. Kerana emosi

ini ialah nesbi yakni subjektif, siapa yang lihat. Kadang-kadang Yang Berhormat tengok saya emosi, padahal saya selalu kelakar dengan orang. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Seolah-olah emosi.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Seolah-olah emosi kerana perkara ini berlaku, perkara baru tentang surat layang dalam hal badan kehakiman, tiga badan iaitu legislative, judiciary dan pihak pentadbiran.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjung Karang bangun.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Silakan.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapatkan penjelasan, saya baca dalam surat khabar ada dua orang yang telah ditangkap oleh pihak polis, kemudian dibebaskan - mengenai penyiasatan kes surat layang. Saya ingin tahu, mengapakah pihak polis tidak menyiasat ahli-ahli daripada parti pembangkang kerana daripada hujah dalam Dewan ini dan usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong jelas menunjukkan bahawa mereka memang tahu terperinci mengenai surat layang dan kalau pihak polis menyiasat mereka, mungkin mereka boleh membantu pihak polis untuk mencari siapa sebenarnya yang menulis surat ini. Saya amat setuju, ini amat penting kerana ini telah mencemarkan kuasa judiciary dan saya ingin mendapat penjelasan, apakah setiap surat layang ini mesti dilayan dan apabila surat layang ini disebarkan kepada ramai, sebagai contoh adakah logik kalau surat layang

disebarkan iaitu memburuk-burukkan parti DAP sebagai contoh, apakah kita mesti menubuhkan satu suruhanjaya ataupun satu tindakan yang besar-besaran mesti dibuat? Kalau ini kita dibuat, seolah-olah kerajaan kita menggalakkan rakyat kita menulis surat layang dengan begitu banyak sekali.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan belum tamat lagi. Jadi, saya tidaklah menolak kemungkinan orang parti pembangkang juga dalam intipan pihak polis [*Tepuk*] dalam hal ini. Jadi, inilah.....

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Noh bin Omar: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk lain. Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat...

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan saya tadi bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak minta penjelasan ya?

Tuan Lim Kit Siang: Hendak minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukan hendak beri penjelasan?

Tuan Noh bin Omar: Pasang "mic"lah, tidak dengar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta jalan tadi mengenai dengan tohmahan-tohmahan, ACA sudah masuk ke dalam gelanggang untuk siasat dan Commonwealth Ministers' Law Conference.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Sepertimana yang kita tahu bahawa segala apa sahaja yang dibangkitkan mengenai penyelewengan-penyelewengan tertentu, Badan Pencegah Rasuah sentiasa membuka mata mereka kepada perkara....

Tuan Lim Kit Siang: Buka mata sahaja?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Buka mata dengan penyiasatan. Bukan buka sahaja. *[Ketawa]* Ertinya mereka akan mengambil tahu, saya tahu bahawa akan juga menjadi tugas mereka melihat perkara ini bersama-sama dengan pihak yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah mereka siasat? Buka mata tidak guna. Adakah mereka siasat?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia sudah kata tadi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Maksud saya buka mata itu maknanya bahawa mereka juga mengambil perkara ini satu pertimbangan yang berat untuk menjadi tugas mereka untuk menentukan tohmahan itu betul atau tidak. Itu tugas ACA.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tanjung Karang bangun lagi.

Tuan Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sejak bila ataupun adakah pihak kerajaan

selama ini bertindak menyiasat bahawa kes rasuah ini, mereka bertindak mengikut arahan dari parti pembangkang? Adakah kerajaan bertindak kerana mereka fikir perlu bertindak tanpa diarah oleh mana-mana pihak?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah mempunyai integriti sendiri. Apa sahaja penyelewengan dalam negara ini, terus mereka menerkam pihak berkenaan. *[Ketawa][Tepuk]* Bukan buka mata lagi, mereka terkam kepada keadaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat telah membangkitkan isu penggunaan istilah Bahasa Malaysia....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Silakan. Saya diberitahu Yang Berhormat, bahawa kita tidak boleh lewat sangat persidangan ini. Saya tengah malam pun tidak apa. Selalu qiamullail lebih daripada ini lagi. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya pun tahu tidak boleh sampai selepas tengah malam. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah tohmahan-tohmahan yang paling menakutkan pihak kerajaan? Tohmahan manakah yang dianggap paling teruk sekali yang perlukan siasatan terperinci bukan sahaja dari pihak polis tetapi juga dari pihak BPR? Saya rasa....

Tuan Noh bin Omar: *[Mencelah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, yang lain janganlah mencelah macam itu.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa badan kehakiman menjalankan keadilan setiap hari. Setiap hari memutuskan orang yang bersalah, di mana pihak yang menang, pihak yang kalah di dalam perbicaraan. Maka soal tuduhan, tohmahan kepada hakim-hakim kita boleh menjejaskan orang ramai serta-merta.

Adapun tohmahan kepada orang politik, itu boleh tahan. Ertinya tidak menjejaskan orang ramai serta-merta. Kerana hari ini apabila surat layang itu dibaca oleh orang ramai, pada masa itu perbicaraan sedang berlaku, mungkin hukuman dijatuhkan pada masa itu, maka akan terlintastah di dalam hati orang ramai kesan daripada tulisan itu. Maka, sebab itulah kita katakan bahawa badan kehakiman yang mempunyai integriti yang begitu kuat, begitu hebat dalam negara kita tidak boleh diberi peluang untuk pihak-pihak yang jahat menghakiskan keyakinan orang ramai terhadap badan ini.

Ahli Yang Berhormat...sudah masuk isu bahasa Yang Berhormat. Dari Kepong tidak apa, I love you. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Jawah anak Gerang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri kepada Kepong ya?

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu. Yang Berhormat...

Tuan Jawah anak Gerang: Saya tidak pernah tanya soalanlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya....

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Satu demi satu Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri hendak beri pada siapa?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya beri pada Yang Berhormat dari.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Lubok Antu.
[Tepuk][Ketawa]

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tidak usah banyak sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu hak Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Jawah anak Gerang: Hei duduklah Kepong!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sabar! Tidak apa. Satu demi satu.

Tuan Jawah anak Gerang: Saya tidak pernah membuat soalan tetapi saya selalu melihat Yang Berhormat dari Kepong. Jadi beri peluanglah.

Ini berkenaan dengan surat layang. Saya ingin mendapat pandangan di sini sama ada kerajaan boleh bertindak ke atas kes surat layang. Kita ini ahli politik, di mana-mana sahaja pasti menerima banyak surat layang. Kerana kalau kerajaan ada surat layang, bertindak, ada sahaja surat layang, buat siasatan. Saya rasa orang yang membuat surat layang adalah orang yang takut. Kalau sudah betul-betul ada bukti, buatlah laporan sendiri. Bawa ke mahkamah. Ini cara yang berani. Kalau ke atas surat layang tidak ada bukti...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak berucapakah ataupun hendak soal Yang Berhormat?

Tuan Jawah anak Gerang:bukan ini pandangan. Bolehkah kerajaan bertindak semata-mata ke atas surat layang? Siapa yang menulisnya tidak tahu. Bolehkah kerajaan semata-mata bertindak ke atas surat layang kerana banyak surat layang, bolehkah kita bertindak ke atas surat layang semata-mata? Siapa yang menulis kita tidak tahu.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, surat layang banyak kategorinya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi surat layang terhadap hakim-hakim dan badan kehakiman ialah kategori yang terasing daripada kategori-kategori lain kerana ini boleh menghasutkan orang ramai sertamerta seperti yang saya katakan tadi, terhadap kepercayaan mereka bagi menghormati badan kehakiman dan integriti. Sebab itulah kerana ini perkara yang berlaku setiap hari seperti yang saya sebut tadi, tentulah apabila surat layang

serupa ini datang kepada orang ramai, orang ramai mudah percaya kepada keadaan ini.

Dengan itu akan mudah terhakis kepada Badan Kehakiman atau integriti dan kepercayaan kepada Badan Kehakiman, dengan itu akan membawa negara kita kepada huru-hara yang lebih besar.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

.....

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Maka sebab itu kategori lain kita katakan ini, dia kena buat siasatan dengan segera.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Pada pendapat Yang Berhormat apakah faktor-faktor yang menyebabkan surat layang ini wujud di kalangan judiciary sekarang? Apakah faktornya, adakah kerana ada perkara yang tidak betul di dalam kehakiman ataupun kerana standard ataupun kualiti kehakiman itu sudah runtuh? Apakah sebabnya pada pendapat Yang Berhormat, sebelum kita tahu laporan kajian yang lengkap?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Waktu yang utama sekali ialah 'orang jahat' dan hati perut mereka makin bermaharajalela dalam negara ini - itu faktor utama. Jadi, inilah faktor utama, orang yang cuba meruntuhkan negara ini, mereka cuba menuduh ahli politik, tetapi tidak termakan, tuduhlah macam manapun rakyat tetap mengundi Barisan Nasional

dengan begitu hebat sekali. *[Tepuk]* Begitu juga tuduhan kepada pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan, kakitangan kerajaan membuat kejayaan yang begitu besar sekali kepada negara ini.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat Menteri tadi ada memberi beberapa jawapan, beberapa penjelasan. Bolehkah saya mendapat tahu bahawa Menteri berkenaan ada membaca ‘surat layang’ ini, dan adakah benar dalam surat layang ini dan saya diberitahu ada dikatakan seorang hakim ‘is known for his sexual prowess’ adakah itupun disiasat dalam siasatan polis ini?

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, ‘surat layang’ adalah haram dibaca oleh mana-mana orang. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Siapa baca tangkap!

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Ertinya dari segi agama Islam haram membacanya, tidak boleh baca, pegang pun tidak boleh, kerana kalau kita tahu orang menyebut tentang keburukan orang lain, cepat-cepat kita mesti tutup keburukan itu dan kita siasat apa yang sebenar, tidak boleh disebarkan kepada orang ramai. Maka sebab itu saya tidak baca.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Yang pertama, kalau begitu ‘haram’ tidak boleh baca, jadi bagaimana pihak polis akan menjalankan siasatan?

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri, adakah ini bererti akhirnya siasatan ini ‘kosong’?

Yang ketiga, tadi Yang Berhormat kata apabila Yang Berhormat dari Kepong bertanya apakah sebab utama menyebabkan surat layang ini, Yang Berhormat Menteri kata ini adalah kerana ‘orang jahat’, orang yang bertanggungjawab menulis surat layang terhadap pemimpin-pemimpin politik tidak ‘termakan’, sekarang mahu menjatuhkan kehakiman. Adakah ini bererti bahawa Yang Berhormat Menteri syak, percaya bahawa orang yang bertanggungjawab mengenai surat layang terhadap kehakiman sama dengan orang-orang yang ada mengeluarkan surat layang baikpun terhadap pemimpin-pemimpin UMNO ataupun menteri-menteri UMNO adalah orang yang sama?

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebagai kiasan (analogy), melihat kepada anggota sulit wanita atau lelaki itu dilarang oleh undang-undang, oleh agama, tetapi bagi seorang doktor dia boleh lihat [*Ketawa*] ha! itu dia. Dia dibenarkan lihat dan wajib lihat, kalau tidak macam mana hendak jahit, kalau tidak lihat? [*Ketawa*] Maka begitulah juga bagi pihak anggota polis, dia kena baca dengan baik.....

Seorang Ahli: Lawyer tidak boleh!

Seorang Ahli: Ini bagus.

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Kemudian apa yang saya kata ‘sangka jahat’ tadi kerana faktor banyak ‘orang jahat’ ini kerana dia tidak tandatangan. Siapa yang tidak tandatangan itu ‘orang jahat’, orang yang baik dia bercerita betul kepada ACA. Saya lihat ini buktinya, sebab itu faktor ‘orang jahat’ ini makin bermaharajalela dalam masyarakat kita yang kita mesti

bendung, sebab itu kita nampak seolah-olah Peguam Negara sedikit emosi kerana dia sangat marah kepada ‘orang jahat’ ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya hendak sambung sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Akhirnya, sedikit.

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Ya, akhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ada lagi hendak tanya?

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Okay. Last one!

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana apabila ada laporan polis, pihak penyiasat...

Seorang Ahli: Jahit! jahit!

Tuan Lim Kit Siang: pihak polis baca tidak haram, tetapi sebelum laporan polis dibuat, mereka yang membaca itu haram. Adakah ini bererti bahawa Peguam Negara pun melakukan apa yang haram oleh kerana sebelum laporan polis dibuat dia sudah baca.

Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua,
.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Dia doktor, ahli jahit!

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah seorang seorang peguam, dia tahu bahawa Peguam Negara adalah atas sekali dari segi pelaksanaan undang-undang dalam negara kita.....

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Dia yang mengarahkan, dia yang menghukum.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Gerik bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tukang jahit, Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Menteri, tetapi dia sudah jawab memang tepatlah. Sebenarnya pembangkang tidak faham analogy tadi, bermakna orang lain tidak boleh tengok, tetapi doktor boleh tengok, serupa juga yang ini. Peguam Negara merupakan orang yang paling tinggi menentukan sama ada siasatan boleh dijalankan ataupun tidak. Jadi, tepatlah sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Lim Kit Siang: *[Mengganggu]*

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya....

Seorang Ahli: Lawyer tidak boleh tengok!

Seorang Ahli: *[Mengganggu]*

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat - masih mengenai Peguam Negara lagi - telah membangkitkan isu penggunaan istilah Bahasa Malaysia dalam perundangan. Berhubung perkara ini suka saya jelaskan bahawa mengikut Seksyen 6, Akta Bahasa Kebangsaan.....

[Y.B.Tuan Lim Kit Siang dan Y.B. Tuan R. Karpal Singh keluar meninggalkan Dewan]

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tak payah 'jahitlah', baliklah! *[Ketawa]*

Seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, teks bagi segala rang undang-undang yang akan dikemukakan serta pindaan-pindaan kepadanya hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris.

Semenjak adanya seksyen ini di antara tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara ialah menyediakan rang undang-undang dalam kedua-dua bahasa. Mengikut peraturan kerja yang sedia ada apabila rang undang-undang itu dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara, setelah dasar diputuskan oleh kementerian yang berkenaan, draf rang undang-undang dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara sama ada dalam bahasa Inggeris

atau Bahasa Malaysia. Istilah perundangan bukan dicipta oleh Peguam Negara secara persendirian. Adalah aneh jika dikatakan Peguam Negara hendaklah menghadkan kerja terhadap perkara yang berkaitan dengan undang-undang sahaja.

Di dalam menggubal sesuatu rang undang-undang perkara yang disentuh dalam perundangan yang hendak dibentangkan oleh kementerian yang berkenaan termasuklah perkara yang meliputi soal ekonomi, soal masyarakat, soal perniagaan, soal pentadbiran, soal jenayah dan sebagainya.

Dalam menggubal perundangan tersebut Peguam Negara dan juga pegawai-pegawai di jabatan juga harus mengambil perhatian dan peka terhadap isu semasa, kesan dan implikasinya terhadap negara, rakyat dan masyarakat seluruhnya.

Undang-undang bertulis yang telah dikanunkan sebelum tahun 1967 adalah dalam teks bahasa Inggeris sahaja dan dalam Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara juga membuat terjemahan ke Bahasa Kebangsaan bagi undang-undang persekutuan sebelum tahun 1967. Bahagian Gubalan sekarang ini mempunyai seksyen Bahasa Kebangsaan yang terdiri dari Unit A dan Unit B. Unit A ialah Unit Bahasa Kebangsaan bagi penggubalan rang undang-undang dan perundangan subsidiary semasa, manakala Unit B pula adalah suatu unit yang telah ditubuhkan khusus bagi terjemahan undang-undang sebelum tahun 1967 dalam Bahasa Kebangsaan. Pelaksanaan dasar Bahasa Kebangsaan dalam bidang perundangan dapat dilihat dengan perkembangan penggunaan Bahasa

Kebangsaan dan kerja-kerja yang berkaitan dengan perundangan. Penubuhan Seksyen Bahasa Kebangsaan, Bahagian Gubalan serta unit-unit di bawahnya dan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa istilah bagi membentuk dan mewujudkan istilah-istilah Bahasa Kebangsaan yang dapat digunakan dalam bidang perundangan.

Adalah tidak benar sama sekali Peguam Negara membelakangkan Bahasa Malaysia, jika tugas-tugas Jabatan Peguam Negara meliputi penterjemahan di mana kesahihan rang undang-undang itu menjadi tanggungjawab dan beban jabatan tersebut, dengan itu Peguam Negara sentiasa memberi perhatian terhadap terjemahan-terjemahan yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan bukan secara bersendirian.

Semenjak wujudnya keadaan di mana rang undang-undang perlu dibentangkan dalam Bahasa Melayu, Jabatan Peguam Negara telah berusaha untuk mengumpulkan istilah yang memperkayakan bahasa yang didapati melalui rang undang-undang yang kemudiannya menjadi akta-akta. Rujukan-rujukan sentiasa dibuat kepada buku-buku mengenai istilah-istilah dalam apa bidang jua yang dapat diperolehi di mana sumbernya adalah Dewan Bahasa dan Pustaka. Apa yang menghairankan ialah Ahli Yang Berhormat sendiri terlupa bahawa perkataan 'prosiding' yang terdapat dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan 1967 itu wujud bukan dengan sewenang-wenangnya oleh Peguam Negara sendiri, tetapi merupakan perkataan yang telah diterima di jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan yang telah dianggotai oleh pakar-pakar

bahasa selain daripada badan kehakiman dan ahli bahasa. Janganlah Ahli Yang Berhormat lupa bahawa seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan juga membenarkan dalam keadaan tertentu seseorang anggota Dewan Undangan menggunakan bahasa Inggeris, walaupun ketika memberi ucapan atau mengambil bahagian dalam majlis Parlimen atau Dewan Undangan. Saya yakin Ahli Yang Berhormat tidak lupa bahawa Bahasa Melayu telah diperkayakan dengan bahasa di mana asalnya ialah bahasa Arab dan bahasa Sanskrit, dan kita tidak perlu keterlaluan soal-soal asal bahasa yang digunakan dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa melangkau kerana masa tidak ada. Pindaan Perlembagaan di Sabah. Ahli Yang Berhormat dari Bandau dan Libaran telah membangkitkan mengenai cadangan mengubah perlembagaan negeri Sabah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kuasa Ketua Menteri Sabah adalah seperti yang termaktub di dalam perlembagaan Sabah, di mana beliau merupakan seorang daripada ahli Kabinet Negeri Sabah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pentadbiran negeri Sabah, termasuklah pentadbiran mana-mana Jabatan Kerajaan Negeri Sabah yang berkenaan dan undang-undang negeri berkenaan pula menjelaskan bidang kuasa Ketua Menteri. Sebagai seorang ahli Kabinet, beliau juga bertanggungjawab secara kolektif kepada Dewan Undangan Negeri. Soal sama ada perlembagaan negeri Sabah perlu diubah terletak di tangan Dewan Undangan Negeri Sabah. Artikel 43(2), Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan agar pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah

memerlukan undian tidak kurang dari dua pertiga bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Peranan Kerajaan Persekutuan hanyalah sebagai penasihat sahaja kerana Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa kuasa eksekutif dan perundangan negeri terletak di bawah bidang kuasa negeri tersebut, Bahagian VI dan Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan. Dengan demikian, apa-apa cadangan Kerajaan Pusat untuk mengubah Perlembagaan Negeri Sabah sebagai satu langkah untuk menyelesaikan masalah penggiliran jawatan Ketua Menteri seperti yang didakwa hanya merupakan cadangan sahaja, sehinggalah ianya diterima oleh kerajaan negeri dan seterusnya Dewan Undangan Negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang menyentuh Bahagian Hal Ehwal Islam mengenai maklumat Internet, kedudukan sekolah agama, pengurusan Mahkamah Syariah, elau imam-imam dan soal penama dalam KWSP. Segala teguran-teguran yang dibuat akan diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. Begitu juga soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit mengenai anggota wanita dalam Majlis Fatwa Kebangsaan, hal ini juga akan diambil perhatian oleh pihak yang berwajib.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai penswastaaan. Ada banyak pihak yang mengatakan terutama Yang Berhormat dari Yan dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain menyatakan bahawa penswastaaan tidak membayangkan persamarataan dan pembahagian habuan-habuan dalam projek-projek penswastaaan. Sukalah saya menjawab bahawa kerajaan berhati-hati dan

sungguh berwaspada tentang mengagihkan projek-projek penswastaaan ini. Memang ada syarikat-syarikat yang besar dianugerahkan atau diberi projek-projek yang besar, tetapi tujuan kerajaan berbuat demikian supaya kompeni atau syarikat yang besar-besar itu bertambah kukuh dan kuat supaya dapat menandatangani projek-projek di luar negara, terutama sekali di sekitar kita.

Ahli Yang Berhormat dari Yan juga telah membangkitkan mengenai resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Yang Ketiga. Suka saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa beberapa kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pelaksanaan resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga kurang tepat, terutama mengenai dana pinjaman khas dan Amanah Pelaburan Bumiputera. Dan perlu diperjelaskan Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai penubuhan dana pinjaman khas dari bank-bank tempatan untuk membiayai perniagaan bumiputera. Sebenarnya dana ini dinamakan Skim Galakan Usahasama, adalah untuk membiayai usahasama tulen antara bumiputera dan bukan bumiputera dan rakyat asing.

Selain itu, cadangan asal penubuhan hanya melibatkan 6 buah bank dengan modal sebanyak RM210 juta, tetapi semasa pelancaran dibuat ianya melibatkan 8 buah bank tempatan dan kesemuanya dengan modal sebanyak RM280 juta.

Menyentuh mengenai keputusan kerajaan supaya Amanah Pelaburan Bumiputera ditubuhkan di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk menjamin pegangan ekuiti bumiputera jangka panjang, keputusan awal yang

dibuat adalah tertakluk kepada kajian lanjut yang akan dibuat dan kesannya ke atas masa depan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Setelah kajian dibuat, ianya didapati akan memberi implikasi kepada prestasi dan masa depan PNB, dan dengan itu kerajaan telah tidak bersetuju dengan cadangan penubuhan Amanah Pelaburan Bumiputera.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah membangkitkan perkara mengenai perseimbangan dalam soal pembangunan wilayah. Malaysia adalah merupakan sebuah negara daripada hanya sebilangan kecil negara yang mengambil pendekatan pembangunan seimbang dalam perancangan pembangunan ekonominya. Usaha ini bukanlah satu kerja yang mudah untuk dicapai dan tambahan pula kedudukan dan keupayaan sumber yang berbeza bagi setiap kawasan telah menyulitkan perkara ini. Namun begitu, kerajaan begitu prihatin dalam usaha-usaha untuk menangani isu-isu ketidakseimbangan pembangunan negara di antara negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dibuat dalam Dewan ini. Segala perhatian, komen, teguran dan syor yang dibuat oleh Ahli-ahli lain yang berucap yang tidak sempat diberi penjelasan di sini, semuanya akan diambil perhatian oleh jabatan-jabatan berkenaan. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, iaitu:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku.

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan.”

disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku.

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak

syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.08 malam.

